

**SAFETY RECOMMENDATIONS FOR DECKED
FISHING VESSELS OF LESS THAN 12 METRES IN
LENGTH AND UNDECKED FISHING VESSELS**

IMO/FAO/ILO

**SARANAN KESELAMATAN UNTUK VESEL
BERDEK KURANG DARI 12 METER PANJANG
DAN VESEL TANPA DEK**

IMO/FAO/ILO

(For Malaysia)



January 2017



Southeast Asian Fisheries Development Center



What is SEAFDEC?

The Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC) is an autonomous intergovernmental body established as a regional treaty organization in 1967 to promote fisheries development in Southeast Asia.

Objectives

SEAFDEC aims specifically to develop the fishery potential in the region through training, research and information services in order to improve the food supply by rational utilization of the fisheries resources in the region.

Functions

To achieve its objectives, the Center has the following functions:

1. To offer training courses, and organize workshops and seminars in fishing technology, marine engineering , extension methodology, post-harvest technology, and aquaculture.
2. To conduct research on fishing gear technology, fishing ground survey, post-harvest technology and aquaculture, to examine problems related to the handling of fish at sea and quality control, and to undertake studies on the fishery resources in the region.
3. To facilitate the transfer of technology to the countries in the region and to provide information materials to the print and non-print media, including the publication of statistical bulletins and reports for the dissemination of survey, research and other data on fisheries and aquaculture.

Membership

SEAFDEC membership is open to all Southeast Asian Countries. The Member Countries of SEAFDEC at present are Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Japan, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, the Philippines, Singapore, Thailand, and Vietnam.



Apakah SEAFDEC

Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) merupakan badan autonomi antara kerajaan yang telah ditubuhkan sebagai organisasi serantau pada tahun 1967 bagi menggalakkan pembangunan sektor perikanan di rantau Asia Tenggara.

Objektif

Matlamat SEAFDEC adalah untuk membangunkan perikanan yang berpotensi di kawasan serantau melalui aktiviti latihan, penyelidikan dan perkhidmatan maklumat bagi meningkatkan bekalan makanan dengan penggunaan sumber perikanan secara rasional di rantau Asia Tenggara.

Fungsi

Bagi mencapai objektif, SEAFDEC memiliki fungsi seperti berikut:

1. Membekalkan kursus latihan, dan menganjurkan bengkel dan seminar tentang teknologi perikanan, kejuruteraan marin, kaedah pengembangan, teknologi pasca tuai, dan akuakultur.
2. Menjalankan penyelidikan dalam bidang peralatan pengangkutan ikan, tinjauan kawasan perikanan, teknologi pasca tuai, dan akuakultur, mengenalpasti masalah berkaitan pengendalian ikan di atas vesel dan kawalan kualiti, serta menjalankan kajian tentang sumber perikanan di rantau Asia Tenggara.
3. Memudahkan pemindahan teknologi ke Negara-negara di rantau Asia Tenggara dan membekalkan bahan maklumat dalam bentuk media cetak dan bukan cetak, termasuk penerbitan buletin statistik dan laporan untuk penyebaran hasil tinjauan, penyelidikan dan lain-lain data berkaitan perikanan dan akuakultur.

Keanggotaan

Keanggotaan SEAFDEC terbuka kepada semua Negara di rantau Asia Tenggara. Negara ahli SEAFDEC sehingga kini adalah Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Jepun, Republik Demokratik Rakyat Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

TRANSLATOR

Ms Keni Ngiwol

Department of Fisheries Malaysia

Ms Imelda Riti Rantty

Fisheries Research Institute of Malaysia

EDITOR

Engineering Section

Department of Fisheries Malaysia



The production of this publication is supported
by the Japanese Trust Fund to SEAFDEC.

PENTERJEMAH

Ms Keni Ngiwol

Jabatan Perikanan Malaysia

Ms Imelda Riti Rantty

Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia

EDITOR

Bahagian Kejuruteraan

Jabatan Perikanan Malaysia



Penerbitan ini ditaja oleh Dana Amanah Jepun
Kepada SEAFDEC

ANNEX 29

**SAFETY RECOMMENDATIONS FOR DECKED FISHING VESSELS OF
LESS THAN 12 METRES IN LENGTH AND UNDECKED FISHING VESSELS**

CONTENTS

	Page
Preamble	2
Chapter 1 General provisions	4
Chapter 2 Construction, watertight integrity and equipment	9
Chapter 3 Stability and associated seaworthiness	15
Chapter 4 Machinery and electrical installations	25
Chapter 5 Fire protection and fire fighting	35
Chapter 6 Protection of the crew	37
Chapter 7 Life-saving appliances	41
Chapter 8 Emergency procedures and safety training	46
Chapter 9 Radio communications	48
Chapter 10 Navigational equipment	54
Chapter 11 Crew accommodation	56
Chapter 12 Manning, training and competence	59
Annex I Illustration of terms used in the definitions	61
Annex II Recommended construction standards for wooden fishing vessels	66
Annex III Recommended construction standards for GRP fishing vessels	94
Annex IV Recommended construction standards for steel fishing vessels	114
Annex V Recommended construction standards for aluminium fishing vessels	119
Annex VI Recommended standards for anchoring and mooring equipment	125
Annex VII Guidance on structural strength of hatch covers	128
Annex VIII Guidance on dimensions of freeing ports	129
Annex IX An approximate determination of small vessels' stability by means of the rolling period tests	131
Annex X Recommended practice on portable fish-hold divisions	133
Annex XI Examples of a stability notice	137
Annex XII Guidance on additional stability criteria for beam trawlers	138
Annex XIII Guidance on practical buoyancy test	139
Annex XIV Guidance on tools and spares to be carried on board	144
Annex XV Guidance on steering gear	146
Annex XVI Recommended practice for exhaust systems	148
Annex XVII Guidance on the installation of electrical equipment	154
Annex XVIII Guidance on basic First Aid Kit	165

Lampiran 29

SARANAN KESELAMATAN UNTUK VESEL BERDEK KURANG DARI 12 METER
PANJANG DAN VESEL TANPA DEK

KANDUNGAN

	Halaman
Pengenalan	2
Bab 1 Peruntukan Am	4
Bab 2 Pembinaan, <i>watertight integrity</i> dan peralatan	9
Bab 3 Kestabilan dan kelayakan belayar (<i>associated seaworthiness</i>)	15
Bab 4 Pemasangan Jentera dan Elektrik	25
Bab 5 Perlindungan dan memadam kebakaran	35
Bab 6 Perlindungan anak kapal	37
Bab 7 Peralatan keselamatan	41
Bab 8 Prosedur kecemasan dan latihan keselamatan	46
Bab 9 Komunikasi radio	48
Bab 10 Peralatan navigasi	54
Bab 11 Penginapan anak kapal	56
Bab 12 <i>Manning</i> , latihan dan kecekapan	59
Lampiran I Ilustrasi istilah yang digunakan dalam definisi	61
Lampiran II Piawai yang disarankan untuk pembinaan vesel kayu	66
Lampiran III Piawai yang disarankan untuk pembinaan vesel GRP	94
Lampiran IV Piawai yang disarankan untuk pembinaan vesel keluli	114
Lampiran V Piawai yang disarankan untuk pembinaan vesel aluminium	119
Lampiran VI Piawai yang disarankan untuk sauh dan penambat	125
Lampiran VII Panduan kekuatan struktur bagi penutup hac	128
Lampiran VIII Panduan dimensi liang birai	129
Lampiran IX Penentuan anggaran kestabilan vesel kecil melalui ujian tempoh guling	131
Lampiran X Saranan amalan penggunaan tangki penyimpanan ikan mudah alih	133
Lampiran XI Contoh notis kestabilan	137
Lampiran XII Panduan kriteria kestabilan tambahan bagi pukut tunda berbingkai	138
Lampiran XIII Panduan ujian keapungan yang praktikal	139
Lampiran XIV Panduan peralatan dan alat ganti yang perlu dibawa di atas vesel	144
Lampiran XV Panduan peralatan stereng	146
Lampiran XVI Amalan yang disarankan untuk sistem ekzos	148
Lampiran XVII Panduan pemasangan peralatan elektrik	154
Lampiran XVIII Panduan asas Kit Pertolongan Cemas	165

		Page
Annex XIX	Guidance on personnel protective equipment	166
Annex XX	Guidance on the requirements for buoyant apparatus	167
Annex XXI	Guidance on the requirements for life-saving equipment	169
Annex XXII	Recommendation for testing lifebuoys and lifejackets	182
Annex XXIII	Correct securing of hydrostatic release units	196
Annex XXIV	Guidance on safety training in emergency procedures	198
Annex XXV	Guidance on safe operation of winches, line haulers and lifting gear	200
Annex XXVI	Guidance on GMDSS	204
Annex XXVII	Range of VHF for various transmitting/receiving units	210
Annex XXVIII	Use of mobile telephones in distress and safety communications	212
Annex XXIX	Recommended performance standards for radar reflector	213
Annex XXX	Equipment required to comply with the Collision Regulations	214
Annex XXXI	International Code of Signals	219
Annex XXXII	Distress signals	220
Annex XXXIII	Guidance on basic pre-sea safety training	222
Annex XXXIV	Annotated list of pertinent publications	224

PREAMBLE

These safety recommendations are the result of the continuing co-operation between the Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO), the International Labour Organization (ILO) and the International Maritime Organization (IMO), in relation to the safety of fishing vessels that began with the development of Parts A and B of the Code of Safety for Fishermen and Fishing Vessels between 1968 and 1974 (hereinafter referred to as the Code) for decked fishing vessels of 24 metres in length and over. This was followed by the development of the Voluntary Guidelines for the Design, Construction and Equipment of Small Fishing Vessels (hereinafter referred to as the (Voluntary Guidelines) approved by the Maritime Safety Committee (MSC) at its forty-first session in October 1979 and by the FAO in November 1979 for circulation to governments and the ILO Governing Body being informed at its 211th session in November 1979 of the intention to publish this document.

On adopting the Torremolinos Protocol of 1993 relating to the Torremolinos International Convention for the Safety of Fishing Vessels, 1977, the Conference recommended that there would be a need to revise the Code. Consequently, IMO undertook a review and invited the participation of FAO and ILO, it also decided, at the same time, to review the Voluntary Guidelines; that are directed at decked fishing vessels of 12 m in length and over but less than 24 m in length.

Following the completion of the review, of the Code and the Voluntary Guidelines, the revised texts were approved by MSC at its seventy-ninth session (1 to 10 December 2004). Thereafter, at the Committee on Fisheries at its twenty-sixth session in March 2005, where FAO welcomed the revisions and recommended the early publication by IMO of these documents and later, the Governing Body of the ILO approved the revised texts at its 293rd session in June 2005.

Lampiran XIX	Panduan peralatan perlindungan kakitangan	166
Lampiran XX	Panduan keperluan peralatan pelampung	167
Lampiran XXI	Panduan keperluan peralatan menyelamatkan diri	169
Lampiran XXII	Saranan bagi pengujian pelampung dan jaket keselamatan	182
Lampiran XXIII	Pemasangan yang betul bagi unit pelepasan hidrostatik	196
Lampiran XXIV	Panduan latihan keselamatan dalam prosedur kecemasan	198
Lampiran XXV	Panduan operasi yang selamat untuk win, <i>line haulers</i> dan <i>lifting gear</i>	200
Lampiran XXVI	Panduan bagi GMDSS	204
Lampiran XXVII	Julat VHF untuk pelbagai unit menghantar/menerima	210
Lampiran XXVIII	Penggunaan telefon mudah alih dalam kecemasan dan komunikasi keselamatan	212
Lampiran XXIX	Piawai prestasi yang disarankan untuk reflektor radar	213
Lampiran XXX	Peralatan yang diperlukan untuk memenuhi Peraturan-Peraturan Perlanggaran	214
Lampiran XXXI	Kod Isyarat Antarabangsa	219
Lampiran XXXII	Isyarat kecemasan	220
Lampiran XXXIII	Panduan asas pra- latihan keselamatan laut	222
Lampiran XXXIV	Senarai terbitan berkaitan	224

Pengenalan

Saranan Keselamatan ini adalah hasil daripada kerjasama berterusan antara Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (*Food and Agriculture Organization of the United Nations*, FAO), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*, ILO) dan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (*International Maritime Organization*, IMO), berhubung keselamatan vesel nelayan. Pembangunan Kod Keselamatan Nelayan dan Vesel Bahagian A dan B bermula di antara tahun 1968 dan 1974 (kemudian daripada ini disebut sebagai Kod) untuk vesel dengan panjang 24 meter dan ke atas. Ini diikuti oleh pembangunan Garis Panduan Sukarela untuk Rekabentuk, Pembinaan dan Peralatan bagi vesel nelayan bersaiz kecil (selepas ini dirujuk sebagai Garis Panduan (Sukarela) yang diluluskan oleh Jawatankuasa Keselamatan Maritim (*Maritime Safety Committee*, MSC) pada sesinya yang ke-41, bulan Oktober 1979 dan oleh FAO pada November 1979 untuk edaran kepada kerajaan dan Badan Pentadbiran ILO dimaklumkan mengenai niat untuk menerbitkan dokumen ini pada sesinya yang ke-211 pada November 1979.

Bagi membolehkan Protokol Torremolinos 1993 yang berkaitan dengan Konvensyen Antarabangsa Torremolinos bagi Keselamatan Vesel Nelayan 1977 diterima, Persidangan mengesyorkan untuk menyemak semula Kod. Sehubungan dengan itu, IMO telah melaksanakan semakan semula dan menjemput penyertaan dari FAO dan ILO. Pada masa yang sama, ia juga telah memutuskan untuk mengkaji semula Garis Panduan Sukarela; dengan tumpuan kepada vesel nelayan dengan panjang 12 m dan ke atas tetapi kurang daripada 24 m panjang.

Teks semakan semula Kod dan Garis Panduan Sukarela telah diluluskan oleh MSC pada sesinya yang ke-79 (1 hingga 10 Disember 2004). Seterusnya, kelulusan pada peringkat Jawatankuasa Perikanan pada sesinya yang ke-26 pada Mac 2005, di mana FAO mengalu-alukan usaha semakan semula tersebut dan mencadangkan kepada IMO untuk penerbitan awal dokumen berkenaan. Badan Pengelola ILO telah meluluskan teks semakan semula pada sesinya yang ke-293 pada Jun 2005.

During the process of revising the Code and the Voluntary Guidelines, the fact became evident that there were no guidelines or recommendations for small fishing vessels of less than 12 m in length that were similar to Part B of the Code or the Voluntary Guidelines. As a consequence, the MSC, at its seventy-ninth session, agreed to include in the work programme of the Sub-Committee on Stability and Load Lines and on Fishing Vessels Safety (SLF) a new high-priority item on “Safety of small fishing vessels”. The aim being to develop safety recommendations for decked vessels of less than 12 m in length and undecked vessels, bearing in mind that the majority of fishing fatalities occur aboard such vessels.

The SLF Sub-Committee undertook the development of the safety recommendations in collaboration with FAO and ILO in order to provide guidelines to Competent Authorities for the design, construction, equipment, training of the crew of small fishing vessels as well as operational safety and established a correspondence group that commenced work in 2005 to develop recommendations. In this regard, the importance of addressing the small fishing vessel sector, that includes more than 80% of all fishing vessels, was emphasized by the more than 30 entities agreeing to participate in the work of the correspondence group.

The draft Safety Recommendations were submitted to other relevant sub-committees, and, following their clearance, the revised text was submitted to the MSC at its eighty-seventh session (12 to 21 May 2010) at which it was approved. [At the 29th session of the Committee on Fisheries in January 2011, FAO welcomed the Safety Recommendations and recommended the early publication by IMO of this document. The Governing Body of ILO approved the text at its xxx session in xxx.]

In addition to the IMO competence in relation to safety of life, vessels and equipment at sea, the correspondence group drew heavily on the wide experience of FAO in the design, construction and operation of small fishing vessels, particularly in developing countries where the majority of small fishing vessels operate. It also drew on the competence of ILO regarding conditions of work and service aboard small fishing vessels. The co-operation between FAO and IMO in relation to measures to combat Illegal, Unregulated and Unreported (IUU) fishing was recognized with particular regard to the adverse impact on the safety of small fishing vessels in many parts of the world.

The FAO/ILO/IMO Code of Safety for Fishermen and Fishing Vessels, 2005, part A, Safety and Health Practice, provides, in Section I, General, and in Section II, Undecked vessels and decked vessels of less than 12 metres in length, and in certain of its Appendices, guidance that concerns the safety and health of fishermen on small vessels. These Safety recommendations should be read in conjunction with the Code, part A. During the preparation of the Safety recommendations, it was, however, noted that additional operational guidance was needed concerning these vessels. This has been taken into account in the text. It is further recommended that in framing national safety requirements it would be essential to give consideration to local weather and sea conditions and any special operational requirements.

Following the adoption of the ILO Work in Fishing Convention, 2007 (No.188) and Recommendation, 2007 (No.199), the draft Safety Recommendations were reviewed to ensure that they were consistent with the ILO standards.

The FAO applied the draft Safety Recommendations in various countries through its field projects. The objective was to confirm their relevance to diverse fishing vessel types and

Semasa proses semakan semula Kod dan Garis Panduan Sukarela, didapati bahawa tiada garis panduan atau Saranan yang merangkumi vesel nelayan bersaiz kecil iaitu kurang daripada 12 m panjang dalam Kod Bahagian B atau Garis Panduan Sukarela. Sehubungan dengan itu, MSC bersetuju supaya Sub-Jawatankuasa berkaitan *Stability and Load Lines and on Fishing Vessels Safety*, SLF menambah program kerja iaitu "Keselamatan vesel nelayan bersaiz kecil" sebagai item baru yang diberi keutamaan pada sesinya yang ke-79. Tujuan membangunkan Saranan Keselamatan bagi vesel berdek yang panjang kurang daripada 12 m dan vesel tanpa dek adalah kerana majoriti kemalangan berlaku di kalangan vesel tersebut.

Sub-Jawatankuasa SLF melaksanakan pembangunan Saranan Keselamatan dengan kerjasama FAO dan ILO dalam menyediakan garis panduan untuk kegunaan Pihak Berkuasa Kompeten bagi reka bentuk, pembinaan, peralatan, latihan anak kapal bagi vesel nelayan bersaiz kecil serta operasi keselamatan. Satu Badan Penghubung telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada tahun 2005 yang diberi tanggungjawab membangunkan Saranan. Melalui Badan Penghubung, kepentingan vesel nelayan sektor kecil yang merangkumi lebih daripada 80% keseluruhan vesel nelayan dapat ditekankan oleh 30 entiti yang bersetuju untuk mengambil bahagian dalam Badan Penghubung ini.

Draf Saranan Keselamatan telah dikemukakan kepada jawatankuasa kecil lain yang berkaitan dan berikutan kelulusan mereka, teks semakan semula telah diserahkan kepada MSC yang kemudiannya diluluskan pada sesinya yang ke-87 (12 hingga 21 Mei 2010). [Pada sesi Jawatankuasa Perikanan yang ke-29, Januari 2011, FAO mengalu-alukan Saranan Keselamatan tersebut dan mencadangkan kepada IMO untuk terbitan wal domkumen ini. Badan Pengelola ILO telah meluluskan teks pada sesi xxx pada xxx.]

Atas kecekapan IMO berhubung keselamatan nyawa, vesel dan peralatan di laut, Badan Penghubung bergantung sepenuhnya kepada pengalaman luas FAO dalam pembinaan reka bentuk dan operasi vesel kecil, terutamanya di negara-negara sedang membangun di mana majoriti vesel yang beroperasi adalah di kalangan vesel nelayan kecil. Badan Penghubung juga bergantung kepada kecekapan ILO berhubung keadaan kerja dan perkhidmatan vesel nelayan kecil. Kerjasama antara FAO dan IMO berhubung langkah-langkah untuk memerangi penangkapan ikan secara haram, tidak dikawal dan tidak dilaporkan (Illegal, Unregulated, Unreported, IUU) telah diiktiraf dengan perhatian khusus kepada kesan buruk pada keselamatan vesel nelayan kecil di banyak bahagian di dunia.

Kod Keselamatan FAO / ILO / IMO bagi Nelayan dan Vesel 2005, Bahagian A Keselamatan dan Amalan Kesihatan, Bahagian I merangkumi Pengenalan, Bahagian II merangkumi vesel tanpa dek dan vesel berdek kurang daripada 12 meter panjang dan bahagian tertentu lampiran merangkumi langkah bimbingan keselamatan dan kesihatan nelayan di atas vesel kecil. Saranan Keselamatan ini harus dibaca bersama Kod Bahagian A. Semasa penyediaan Saranan Keselamatan, didapati bahawa bimbingan tambahan mengenai operasi vesel diperlukan yang mana ianya telah diambil kira dalam teks. Selanjutnya disyorkan bahawa dalam merangka Keperluan Keselamatan Kebangsaan, adalah penting untuk memberi pertimbangan kepada keadaan cuaca dan keadaan laut tempatan serta sebarang keperluan khas operasi.

Berikutan penerimaan ILO *Work in Fishing Convention* 2007 (No.188) dan Saranan 2007 (No.199), draf Saranan Keselamatan dikaji semula bagi memastikan ianya konsisten dengan piawaian ILO.

FAO menerapkan pemakaian draf Saranan Keselamatan di pelbagai negara melalui projek-projek di lapangan. Objektifnya adalah untuk mengesahkan kesesuaiannya terhadap pelbagai

operations. The positive feedback was very useful in further developing the final content of the Safety Recommendations.

Recognizing that the majority of items covered by the Safety Recommendations are within the scope of IMO and noting the different working procedures within the three Organizations and also that the SLF Sub-Committee holds regular meetings, it was agreed that:

- .1 IMO should act as a focal point for co-ordinating proposed amendments to the Safety Recommendations and, in particular, the IMO Secretariat should undertake to receive any proposed amendments, to distribute them to the Organizations and to collate their respective comments;
- .2 any future joint FAO/ILO/IMO meeting should be held, whenever possible, in conjunction with a meeting of the SLF Sub-Committee; and
- .3 any proposed amendments should always be subject to the final approval of the appropriate bodies of the three Organizations.

CHAPTER 1 GENERAL PROVISIONS

1.1 Purpose and scope

1.1.1 The purpose of these Safety Recommendations is to provide information on the design, construction, equipment, training and protection of the crew of small fishing vessels with a view to promoting the safety of the vessel and safety and health of the crew. They are not intended as a substitute for national laws and regulations but may serve as a guide to those concerned with framing such national laws and regulations. Each Competent Authority responsible for the safety of vessels should ensure that the provisions of these safety recommendations are adapted to its specific requirements, having due regard to the size and type of vessels, their intended service and area of operation. Before doing so, Competent Authorities should consult with the vessel owners and fishermen, and their representative organizations, and other relevant stakeholders such as vessel designers, builders, and equipment manufacturers. When adapting the Safety Recommendations, the Competent Authority should endeavour to ensure a level of safety at least equivalent to the provision or provisions concerned.

1.1.2 Unless otherwise stated, the provisions of these recommendations are intended to apply to new decked vessels of less than 12 m in length (L) and new undecked vessels intended to operate at sea. Nevertheless, even where not otherwise stated, the Competent Authority should as far as reasonable and practical give consideration to the application of these provisions to existing vessels.*

1.1.3 In these recommendations the use of the word sea includes oceans, rivers, lakes and dams, or any body of water.

1.1.4 The provisions of these recommendations do not apply to vessels used for sport or recreation.

* A vessel of less than 12 m in length (L) could be in excess of 15 m in length overall (LOA). See annex I.

jenis vesel nelayan dan operasi. Maklum balas yang positif adalah sangat berguna dalam membangunkan lagi kandungan akhir Saranan Keselamatan tersebut.

Menyedari bahawa kebanyakan perkara yang terkandung dalam Saranan Keselamatan juga terdapat dalam skop IMO serta terdapat perbezaan prosedur kerja antara tiga Organisasi tersebut dan Sub-Jawatankuasa SLF pula sentiasa mengadakan mesyuarat berkala, adalah dipersetujui bahawa:

- .1 IMO perlu bertindak sebagai pusat rujukan yang menyelaraskan saranan pindaan bagi Saranan Keselamatan di mana Sekretariat IMO menerima apa-apa saranan pindaan dan mengedarkannya ke Organisasi untuk maklumbalas;
- .2 mesyuarat bersama FAO/ILO/IMO yang akan datang perlu diadakan bersempena dengan mesyuarat Jawatankuasa Kecil SLF; dan
- .3 apa-apa pindaan yang disarankan harus sentiasa tertakluk kepada kelulusan akhir tiga Organisasi tersebut.

BAB 1 PERUNTUKAN AM

1.1 Tujuan dan Skop

1.1.1 Tujuan Saranan Keselamatan ini adalah untuk menyediakan maklumat mengenai reka bentuk, pembinaan, peralatan, latihan dan perlindungan anak-anak kapal bagi vesel bersaiz kecil dengan tujuan untuk mempromosikan keselamatan vesel, keselamatan anak kapal dan kesihatan anak kapal. Saranan Keselamatan ini tidak bermaksud untuk menggantikan undang-undang dan peraturan negara kerana ianya hanya sebagai panduan kepada mereka yang terlibat dalam merangka undang-undang dan peraturan negara. Setiap Pihak Berkuasa Kompeten yang bertanggungjawab atas keselamatan vesel harus memastikan bahawa peruntukan Saranan Keselamatan ini disesuaikan dengan keperluan khusus, memberi perhatian sewajarnya berkaitan saiz dan jenis vesel mengikut jenis dan kawasan operasi. Sebelum berbuat demikian, Pihak Berkuasa Kompeten harus berunding dengan pemilik vesel, nelayan, wakil organisasi nelayan serta lain-lain pihak berkepentingan yang berkaitan seperti pereka vesel, pembina, dan pengeluar peralatan. Apabila Saranan Keselamatan ini diubahsuai, Pihak Berkuasa Kompeten harus berusaha untuk memastikan tahap keselamatan sekurang-kurangnya bersamaan dengan peruntukan yang berkenaan.

1.1.2 Melainkan dinyatakan sebaliknya, peruntukan Saranan ini bertujuan untuk digunakan ke atas vesel berdek baru kurang daripada 12 m panjang (L) dan vesel tanpa dek baru yang akan beroperasi di laut. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Kompeten boleh memberi pertimbangan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan ini, selagi munasabah dan praktikal ke atas vesel sedia ada* walaupun tidak dinyatakan sebaliknya.

1.1.3 Dalam Saranan ini penggunaan perkataan laut termasuk lautan, sungai, tasik dan empangan, atau mana-mana badan air.

1.1.4 Peruntukan Saranan ini tidak digunakan kepada vesel-vesel yang digunakan untuk sukan atau rekreasi.

* Vesel kurang daripada 12 m panjang (L) boleh melebihi 15 m panjang keseluruhan (LOA). Lihat Lampiran I.

1.2 Definitions

For the purpose of these recommendations, unless expressly provided otherwise, the following definitions apply:

1.2.1 *Amidships** means the mid-length of LOA.

1.2.2 *Approved* means approved by the Competent Authority.

1.2.3 *Baseline* is the horizontal line intersecting at amidships the keel line.

1.2.4 *Bow height* is defined as the vertical distance at the forward perpendicular between the waterline corresponding to the maximum permissible draught and the designed trim and the top of the exposed deck at side.

1.2.5 *Breadth* (B)* is the maximum breadth of the vessel, measured at maximum beam to the moulded line of the frame in a vessel with a metal shell and to the outer surface of the hull in a vessel with a shell of any other material.

1.2.6 *Collision bulkhead* is a watertight bulkhead up to the working deck in the fore part of the vessel as approved by the Competent Authority.

1.2.7 *Competent Authority* is the Government of the State whose flag the vessel is entitled to fly. The Competent Authority may delegate certain of its duties to entities authorized by it and that it deems suitably qualified to undertake those duties.

1.2.8 *Crew* means the skipper and all persons employed or engaged in any capacity on board a vessel on the business of that vessel.

1.2.9 *Cubic Numeral (CuNo)** is the result of multiplying LOA x B x D.

1.2.10 *Decked vessel* is a vessel having a fixed watertight deck covering the entire hull above the deepest operating waterline. Where open wells or cockpits are fitted in this deck the vessel is considered a decked vessel if flooding of the well or cockpit will not endanger the vessel.

1.2.11 *Deck erection* is any decked structure on the working deck.

1.2.12 *Deepest operating waterline* is the waterline related to the maximum permissible operating draft.

1.2.13 The *depth (D)** is the moulded depth amidships.

1.2.14 *Design categories*

The categories here indicate sea and wind conditions for which a vessel is assessed by this standard to be suitable, provided the vessel is correctly operated and at a speed appropriate to the prevailing sea state.

* The dimensions are illustrated in annex I.

1.2 Definisi

Untuk tujuan Saranan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, definisi berikut digunakan:

1.2.1 *Peminggang (Amidships)*^{i*} bermaksud panjang pertengahan LOA

1.2.2 *Diluluskan* bermaksud diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kompeten

1.2.3 *Baseline* adalah garis mendatar yang menyalang pada garis lunas peminggang

1.2.4 *Ketinggian haluan (Bow Height)* ditakrifkan sebagai jarak tegak yang diukur pada tegakan haluan di antara garis air pada drauf maksimum yang dibenarkan dan trim reka bentuk, pada sisi atas dek yang terdedah.

1.2.5 *Lebar (Breadth, B)*^{*} adalah lebar maksimum vesel, diukur pada rasuk maksimum pada garis yang membentuk rangka untuk badan vesel yang dibina dari logam dan diukur pada permukaan luar badan vesel untuk badan vesel yang dibina dengan bahan lain.

1.2.6 *Dinding sekat langgar (Collision bulkhead)* adalah dinding kedap air yang meliputi sehingga ke ruang bekerja pada dek di bahagian hadapan vesel seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

1.2.7 *Pihak Berkuasa Kompeten* adalah badan yang mempunyai hak ke atas vesel yang mengibarkan benderanya. Pihak Berkuasa kompeten boleh mewakilkan tugas tertentu kepada entiti yang diberi kuasa olehnya dan berkelayakan untuk menjalankan tugas-tugas tersebut.

1.2.8 *Anak kapal* bermakna kapten dan semua pekerja di atas vesel atau orang yang terlibat dalam kerja-kerja pada vesel itu.

1.2.9 *Angka Padu (Cubic Numeral, Cuno)*^{*} adalah hasil pendaraban LOA x B x D.

1.2.10 *Vesel berdek* adalah sebuah vesel yang mempunyai dek kedap air tetap yang meliputi keseluruhan badan vesel di atas garis air operasi terdalam. Jika bukaan telaga atau kokpit dipasang pada dek ini, vesel dianggap vesel berdek jika telaga atau kokpit yang dibanjiri tidak akan membahayakan vesel.

1.2.11 *Binaan dek (Dek erection)* adalah apa-apa struktur pada dek bekerja.

1.2.12 *Garis air operasi terdalam (Deepest operating waterline)*, adalah garis air pada drauf operasi maksimum yang dibenarkan.

1.2.13 *Kedalaman (Depth, D)*^{*} adalah kedalaman acuan peminggang (*moulded depth amidship*).

1.2.14 Kategori Rekabentuk

Kategori di sini merujuk kepada keadaan laut dan angin untuk vesel yang dinilai mengikut kesesuaian piawai ini, dengan syarat vesel dikendalikan dengan betul dan pada kelajuan yang sesuai mengikut kelaziman keadaan laut.

* Dimensi ditunjukkan dalam Lampiran 1.

.1 **Design category A**

Category of vessels considered suitable to operate in seas with significant wave heights above 4 m and wind speeds in excess of Beaufort Force 8 (19 m/s), but excluding abnormal conditions, e.g., hurricanes.

.2 **Design category B**

Category of vessels considered suitable to operate in seas with significant wave heights up to 4 m and winds of Beaufort Force 8 (19 m/s) or less.

.3 **Design category C**

Category of vessels considered suitable to operate in seas with significant wave heights up to 2 m and a typical steady wind force of Beaufort Force 6 (12 m/s) or less.

.4 **Design category D**

Category of vessels considered suitable to operate in seas with significant wave heights up to and including 0.30 m with occasional waves of 0.5 m height, for example from passing vessels, and a typical steady wind force of Beaufort Force 4 (7 m/s) or less.

1.2.15 *Enclosed superstructure* is a superstructure with:

- .1 enclosing bulkheads of efficient construction;
- .2 access openings, if any, in those bulkheads fitted with permanently attached weathertight doors of a strength equivalent to the unpierced structure which can be operated from each side; and
- .3 other openings in sides or ends of the superstructure fitted with efficient weathertight means of closing. A raised quarter-deck is regarded as a superstructure. A bridge or poop should not be regarded as enclosed unless access is provided for the crew to reach machinery and other working spaces inside those superstructures by alternative means which are available at all times when bulkhead openings are closed.

1.2.16 *Existing vessel* is a vessel which is not a new vessel.

1.2.17 *Fishing vessel* (hereto referred as vessel) means any vessel used commercially for catching fish, whales, seals, walrus or other living resources of the sea.

1.2.18 *Forward and after perpendiculars* should be taken at the forward and after ends of the length (L). The forward perpendicular should be coincident with the foreside of the stem on the waterline on which the length is measured.

1.2.19 *Freeboard (f)* is the actual minimum freeboard and, on a decked vessel, is the distance from the underside of the working deck at the side to a waterline, measured perpendicularly to

. 1 **Kategori rekabentuk A**

Kategori vesel yang dianggap sesuai untuk beroperasi di laut dengan ketinggian ombak melebihi 4 m dan kelajuan angin melebihi kuasa *Beaufort* 8 (19 m / s), tetapi tidak termasuk keadaan yang luar biasa, contohnya, ribut taufan.

. 2 **Kategori rekabentuk B**

Kategori vesel yang dianggap sesuai untuk beroperasi di laut dengan ketinggian ombak sehingga 4 m dan angin dengan kuasa *Beaufort* 8 (19 m / s) atau kurang.

. 3 **Kategori rekabentuk C**

Kategori vesel yang dianggap sesuai untuk beroperasi di laut dengan ketinggian ombak sehingga 2 m dan pada angin dengan kuasa *Beaufort* 6 (12 m / s) atau kurang.

. 4 **Kategori rekabentuk D**

Kategori vesel yang dianggap sesuai untuk beroperasi di laut dengan ketinggian ombak sehingga 0.30 m dengan ketinggian gelombang sesekali 0.5 m, sebagai contoh gelombang daripada vesel yang berselisih, dan angin dengan kuasa *Beaufort* 4 (7 m / s) atau kurang.

1.2.15 *Superstruktur tertutup (enclosed superstructure)* adalah superstruktur dengan:

- . 1 dinding sekat (*bulkhead*) ditutup dengan binaan yang efisien;
- . 2 terdapat bukaan akses pada dinding sekat (*bulkhead*), dilengkapi dengan pintu kedap cuaca yang mempunyai ketahanan sama dengan struktur lain, yang boleh dikendalikan dari kedua-dua belah sisi.
- . 3 bukaan lain di tepi atau hujung superstruktur dilengkapi dengan penutup kedap cuaca yang efisien. Dek belakang timbul (*raised quarter-deck*) dianggap sebagai superstruktur. Anjung (*brigde*) atau kekota (*poop*) tidak harus ditutup melainkan akses alternatif ke ruangan jentera dan lain-lain ruangan bekerja di superstruktur boleh diakses pada bila-bila masa disediakan bagi anak-anak kapal.

1.2.16 *Vesel sedia ada* adalah bukan vesel baru.

1.2.17 *Vesel nelayan* (selepas ini dirujuk sebagai vesel) ertinya mana-mana vesel yang digunakan secara komersial untuk menangkap ikan, ikan paus, anjing laut atau sumber lain hidupan laut.

1.2.18 *Tegakan haluan dan tegakan belakang (forward and after perpendiculars)* perlu diukur pada bahagian depan dan bahagian hujung panjang (L). Bahagian tegakan haluan harus sama dengan bahagian depan stem pada garis air yang diukur.

1.2.19 *Lambung bebas (freeboard, f)* adalah lambung bebas minimum sebenar. Bagi vesel berdek, lambung bebas adalah jarak dari bahagian bawah dek bekerja pada sisi garis air yang

the waterline, plus the minimum thickness of decking. When the working deck is stepped, the lowest line of the deck and the continuation of that line parallel to the upper part of the deck should be taken as the working deck. On an undecked vessel, the freeboard (*f*) is the distance from the gunwale or a down flooding opening, whichever is lower, measured perpendicularly to the waterline. A down flooding opening is an opening in the hull or superstructures which cannot rapidly be closed watertight.

1.2.20 *GRP* means glass reinforced plastic.

1.2.21 *Height of a superstructure or other erection* is the least vertical distance measured at side from the top of the deck beams of a superstructure or an erection to the top of the working deck beams.

1.2.22 *Keel line** is the line parallel to the slope of keel passing amidships through:

- .1 the top of the keel or line of intersection of the inside of shell plating with the keel where a bar keel extends above that line of a vessel with a metal shell; or
- .2 the rabbet lower line of the keel of a vessel with a shell of wood or a composite material; or
- .3 the intersection of a fair extension of the outside of the shell contour at the bottom with the centreline of a vessel with a shell of material other than wood and metal.

1.2.23 *Least depth** is the depth measured from the keel line to the top of the working deck beam at side. Where the working deck is stepped and the raised part of the deck extends over the point at which the least depth is to be determined, the least depth should be measured to a line of reference extending from the lower part of the deck along a line parallel with the raised part.

1.2.24 *Length (L)** should be taken as 96% of the total length on a waterline at 85% of the least depth, or as the length from the foreside of the stem to the axis of the rudder stock on that waterline, if that length is greater. In vessels designed with rake of keel the waterline on which this length is measured should be parallel to the designed waterline.

1.2.25 *Length overall (LOA)** should be taken as the distance in a straight line parallel to the design waterline between the foremost point of the bow and the after most point of the stern.

1.2.26 *New vessel* is a vessel the keel of which is laid, or which is at a similar stage of construction, on or after the date of adoption of the present safety recommendations.

1.2.27 *Organization* means the International Maritime Organization.

1.2.28 *Owner* means any person or entity having assumed the responsibility for the operation of the vessel.

1.2.29 *Protocol* means the Torremolinos International Convention for the Safety of Vessels, 1977, as modified by the Torremolinos Protocol of 1993 relating thereto.

* The dimensions are illustrated in annex I.

diukur berserenjang dengan garis air, ditambah dengan ketebalan minimum dek. Apabila dek kerja bertingkat, garis terendah dek dan garisan seterusnya yang selari dengan bahagian atas dek harus diambilkira sebagai dek bekerja. Bagi vesel tanpa dek, lambung bebas (f) adalah jarak dari *gunwale* atau bukaan banjir bawah (*down flooding opening*), yang mana lebih rendah, yang diukur berserenjang dengan garis air. Bukaan banjir bawah adalah bukaan pada badan vesel atau superstruktur yang apabila ditutup tidak akan bertindak kedap air dengan cepat.

1.2.20 *GRP* bermaksud plastik bertetulang kaca (*glass reinforced plastic*)

1.2.21 *Ketinggian superstruktur atau ketinggian binaan lain* adalah jarak menegak yang diukur pada sisi paling atas rasuk dek superstruktur atau binaan di bahagian paling atas rasuk dek kerja.

1.2.22 *Garis lunas (Keel line)** adalah garis yang selari dengan cerun lunas melintasi peminggang pada:

- .1 bahagian atas lunas atau garis persilangan bahagian dalam sadur kulit vesel dengan lunas di mana bar lunas memanjangkan di atas garis vesel bagi vesel kulit logam;
- .2 Garis terendah tanggam (*rabbit*) lunas vesel bagi vesel kulit kayu atau bahan komposit; atau
- .3 persimpangan sambungan/lanjutan luar kontur kulit vesel pada bahagian bawah garis tengah vesel bagi vesel dengan kulit bahan selain daripada kayu dan logam.

1.2.23 *Kedalaman terendah (Least depth)** adalah kedalaman yang diukur dari garis lunas ke sisi rasuk paling atas dek kerja. Jika dek kerja bertingkat dan bahagian dek yang timbul memanjang sehingga ke titik ukuran kedalaman terendah, ianya harus diukur menggunakan garis rujukan yang bermula dari bahagian bawah dek di sepanjang garis berselari dengan bahagian yang timbul.

1.2.24 *Panjang (Length, L)** dikira sebagai 96% daripada panjang keseluruhan garis air, dengan 85% daripada kedalaman terendah, atau sebagai panjang dasar dari bahagian hadapan paksi pangkal kemudi pada garis air, jika ianya lebih panjang. Bagi vesel dengan rekabentuk sadak lunas (*rake of keel*), di mana panjang diukur, garis air harus selari dengan reka bentuk garis air.

1.2.25 *Panjang keseluruhan (LOA)** diambilkira sebagai jarak lurus yang selari dengan reka bentuk garis air antara titik hujung haluan (bow) dan titik akhir buritan (stern).

1.2.26 *Vesel baru* adalah vesel yang berada diperingkat pembinaan, pada atau selepas tarikh penerimaan Saranan keselamatan ini.

1.2.27 *Pertubuhan* bermakna Pertubuhan Maritim Antarabangsa.

1.2.28 *Pemilik* ertinya mana-mana orang atau entiti yang bertanggungjawab atas operasi vesel.

1.2.29 *Protokol* ertinya Konvensyen Antarabangsa Torremolinos bagi Keselamatan Vesel 1977, seperti yang diubahsuai oleh Protokol Torremolinos tahun 1993.

* Dimensi ditunjukkan dalam Lampiran 1.

1.2.30 *Recognized organization* means an organization which meets the relevant conditions set forth by resolution A.739(18).

1.2.31 *Skipper* means the person having command of a vessel.

1.2.32 *Steel or other equivalent material* means steel or any material which, by itself or due to insulation provided, has structural and integrity properties equivalent to steel at the end of the applicable fire exposure to the standard fires test (e.g., aluminium alloy with appropriate insulation).

1.2.33 *Superstructure deck* is that complete or partial deck forming the top of a deck erection situated at a height of not less than 1.8 m above the working deck. Where this height is less than 1.8 m, the top of such deck erections should be treated in the same way as the working deck.

1.2.34 *Undecked* vessel is a vessel which is not a decked vessel.

1.2.35 *Watertight* means capable of preventing the passage of water through the structure in any direction under a head of water for which the surrounding structure is designed.

1.2.36 *Weathertight* means that in any sea conditions water will not penetrate into the vessel.

1.2.37 *Working deck* is generally the lowest complete deck above the deepest operating waterline from which fishing is undertaken. In vessels fitted with two or more complete decks, the Competent Authority may accept a lower deck as a working deck provided that that deck is situated above the deepest operating waterline.

1.3 Measurements

In these recommendations measurements are given in the metric system using the following abbreviations:

m	–	metre
cm	–	centimetre
mm	–	millimetre
t	–	tonne (1,000 kg)
kg	–	kilogram
°C	–	degree Celsius
N	–	Newton
kW	–	kilowatt

1.4 Maintenance and surveys

1.4.1 The hull, machinery, equipment and radio installations as well as crew accommodation of every vessel should be constructed and installed so as to be capable of being regularly maintained to ensure that they are at all times, in all respects, satisfactory for the vessel's intended service.

1.4.2 Where practicable, before the construction of a vessel, plans of, and information concerning the vessel should be submitted to the Competent Authority, for approval.

1.2.30 *Organisasi diiktiraf* bermakna sebuah organisasi yang memenuhi syarat-syarat berkaitan yang ditetapkan oleh resolusi A.739 (18).

1.2.31 *Juragan* ertinya orang yang mempunyai perintah vesel.

1.2.32 *Keluli atau bahan lain yang setara* bermakna keluli atau apa-apa bahan yang mempunyai ciri-ciri penebat, mempunyai struktur dan ciri-ciri seperti keluli mengikut piawai ujian kebakaran (misalnya, aloi aluminium dengan penebat yang sesuai).

1.2.33 *Superstruktur dek* adalah dek lengkap atau separa yang membentuk binaan dek terletak pada ketinggian tidak kurang daripada 1.8 m di atas dek kerja. Jika ketinggian ini adalah kurang daripada 1.8 m, binaan dek tersebut dianggap sama seperti dek bekerja.

1.2.34 *Vesel tanpa dek* adalah sebuah vesel yang tidak mempunyai dek.

1.2.35 *Kedap air* bermakna mampu menghalang air memasuki sebarang struktur yang berada di dalam air .

1.2.36 *Kedap cuaca* bermakna air tidak akan memasuki vesel dalam apa jua keadaan laut.

1.2.37 *Dek kerja* adalah umumnya dek terendah yang berada di atas garis air operasi terdalam (*deepest operating waterline*) di mana aktiviti menangkap ikan dijalankan. Dalam vesel yang dilengkapi dengan dua atau lebih dek, Pihak Berkuasa Kompeten boleh menerima dek yang lebih rendah sebagai dek bekerja dengan syarat dek berkenaan terletak di atas garis air operasi terdalam.

1.3 Pengukuran

Pengukuran dalam Saranan ini adalah dalam sistem metrik menggunakan singkatan berikut:

m	–	meter
cm	–	sentimeter
mm	–	millimeter
t	–	tan(1,000 kg)
kg	–	kilogram
°C	–	darjah Celsius
N	–	Newton
kW	–	kilowatt

1.4 Penyelenggaraan dan pemeriksaan

1.4.1 Pemasangan badan vesel, jentera, peralatan dan radio serta tempat penginapan anak kapal pada setiap vesel harus dibina dan dipasang dengan penyelenggaraan kerap untuk memastikan ianya sentiasa memuaskan dalam semua aspek pada setiap masa.

1.4.2 Jika dapat dilaksanakan, pelan dan maklumat mengenai vesel hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kompeten untuk kelulusan sebelum pembinaan vesel.

1.4.3 The Competent Authority should arrange for appropriate surveys of a vessel during construction and, at regular intervals after completion, to ensure satisfactory condition of the vessel's hull, machinery and equipment, as well as crew accommodation. An appropriate report of the survey should be entered in the record of the vessel.

1.4.4 After any survey has been completed no change should be made in the structural arrangements, machinery, and equipment, as well as crew accommodation etc., covered by the survey, without the approval of the Competent Authority.

1.4.5 Documentation relating to the safety of the vessel should cease to be valid upon transfer of the vessel to the flag of another State. New safety documentation should only be issued when the Competent Authority is fully satisfied that the vessel is in compliance with the requirements of the relevant provisions.

1.4.6 Hull, machinery and equipment should be maintained to a standard acceptable to the Competent Authority and in accordance with manufacturer's recommendations or those of a recognized organization.

1.5 Equivalentents

Where the present provisions require that a particular fitting, material, appliance or apparatus, or type thereof, should be fitted or carried in a vessel, or that any particular provision should be made, the Competent Authority may allow any other fitting, material, appliance or apparatus, or type thereof, to be fitted or carried, or any other provision to be made in that vessel, if it is satisfied by trial thereof or otherwise that such fitting, material, appliance or apparatus, or type thereof, or provision, is at least as effective as that required by the present recommendations.

CHAPTER 2 CONSTRUCTION, WATERTIGHT INTEGRITY AND EQUIPMENT

PART 1 – GENERAL

2.1 Purpose and scope

2.1.1 This chapter should apply to all vessels other than wooden vessels of simple construction such as rafts, dugouts, canoes and vessels of proven historical design.

2.2 Construction, material and structure

2.2.1 Strength and construction of the hull and other structures and vessel's equipment should be sufficient to withstand all foreseeable conditions of the intended service and should be to the satisfaction of the Competent Authority. Recommended construction standards for wooden, GRP, steel and aluminium vessels are provided in annexes II, III, IV and V respectively.

2.2.2 The hull of vessels intended for operation in ice should be strengthened in accordance with the anticipated conditions of navigation and area of operation. Wooden vessels operating from harbours subject to freezing should have appropriate ice protection sheathing.

1.4.3 Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mengatur pemeriksaan vesel pada masa yang sesuai semasa pembinaan dan pada jangka masa yang tetap selepas selesai pembinaan untuk memastikan badan vesel, jentera dan peralatan, serta tempat penginapan anak-anak kapal berada dalam keadaan memuaskan. Laporan pemeriksaan hendaklah dimasukkan di dalam rekod vesel.

1.4.4 Selepas pemeriksaan, perubahan ke atas susunatur struktur, jentera dan peralatan serta tempat penginapan anak-anak kapal dan sebagainya adalah tidak dibenarkan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Kompeten

1.4.5 Dokumen berkaitan keselamatan vesel adalah tidak sah apabila vesel tersebut berpindah negara milik. Dokumen keselamatan baru perlu dikeluarkan setelah Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati sepenuhnya bahawa vesel tersebut mematuhi peruntukan-peruntukan yang relevan.

1.4.6 Badan vesel, jentera dan peralatan perlu diselenggara mengikut piawai yang diterima oleh Pihak Berkuasa Kompeten dan selaras dengan syor yang diiktiraf oleh pengilang atau organisasi.

1.5 Setara (*Equivalents*)

Peruntukan sedia ada memerlukan padanan tertentu, bahan, perkakas atau peralatan sejenis dipasang atau dibawa ke dalam vesel. Jika mana-mana peruntukan tertentu perlu dibuat, Pihak Berkuasa Kompeten boleh membenarkan padanan lain, bahan, perkakas atau peralatan sejenis, dipasang atau dibawa ke dalam vesel, atau mana-mana peruntukan lain yang perlu dibuat ke atas vesel itu dengan syarat mereka berpuas hati dengan percubaan tersebut. Selain itu, pemasangan padanan lain, bahan, perkakas atau peralatan, atau peralatan sejenis hendaklah efektif sekurang-kurangnya seperti keperluan dalam Saranan sedia ada.

3.8.2 In addition to the specific operating conditions given in 3.8.1, the Competent Authority should also be satisfied that the minimum stability criteria given in 3.2 and 3.4, as appropriate, are met under all other actual operating conditions including those which produce the lowest values of the stability parameters contained in these criteria. The Competent Authority should also be satisfied that those special conditions associated with a change in the vessel's mode or areas of operation which affect the stability considerations of this chapter are taken into account.

3.8.3 Concerning the conditions referred to in 3.8.1, the calculations should include the following:

- .1 allowance for the weight of the wet fishing nets and tackle, etc., on deck;
- .2 allowance for ice accretion, if anticipated, in accordance with 3.9;
- .3 homogeneous distribution of the catch, unless this is inconsistent with practice;

3.6 Pembanjiran petak ikan bagi vesel kategori reka bentuk A dan B

Bagi vesel berdek, sudut sendeng untuk pembanjiran petak ikan melalui hac yang terbuka semasa operasi nelayan serta tidak boleh ditutup dengan cepat, perlu sekurang-kurangnya 20° kecuali kriteria kestabilan 3.2.1 dipatuhi untuk petak ikan yang dibanjiri sebahagian atau sepenuhnya.

3.7 Kaedah memancing khusus

3.7.1 Vesel yang menggunakan kaedah memancing khusus yang melibatkan daya luaran tambahan dikenakan ke atas vesel semasa operasi memancing, harus memenuhi kriteria kestabilan 3.2.1 atau dipertingkatkan jika perlu, untuk memenuhi kehendak Pihak Berkuasa Kompeten. Sebagai contoh, panduan bagi kriteria kestabilan tambahan untuk pukut tunda berbingkai didapati dalam lampiran XII.

3.7.2 Vesel yang mempunyai peralatan menurun dan menarik alat menangkap ikan hendaklah tidak sendeng lebih daripada 10° apabila berat maksimum yang dibenarkan (untuk berat vesel dan peralatan yang telah ditetapkan dan diuji) diangkat.

3.8 Syarat operasi bagi vesel kategori reka bentuk A dan B

3.8.1 Pertimbangan bagi bilangan dan jenis keadaan operasi adalah perlu bagi memenuhi kehendak Pihak Berkuasa Kompeten dan hendaklah termasuk perkara berikut mengikut kesesuaian:

- .1 berlepas ke kawasan menangkap ikan dengan bahan api tangki penuh, penyimpanan (*stores*) ais, peralatan menangkap ikan dan lain-lain;
- .2 bertolak dari kawasan menangkap ikan dengan tangkapan penuh, 30% penyimpanan (*stores*), bahan api dan lain-lain;
- .3 ketibaan di pelabuhan dengan tangkapan penuh dan 10% penyimpanan (*stores*) bahan api, sebagainya dan
- .4 ketibaan di pelabuhan dengan 10% penyimpanan (*stores*), bahan api serta lain-lain, dan tangkapan minimum, biasanya 20% daripada tangkapan penuh, mungkin sehingga 40% jika Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati bahawa corak operasi mewajarkan nilai tersebut.

3.8.2 Selain daripada keadaan operasi spesifik yang diberikan dalam 3.8.1, Pihak Berkuasa Kompeten juga perlu berpuas hati bahawa kriteria kestabilan minimum dalam 3.2 dan 3.4 adalah memenuhi semua keadaan operasi sebenar yang lain termasuk yang mempunyai nilai parameter kestabilan terendah di dalam kriteria ini, mengikut kesesuaian. Pihak Berkuasa Kompeten juga perlu berpuas hati bahawa syarat-syarat khas yang berkaitan dengan perubahan mod atau kawasan operasi vesel yang memberi kesan kepada pertimbangan kestabilan bab ini juga diambil kira.

3.8.3 Merujuk kepada keadaan dalam 3.8.1, pengiraan harus merangkumi perkara berikut:

- .1 basi/elaun untuk berat pukut basah dan takal serta lain-lain di atas dek;
- .2 basi/elaun untuk tumbesaran ais, mengikut jangkaan, selaras dengan 3.9;
- .3 agihan homogen tangkapan, melainkan tidak selaras dengan amalan;

- .4 catch on deck, if anticipated, in operating conditions referred to in 3.8.1.2, 3.8.1.3 and 3.8.2; and
- .5 allowance for the free surface effect of liquids and, if applicable, catch carried.

3.9 Ice accretion

3.9.1 For vessels operating in areas where ice accretion is likely to occur the following icing allowance should be made in the stability calculations:*

- .1 30 kg/m² on exposed weather decks and gangways;
- .2 7.5 kg/m² for the projected lateral area of each side of the vessel above the waterplane; and
- .3 the projected lateral area of discontinuous surfaces of rail, spars (except masts) and rigging of vessels having no sails and the projected lateral area of other small objects should be computed by increasing the total projected area of continuous surfaces by 5% and the static moments of this area by 10%.

3.9.2 The height of the centre of gravity of ice accretion should be calculated according to the position of corresponding parts of the decks and gangways and other continuous surfaces on which ice can accumulate.

3.9.3 Vessels intended for operation in areas where ice accretion is known to occur should be:

- .1 designed to minimize the accretion of ice; and
- .2 equipped with such means for removing ice as the Competent Authority may require.**

3.10 Inclining test for decked vessels

3.10.1 Every decked vessel, for which the stability criteria in 3.2.1 are used, should undergo an inclining test upon its completion and the actual displacement and position of the centre of gravity should be determined for the light ship condition.

3.10.2 Where alterations are made to a vessel affecting its light ship condition and the position of the centre of gravity, the vessel should, if the Competent Authority considers this necessary, be re-inclined and the stability information revised.

* For sea areas where ice accretion may occur and modifications of the icing allowance are suggested, refer to the Guidance relating to ice accretion, contained in recommendation 2 of attachment 3 to the Final Act of the 1993 Conference. Refer also to the Icing consideration and the Recommendation for skippers of vessels on ensuring a vessel's endurance in conditions of ice formation contained in appendix 10 to the annex to Part A of the Code of Safety for Fishermen and Vessels.

** Refer to 2.4 of appendix 10 to the annex to Part A of the Code of Safety for Fishermen and Vessels on a typical list of equipment and hand tool required for combating ice formation.

- .4 tangkapan di atas dek, mengikut jangkaan, dalam keadaan operasi merujuk kepada 3.8.1.2, 3.8.1.3 dan 3.8.2;
- .5 basi/elaun untuk kesan permukaan bebas cecair dan muatan tangkapan, jika Berkenaan

3.9 Tumbesaran Ais

3.9.1 Bagi vesel yang beroperasi di kawasan yang mana tumbesaran ais mungkin berlaku, pengiraan kestabilanⁱⁱ bagi basi pengaisan berikut hendaklah dilakukan:*

- .1 30 kg/m² pada dek terdedah cuaca dan laluan;
- .2 7.5 kg/m² untuk luas sisi terunjur pada setiap sisi vesel di atas satah air;
- .3 luas sisi terunjur untuk permukaan landasan yang tidak bersambung, spar, (kecuali tiang mercu) dan pemasangan vesel tanpa layar dan luas sisi terunjur bagi objek kecil yang lain hendaklah dikira dengan menambahkan luas sisi terunjur keseluruhan permukaan yang bersambung sebanyak 5% dan luas keadaan statik sebanyak 10%.

3.9.2 Ketinggian pusat graviti tumbesaran ais harus dikira mengikut kedudukan bahagian dek yang terlibat serta laluan dan permukaan lain yang bersambung di mana ais boleh terkumpul.

3.9.3 Vesel yang akan beroperasi di kawasan berlakunya tumbesaran ais harus:

- .1 rekabentuk yang meminimumkan tumbesaran ais;
- .2 dilengkapi dengan peralatan atau apa-apa cara untuk membuang ais mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten.**

3.10 Ujian kecondongan bagi vesel berdek

3.10.1 Setiap vesel berdek, yang menggunakan kriteria kestabilan 3.2.1, perlu menjalani ujian kecondongan apabila siap dibina, dan anjakan serta kedudukan sebenar pusat graviti bagi vesel tanpa muatan hendaklah ditentukan.

3.10.2 Jika perubahan yang dibuat kepada vesel akan menjejaskan keadaan vesel tanpa muatan dan kedudukan pusat graviti, kecondongan dan kestabilan vesel harus disemak semula jika difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

* Bagi kawasan laut di mana tumbesaran ais mungkin berlaku adalah disarankan untuk ubahsuai basi/elaun pengaisan dengan merujuk kepada Panduan berhubung tumbesaran ais yang terkandung dalam Saranan 2 lampiran 3 Akta Akhir Persidangan 1993. Rujuk juga kepada pertimbangan pengaisan dan Saranan untuk skipper bagi memastikan ketahanan vesel dalam keadaan pengaisan yang terkandung dalam lampiran 10, Bahagian A Kod Keselamatan bagi Nelayan dan Vesel.

**Rujuk kepada 2.4 Lampiran 10, Bahagian A Kod Keselamatan bagi Nelayan dan Vesel bagi senarai peralatan dan alat tangan tipikal yang diperlukan untuk mencegah pengaisan.

3.11 Built-in buoyancy for undecked vessels

3.11.1 Every undecked vessel should be fitted with buoyancy compartments, which are filled with solid buoyancy material, acceptable to the Competent Authority; distributed so that the vessel will stay afloat and on an even keel in order that bailing is possible, without listing if flooded. This buoyancy should be demonstrated by a calculation and/or by a practical test:

- .1 calculations, using one of the following methods:

Method 1*

- A. Establish the hull weight (W_H) of the vessel (excluding engine, fittings, equipment, fuel, water, fish, ice, fishing gear, crew, food, etc.). This can be done by calculation or by using the following approximate formulae:

Hull weight of decked vessel = approx $90 \times CuNo$;

Hull weight of undecked GRP vessel = approx $60 \times CuNo$;

Hull weight of undecked Wood vessel = approx $75 \times CuNo$.

- B. Establish weight of engine(s) and engine related equipment (W_E) not included in A.
- C. Establish weight of fittings and equipment (W_F) not included in A.
- D. Establish weight of the load (W_L) which the vessel is designed to carry. (Note: This will include fishing gear and other removable items which will contribute weight to the submerged vessel; **but not** items which will float when the vessel is submerged such as fuel, water, fish, ice and food, **however**, if such items are stowed above the deck edge and thus above the water when the vessel is submerged then they should be included in the load.)
- E. Establish the weight of the maximum number of crew (W_{CR}). (Note: A figure of 75 kg per crew is often used although a Competent Authority may wish to substitute a different figure. Also it is assumed that the crew will be in or on the vessel but submerged only up to the knee.)
- F. The weights calculated above need to be converted to submerged weight using the buoyancy factors (K) given below:

* Method 1 is based on – Canadian Transport Publication 1332 E.

3.11 Keapungan bina dalam bagi vesel tanpa dek

3.11.1 Setiap vesel tanpa dek harus dilengkapi dengan petak keapungan, yang diisi dengan bahan pepejal yang boleh terapung, diterima oleh Pihak Berkuasa Kompeten, diagihkan bagi membolehkan vesel terus terapung dan stabil serta dapat ditimba sekiranya berlaku pembersihan. Keapungan harus didemonstrasi dengan pengiraan dan / atau melalui ujian yang praktikal:

- .1 pengiraan, menggunakan salah satu kaedah berikut:

Kaedah 1*

- A. Dapatkan berat badan vesel, W_H , (tidak termasuk enjin, kelengkapan, peralatan, bahan api, air, ikan, ais, peralatan menangkap ikan, anak-anak kapal, makanan dan lain-lain). Ini boleh dilakukan dengan pengiraan atau menggunakan formula anggaran berikut:

Berat badan vesel berdek = lebih kurang $90 \times C_{uno}$;

Berat badan vesel GRP tanpa dek = lebih kurang $60 \times C_{uno}$;

Berat badan vesel kayu tanpa dek = lebih kurang $75 \times C_{uno}$.

- B. Dapatkan berat enjin dan peralatan enjin yang berkaitan (W_E) yang tidak termasuk dalam A.
- C. Dapatkan berat kelengkapan dan peralatan (W_F) yang tidak termasuk dalam A.
- D. Dapatkan berat beban (W_L) yang mampu dibawa oleh vesel. (Nota: Ini termasuk peralatan memancing dan barangan mudah alih lain yang menyumbang kepada berat yang menenggelamkan vesel; tidak termasuk barang yang terapung apabila vesel tenggelam seperti bahan api, air, ikan, ais, dan makanan, walau bagaimanapun, jika barang tersebut disimpan di hujung dek dan berada di atas air apabila vesel di laut maka barang tersebut perlu dimasukkan ke dalam beban.)
- E. Dapatkan berat maksimum bilangan anak kapal (W_{CR}). (Nota: Nilai 75 kg untuk setiap anak kapal sering digunakan namun Pihak Berkuasa Kompeten boleh menggantikan nilai tersebut. Andaian juga bahawa anak-anak kapal yang berada di dalam atau di atas vesel hanya tenggelam sehingga ke paras lutut.)
- F. Berat yang dikira di atas perlu ditukar kepada berat tenggelam menggunakan faktor keapungan (K) yang diberikan di bawah:

* Kaedah 1 berdasarkan - Penerbitan Pengangkutan Kanada 1332 E.

Material	Specific Gravity, SG	Buoyancy Factor, K
Heavy wood	0.8	+0.25
Medium wood	0.65	+0.54
Light wood	0.5	+1
Steel	7.85	-0.87
Aluminium	2.65	-0.62
Fibreglass	1.5	-0.33
Lead	11.3	-0.91
Concrete	2.4	-0.58
Engines		-0.75
Crew		-0.1

Notes:

- Other materials may be included by use of the following formula:
Buoyancy factor, $K = (1 - SG) / SG$.
- It is **very** important to use the correct sign (+ or -) with the factor K.

G. Generate a table as follows:

Item	Weight (kg)	Buoyancy factor, K	Submerged weight (kg)
Hull not submerged (10%)	10% W_H	-1	10% $W_H \times K$
Hull submerged (90%)	90% W_H	From table	90% $W_H \times K$
Engine(s) and engine-related equipment	W_E	From table	$W_E \times K$
Hull fittings and equipment	W_F	From table	$W_F \times K$
Load	W_L	From table	$W_L \times K$
Crew load	W_{CR}	-0.1	$W_{CR} \times -0.1$
			Sum submerged weights, W_S

H. Calculate the volume of buoyancy required, $m^3 = W_S / (1000 - D_B)$

Where D_B = density of buoyancy material, kg/m^3 .

Method 2*

Volume of buoyancy (litres) = Hull (kg) + Equipment (kg) + Motor (kg) + 250M

where:

$M = 0.1 \text{ LOA } B$; and

LOA and B , in metres, are as defined in 1.2.24 and 1.2.5.

For a wooden vessel, the calculations may take into account half the volume of the buoyancy of the wood.

* Method 2 is based on – New Zealand Maritime Rules Part 40D.

Bahan	Graviti Spesifik,	Faktor keapungan,
	SG	K
Kayu berat	0.8	+0.25
Kayu sederhana	0.65	+0.54
Kayu ringan	0.5	+1
Keluli	7.85	-0.87
Aluminium	2.65	-0.62
Gentian kaca	1.5	-0.33
Plumbum	11.3	-0.91
Konkrit	2.4	-0.58
Enjin		-0.75
Anak kapal		-0.1

Nota:

1. Bahan-bahan lain boleh juga digunakan dengan menggunakan formula berikut:

$$\text{Faktor keapungan, } K = (1 - SG) / SG.$$

2. Pastikan penggunaan tanda (+ atau -) dengan faktor K adalah betul.

G. Gunakan jadual seperti berikut:

Perkara	Berat (kg)	Faktor keapungan, K	Berat tenggelam (kg)
Badan vesel tidak tenggelam (10%)	10% W_H	-1	10% $W_H \times K$
Badan vesel tenggelam (90%)	90% W_H	Dari jadual	90% $W_H \times K$
Enjin dan peralatan enjin berkaitan	W_E	Dari jadual	$W_E \times K$
Kelengkapan dan peralatan badan vesel	W_F	Dari jadual	$W_F \times K$
Beban	W_L	Dari jadual	$W_L \times K$
Beban anak kapal	W_{CR}	-0.1	$W_{CR} \times -0.1$

H. Kira isipadu keapungan yang diperlukan, $m^3 = W_S / (1000 - D_B)$

Di mana D_B = ketumpatan bahan keapungan, kg/m^3

Kaedah 2*

Isipadu keapungan (liter) = badan vesel (kg) + Peralatan (kg) + motor (kg) + 250M

Di mana :

$M = 0.1 \text{ LOA } B$: dan

LOA dan B, m dalam meter, diterangkan dalam 1.2.24 dan 1.2.5

Bagi vesel kayu, pengiraan perlu mengambil kira separuh daripada isipadu keapungan kayu.

* Kaedah 2 berdasarkan Undang-Undang Maritim New Zealand Bahagian 40D

- .2 completing a practical test as follows:

The vessel should be loaded with a simulation of the equipment and motor weights plus 250M (as above) kg and then be flooded to the point of submergence. The vessel should then bear a weight of 15 kg on the gunwale amidships on one side of the vessel, without capsizing.

3.11.2 Annex XIII shows a practical buoyancy test, which may be used as an alternative.

3.12 Stability information

3.12.1 Where practicable, suitable stability information, to the satisfaction of the Competent Authority, should be supplied to enable the skipper to assess with ease the stability of the vessel under various operating conditions.* Such information should include specific instructions to the skipper warning of those operating conditions which could adversely affect either the stability or the trim of the vessel.**

3.12.2 The stability information, referred to in 3.12.1, should be posted on board, readily accessible at all times and inspected at the periodical surveys of the vessel to ensure that it is still valid.

3.12.3 Where alterations are made to a vessel affecting its stability, revised stability calculations should be undertaken to the satisfaction of the Competent Authority. If the Competent Authority requires that the stability information should be revised, the new information should be supplied to the skipper and the superseded information removed.

3.13 Portable fish-hold divisions

The catch should be properly secured against shifting which could cause dangerous trim or heel of the vessel. The scantlings of portable fish-hold divisions, if fitted, should be to the satisfaction of the Competent Authority. The scantlings of portable fish-hold divisions, if fitted, should be in accordance with the recommended practice on portable fish-hold divisions set out in annex X.

3.14 Bow height

The bow height should be sufficient, to the satisfaction of the Competent Authority, to prevent the excessive shipping of water and should be determined taking account of the seasonal weather conditions, and the design category in which the vessel is intended to operate and its mode of operation.

3.15 Maximum permissible operating draught

The maximum permissible operating draught should be to the satisfaction of the Competent Authority and should be such that, in the associated operating condition, the stability criteria of this chapter and the provisions of chapters 2 and 6, as appropriate, are satisfied.

* Refer to annex XI containing an example of a stability notice. See also the General provisions against capsizing and information for the master, contained in chapter 2 of the Code on Intact Stability, adopted by the Organization by resolution A.749(18), as amended.

** Refer to the Code of practice concerning the accuracy of stability information for vessels, adopted by the Organization by resolution A.267(VIII).

.2 Jalankan ujian praktikal seperti berikut:

Vesel harus dimuatkan dengan beban peralatan dan motor simulasi ditambah dengan 250M kg (seperti di atas) dan dibanjirkan sehingga ke titik tenggelam. Vesel harus dapat menahan berat 15kg pada bordu peminggang vesel di satu sisi tanpa terlungkup.

3.11.2 Lampiran XIII menunjukkan ujian keapungan praktikal, yang mana boleh digunakan sebagai alternatif.

3.12 Maklumat kestabilan

3.12.1 Jika praktikal, maklumat kestabilan yang sesuai, mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten harus disediakan bagi membolehkan *skipper* menilai kestabilan vesel dalam pelbagai keadaan operasi dengan mudah.* Maklumat sebegini hendaklah termasuk arahan spesifik kepada *skipper* yang memberi amaran bahawa keadaan operasi tersebut boleh memberi kesan sebaliknya ke atas kestabilan atau trim vesel**.

3.12.2 Maklumat kestabilan merujuk kepada 3.12.1 harus dilekatkan pada papan notis, mudah untuk diakses pada bila-bila masa dan diperiksa pada setiap kali survei berkala vesel untuk memastikan ianya masih boleh digunakan.

3.12.3 Apabila perubahan dilakukan ke atas vesel mempengaruhi kestabilan vesel tersebut, pengiraan kestabilan harus dibuat semula mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten. Jika Pihak Berkuasa Kompeten memerlukan maklumat kestabilan perlu dikaji semula, maklumat baru haruslah disediakan kepada *skipper* bagi menggantikan maklumat lama.

3.13 Bahagian petak ikan mudah alih

Tangkapan harus disimpan sebaiknya tanpa pergerakan yang membahayakan trim atau menyebabkan vesel senget. Jika terdapat *scantling* pada bahagian petak ikan mudah alih, hendaklah selaras dengan amalan Saranan bagi bahagian petak ikan mudah alih yang terkandung dalam lampiran X.

3.14 Ketinggian haluan

Ketinggian haluan harus mencukupi mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten untuk mengelak pembawaan air berlebihan dan harus ditentukan dengan mengambil kira keadaan cuaca bermusim dan kategori reka bentuk mengikut kawasan operasi vesel yang dijangkakan serta mod operasi.

3.15 Drauf operasi maksimum yang dibenarkan

Pihak Berkuasa Kompeten harus berpuas hati dengan drauf operasi maksimum yang dibenarkan dan kriteria kestabilan bab ini serta peruntukan bab 2 dan 6 yang berkaitan dengan keadaan operasi harus dipenuhi.

* Merujuk kepada lampiran XI yang mengandungi contoh notis kestabilan. Rujuk juga peruntukan umum terhadap vesel telangkup dan maklumat untuk master, terkandung dalam bab 2, Kod Kestabilan utuh yang digunakan oleh organisasi melalui resolusi A.749 (18), seperti pindaan.

** Merujuk kepada Kod amalan berkaitan ketepatan maklumat kestabilan vesel, digunakan oleh organisasi melalui resolusi A.267(VIII)

CHAPTER 4 MACHINERY AND ELECTRICAL INSTALLATIONS

PART 1 – MACHINERY

4.1 General

4.1.1 Machinery and electrical installations should be designed, constructed and installed in accordance with good marine engineering practice. Equipment should be installed, protected and maintained so as not to constitute a danger to persons and the vessel.

4.1.2 Access for persons to machinery spaces should be arranged clear of any moving or heated surfaces and the latter should be sufficiently insulated. Effective guards should protect exposed moving parts such as shafts, drive pulleys and belts. Access ladders should be securely fixed to the vessel's permanent structure and should be of a metal such as steel where practicable.

4.1.3 Layout and installation of machinery spaces and propulsion machinery should be designed for safe and efficient operation.

4.1.4 Light fittings should be watertight, where practicable, and designed to facilitate easy inspection and be unaffected by vibration.

4.1.5 Ventilation should be provided either by mechanical fans or natural vents to meet the air requirements of the propulsion machinery and to prevent build-up of fumes and excessive heat.

4.1.6 Floor plates, where fitted, should be non-slip and securely fastened with accessible fasteners.

4.1.7 Piping materials, including plastic piping where allowed by the Competent Authority, should be suitable for their intended purpose; in choosing the material to be used it should be ensured that there would be no failure or degradation of the pipe as a result of any reaction with the fluid.

4.1.8 Tools, spare parts and spare gear required for routine maintenance and simple repairs should be provided for machinery and should be securely stowed in an easily accessible place. Guidance on tools and spare parts is to be found in annex XIV.

4.1.9 Valves, piping and flexible hoses should be of sound and efficient construction and installation. All piping systems should be well supported with pipe clips or mounts and protected against vibration and chafing/wear.

4.1.10 Where pipework is replaced, alignment of the replacement part should be as close as possible to the original.

4.1.11 Machinery of vessels intended for operation in ice should be appropriate for the anticipated conditions.

4.2 Propulsion machinery and stern gear

4.2.1 Propulsion engines and associated stern gear should be of a design, type and rating to suit the design and size of the vessel taking account of the operating conditions and area of operation.

BAB 4 PEMASANGAN JENTERA DAN ELEKTRIK

BAHAGIAN 1 – JENTERA

4.1 Umum

4.1.1 Pemasangan jentera dan elektrik hendaklah direka, dibina dan dipasang selaras dengan amalan baik kejuruteraan marin. Peralatan harus dipasang, dilindungi dan diselenggara supaya tidak membahayakan sesiapa atau vesel.

4.1.2 Akses ke ruangan jentera harus tidak terdapat permukaan yang boleh bergerak atau panas dan harus mempunyai penebat mencukupi. Pelindung efektif harus melindungi bahagian yang bergerak seperti aci (shaft), takal pemacu (drive pulley), tali sawat (belt). Tangga hendaklah dipasang pada struktur kekal vesel dan harus diperbuat daripada logam seperti keluli yang mana praktikal.

4.1.3 Susun atur serta pemasangan ruangan jentera dan pendorong jentera harus direka untuk operasi yang selamat dan efisien.

4.1.4 Pemasangan lampu harus kedap air, di mana perlu dan direka supaya memudahkan pemeriksaan dan tidak terganggu oleh getaran.

4.1.5 Pengudaraan harus disediakan sama ada dalam bentuk kipas mekanikal atau lubang pengudaraan untuk memenuhi keperluan udara pendorong jentera dan untuk menghalang pembentukan wasap serta haba berlebihan

4.1.6 Plat lantai, jika ada, harus tidak licin dan dilekatkan dengan pelekat boleh guna.

4.1.7 Bahan perpaipan termasuk paip plastik adalah dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten, harus sesuai dengan kegunaannya: dalam memilih bahan yang digunakan ianya harus dipastikan tidak gagal berfungsi atau degradasi paip tidak berlaku atas tindak balas terhadap cecair.

4.1.8 Perkakas, alat ganti dan peralatan ganti yang diperlukan dalam rutin penyelenggaraan dan pembaikan mudah harus dibekalkan dan harus disimpan dalam ruang yang selamat serta mudah diakses. Panduan perkakas dan alat ganti terkandung dalam lampiran XIV.

4.1.9 Injap, paip dan hos fleksibel haruslah dipasang dengan kukuh dan efisien. Semua sistem perpaipan harus disokong dengan klip paip atau dan dilindungi daripada getaran dan geselan.

4.1.10 Jika perpaipan diganti, penjajaran bahagian yang diganti harus hampir sama dengan yang asal.

4.1.11 Jentera pada vesel yang beroperasi dalam ais harus sesuai untuk keadaan yang dijangkakan.

4.2 Pendorong jentera dan peralatan buritan

4.2.1 Enjin pendorong dan peralatan buritan berkaitan harus mempunyai rekabentuk, jenis yang sesuai dengan rekabentuk dan saiz enjin dengan mengambil kira keadaan dan kawasan operasi.

4.2.2 Inboard engines should in general be diesel powered. However, in the case of undecked vessels, inboard petrol engines may be fitted provided appropriate safety requirements are followed.

4.2.3 Flexibly mounted engines should be fitted with short flexible connections of an appropriate type, fitted to associated piping and exhaust systems. Flexible shaft couplings should be suitable for the power to be transmitted taking into consideration arrangements to cater for thrust and be of a type that would not create unacceptable torsional vibrations.

4.2.4 A vessel of design categories A and B fitted with an inboard engine should have adequate means and power for going astern in order to maintain control of the vessel in all foreseeable circumstances.

Outboard engines

4.2.5 Outboard engines should be securely mounted on a substantial transom; a secondary means of securing the outboard engine to the transom should be provided, such as a chain. Outboard engines with output more than 15 kW should be surrounded by an overboard drained well, large enough to allow the engine to be tilted entirely above the waterline in parked position. Undecked vessels should have alternative means of propulsion such as oars, paddles or sails.

4.3 Shaft and propeller

4.3.1 The propeller shaft and any intermediate shaft, together with the stern tube, bearings and bushes, should be properly constructed and operate efficiently. Shaft materials, diameter and eventual free span between bearings should be suitable for the power being transmitted and according to manufacturer's requirements. Inboard stern glands should be accessible for adjustment.

4.3.2 As a minimum, the shaft diameter should be:

$$d = k * \sqrt[3]{\frac{p}{r}}$$

where:

- d = shaft diameter in mm
- p = Maximum Continuous Rating in kW
- r = propeller revolutions per second
- k = 30 for carbon steel
- = 23 for AISI 316
- = 22 for AISI 431
- = 21 for AISI 429
- = 18 for CuNi K500.

4.4 Engine starting

All propulsion engines, excepting those engines fitted with hand starting arrangements, should be provided with a secondary means of starting.

4.2.2 Enjin dalam harus menggunakan diesel. Walau bagaimanapun, untuk vesel tanpa dek enjin dalam yang menggunakan petrol boleh digunakan dengan syarat langkah keselamatan yang sesuai dipatuhi.

4.2.3 Enjin paut yang fleksibel harus dilengkapi dengan penyambung pendek fleksibel yang sesuai, dipasang pada sistem paip dan ekzos. Gandingan aci fleksibel harus sesuai dengan kuasa yang akan dipindahkan dengan mengambil kira daya tujahan dan diperbuat daripada jenis yang tidak menghasilkan getaran kilasan di luar jangkaan.

4.2.4 Vesel dengan kategori rekabentuk A dan B yang dipasang dengan enjin dalam harus mempunyai kuasa yang mencukupi untuk mengundur bagi mengekalkan kawalan ke atas vesel dalam keadaan yang diramalkan.

Enjin sangkut

4.2.5 Enjin sangkut harus dipasang pada pepat yang kukuh: harus juga sediakan pemasangan sokongan enjin pada pepat seperti rantai. Enjin sangkut dengan output lebih daripada 15 kW harus dikelilingi saliran yang baik serta cukup besar untuk membolehkan enjin dicondong sepenuhnya dalam keadaan enjin berada pada kedudukannya.

4.3 Aci dan *propeller*

4.3.1 Pendorong aci dan mana-mana perantara aci dengan tiub buritan, *bearing* dan sesendal harus dibina dengan betul dan beroperasi dengan efisien. Bahan aci, diameter dan rentang sebenar antara bearing harus sesuai dengan kuasa yang dipindahkan dan mengikut keperluan pengeluar. Sesendal buritan dalam harus mudah diakses untuk pelarasan.

4.3.2 Diameter aci minimum hendaklah:

$$d = k *$$

di mana:

d	=	diameter aci dalam mm
p	=	kadaran berterusan maksimum dalam kW
r	=	putaran <i>propeller</i> per saat
k	=	30 untuk logam karbon
	=	23 untuk AISI 316
	=	22 untuk AISI 431
	=	21 untuk AISI 429
	=	18 untuk CuNi K500

4.4 Menghidupkan enjin

Semua enjin pendorong, kecuali enjin yang dilengkapi dengan penghidup tangan, harus dilengkapi dengan penghidup sokongan.

4.5 Controls and instruments

4.5.1 The controls should be properly constructed and operate efficiently. Instrumentation system for the propulsion engine should, where practicable, show the following parameters:

- .1 RPM;
- .2 cooling water temperature; and
- .3 lubricating oil pressure.

4.5.2 High water temperature and low lubricating oil pressure alarms should be fitted, where practicable.

4.5.3 Propulsion engines fitted below deck in a machinery space and arranged for remote operation from the wheelhouse or helm position should be provided with an arrangement on or adjacent to the engine to stop it.

4.6 Steering gear

4.6.1 The steering arrangements, including the rudder and associated fittings, should be of adequate strength and capable of steering the vessel at maximum speed, and should be so designed and constructed that they are not damaged at maximum astern speed or by manoeuvring during fishing operations.

4.6.2 All parts of the steering gear should be easily accessible for maintenance. For guidance on steering gear refer to annex XV.

4.6.3 Vessels should be provided with an alternative means of steering which would operate if the main system fails; this may include a steering oar.

4.7 Pumping and piping systems

Fuel oil installations

4.7.1 Tanks for fuel oil should be of sound and efficient construction and safe in operation and should be located remote from heated surfaces and not be situated above hot surfaces and electrical equipment. Tanks and piping should be arranged to minimize in the event of leakage or rupture the possibility that fuel would come into contact with hot surfaces or electrical components. All fuel tanks should be fitted either with a level gauge or able to be sounded manually. Glass contents gauges, where fitted, should have self-closing valves at the base and be protected by metal rods or slotted covers. Fixed tanks should be fitted with separate filling and air pipes. A closing valve should be fitted on the fuel pipe line, as close as possible to the tank, and should also be closable from outside the engine-room. There should be a drain valve as close as possible to the tank's lowest point.

4.7.2 Piping systems should be of sound construction and suitable for the service intended. Flexible connections should be of an appropriate armoured fire-resistant type, preferably with flange or threaded fastener fittings, and kept as short as practicable. If hose clamps are used, double clamps of an acid-resistant material should be fitted at each coupling.

4.5 Kawalan dan instrument

4.5.1 Kawalan enjin hendaklah dibina dan dioperasi secara efisien. Sistem intrumen bagi enjin pendorong harus menunjukkan parameter berikut:

- .1 RPM;
- .2 suhu air penyejuk; dan
- .3 tekanan minyak pelincir

4.5.2 Penggera harus disediakan untuk memberi amaran apabila suhu air tinggi dan tekanan minyak pelincir rendah.

4.5.3 Kelengkapan enjin pendorong yang dipasang dalam ruang jentera bawah dek dan mempunyai kawalan jauh dari *wheelhouse* atau posisi kemudi harus dilengkapi dengan aturan mematikan enjin pada atau bersebelahan enjin.

4.6 Peralatan kemudi

4.6.1 Alat kemudi termasuk *rudder* dan kelengkapan berkaitan harus mempunyai kekuatan yang sama dan boleh mengemudi vesel pada kelajuan maksimum serta rekaan dan binaan harus mempunyai tahap ketahanan tinggi dan tidak rosak pada kelajuan mengundur maksimum atau pengendalian semasa operasi nelayan.

4.6.2 Semua bahagian peralatan kemudi harus mudah diakses untuk penyelenggaraan. Rujuk panduan bagi peralatan kemudi dalam Lampiran XV.

4.6.3 Vesel harus dilengkapi dengan pengemudian alternatif yang boleh beroperasi jika sistem utama mengalami kegagalan: ini termasuk dayung

4.7 Sistem pam dan perpaipan

Pemasangan tangki minyak

4.7.1 Tangki minyak harus mempunyai rekaan yang kukuh, efisien dan selamat digunakan serta diletakkan berjauhan dari permukaan panas, jangan diletakkan di atas permukaan panas dan peralatan elektrik. Susun atur tangki dan paip harus dapat meminimumkan kemungkinan berlakunya sentuhan minyak dengan permukaan panas atau komponen elektrik jika tangki bocor atau pecah. Semua tangki minyak harus dilengkapi dengan tolok paras atau paras minyak boleh didengar secara manual. Jika terdapat kaca pada tolok, ia harus mempunyai injap tutup sendiri pada dasar dan dilindungi dengan rod logam atau penutup slot. Tangki tetap harus dilengkapi dengan paip pengisian dan paip udara yang berasingan. Injap penutup harus dipasang pada paip minyak, seboleh –bolehnya berdekatan tangki minyak dan harus boleh ditutup dari bahagian luar ruang enjin. Injap salir juga perlu dipasang seboleh –bolehnya berdekatan dengan titik terendah tangki.

4.7.2 Sistem perpaipan harus mempunyai binaan yang kukuh dan sesuai mengikut kegunaannya. Penyambung fleksibel harus diperbuat daripada jenis yang mempunyai perisai rintang api yang sesuai, sebaik baiknya dikemaskan dengan bebibir atau bebenang dan seboleh –bolehnya pendek, mengikut kesesuaian. Jika pengapit hos digunakan, pengapit berkembar yang diperbuat daripada bahan rintang asid hendaklah dipasang pada setiap sambungan.

4.7.3 Petrol tanks should not be integral with the hull structure. An efficient system should be installed to ensure that petrol does not spill into the hull of the vessel when tanks are being filled. They should not be placed close to any sources of heat or close to electrical machinery that may cause sparking. Petrol filling systems should be effectively bonded or earthed.

4.7.4 Portable petrol tanks for outboard motors should be secured when in use and arranged in such a way that they can be taken ashore for filling.

Cooling water systems

4.7.5 The piping and fittings are to be of sound construction and efficient in operation; and the following requirements should be met:

- .1 Cooling water inlets for main and auxiliary machinery should be kept to a minimum, noting that, where practicable, there should be one on either side of the hull, and comply with the requirements of sea inlets in 2.3.
- .2 Sea inlet trunks or boxes built into the hull structure should be of such a design that they remain below the waterline at all normal conditions of trim and heel, and should be fitted with arrangements for purging of trapped air.
- .3 An accessible strainer should be fitted after the sea inlet valve.
- .4 Where a common sea main supplying a number of services is installed, each branch pipe should be fitted with an easily accessible isolating valve, with open/closed indication.
- .5 Where two sea inlets are fitted as recommended in .1 above, an interconnecting pipe should be fitted between them; the connections being inboard of the strainers. The interconnecting pipe should be fitted with a valve complying with the requirement for sea inlets as set out in 2.3.
- .6 When modifications are made, particular care should be made in the selection and installation of appropriate materials and comply with the requirements in 4.7.16, 4.1.9 and 4.1.10.

Bilge pumping systems

4.7.6 Decked vessels should have an efficient bilge pumping arrangement fitted and, where practicable, each watertight compartment should have a bilge suction fitted with a non-return valve and strainer.

4.7.7 In the event that it is not practicable to have suction pipes to all watertight compartments, the Competent Authority may allow means to drain such compartments to the bilge main in the engine-room. Each compartment so drained should be fitted with an easily accessible gate valve at the bulkhead of the compartments, to which a screwed cap can be fitted to the outlet side of the valve (the cap to be attached to the valve by a chain) or with a blank flange. However, draining of any other compartment directly through the fish hold should not be allowed.

4.7.3 Tangki petrol seharusnya tidak *integral* dengan struktur badan vesel. Sistem yang efisien harus dipasang untuk memastikan petrol tidak tumpah ke atas badan vesel apabila tangki sedang diisi. Tangki tidak seharusnya diletakkan berdekatan sebarang sumber haba atau berdekatan jentera elektrik yang boleh menghasilkan ricih api. Sistem pengisian petrol harus diikat atau dibumikan sebaiknya.

4.7.4 Tangki petrol mudah alih untuk motor sangkut harus diikat apabila sedang digunakan dan boleh dibawa ke daratan untuk diisi semula.

Sistem air penyejuk

4.7.5 Paip dan kelengkapan paip hendaklah dibina dengan kukuh dan boleh beroperasi dengan efisien: keperluan berikut hendaklah dipatuhi:

- .1 Inlet untuk air penyejuk jentera utama dan jentera bantu harus minimum di mana terdapat satu inlet pada setiap sisi badan vesel, dan memenuhi syarat inlet air laut dalam 2.3.
- .2 Saluran atau kotak inlet air laut yang dibina pada struktur badan vesel harus sentiasa berada di bawah garis air dalam semua keadaan sama ada normal atau senget dan boleh dibersihkan apabila terdapat udara terperangkap.
- .3 Penapis yang mudah diakses harus dipasang pada kedudukan selepas injap inlet air laut.
- .4 Apabila inlet utama yang dipasang diperlukan untuk beberapa kegunaan, setiap cabang paip harus dilengkapi dengan injap berasingan yang mudah diakses dan mempunyai petunjuk tutup/buka.
- .5 Apabila dua inlet air laut dipasang seperti yang disarankan dalam .1 di atas, paip penyambung harus dipasang pada kedua-dua inlet tersebut: sambungan harus berada dalam *strainer*. Paip penyambung harus dilengkapi dengan injap yang memenuhi syarat inlet air laut dalam 2.3
- .6 Apabila terdapat pengubahsuaian, perhatian harus diberikan kepada pemilihan dan pemasangan bahan yang bersesuaian dan memenuhi syarat dalam 4.7.16, 4.1.9 dan 4.1.10

Sistem pam bilga

4.7.6 Vesel berdek harus mempunyai pam bilga yang efisien dan jika berkenaan, petak kedap air harus mempunyai penyedut bilga dengan injap sehalu dan penapis.

4.7.7 Dalam keadaan di mana ianya tidak praktikal untuk memasang paip penyedut pada semua petak kedap air, Pihak Berkuasa Kompeten boleh membenarkan saluran dari petak kedap air ke bilga utama dalam bilik enjin. Setiap petak kedap air yang disalurkan harus dilengkapi dengan injap pintu pada dinding sekat petak tersebut, yang mana penutup skru boleh dipasang pada bahagian outlet injap (penutup dilekatkan pada injap dengan rantai) atau dengan bibir rata. Walau bagaimanapun, pengeringan mana-mana petak secara langsung melalui petak ikan adalah tidak dibenarkan.

4.7.8 Undecked vessels not fitted with a bilge system should have means of manual bailing such as a bucket, bailer or hand-operated bilge pump.

Bilge pumps

4.7.9 All decked vessels should have at least one hand bilge pump. Decked vessels of design categories A and B, fitted with inboard engines should, in addition, have at least one power-driven bilge pump fitted.

4.7.10 The power-driven pump may be any pump provided that any sea connection to the pump is isolated from the bilge suction main by a switch cock or interlocked valve system, where approved by the Competent Authority, such that sea water cannot drain into the bilge main.

4.7.11 Where a deck wash pump is utilized for bilge suction purposes, means should be provided to prevent flooding of any compartment from the sea inlet via the bilge main and to prevent bilge water from being pumped to deck.

4.7.12 Flexible connections and hoses, where fitted, should be soundly constructed and operate efficiently, and should be readily accessible.

4.7.13 Where watertight bulkheads are fitted, means should be provided in the piping system to prevent any leakage via the system from one compartment to another and/or from the sea inlet to a compartment.

4.7.14 Where practicable, an audible and visible bilge level alarm should be fitted to indicate leakage of water into the machinery space. Indication should be at the helm or control position.

Bilge pump installation

Vessel size (LOA)	Total no. of pumps	Number and type of pumps		Minimum capacity of power pumps l/minute	Minimum total capacity of all pumps l/minute
		Hand	Power		
Less than 6 m	1	1	-	-	70
6 m and over	2	1	1	70	140

Exhaust systems

4.7.15 Engine exhaust systems of the dry or water-injected type, which discharge through the hull below the deck at the side or stern, should be provided with means of preventing back flooding into the hull or engine through the exhaust system. This may be by system design, valve or non-return device. See annex XVI.

4.7.16 The exhaust systems should be of sound construction, and hoses of a suitable material, well supported, free from defects, and not in contact with combustible materials.

Materials for valves and associated piping – sea water systems

4.7.17 Valves, pipes and fittings serving as sea inlets and discharges attached directly to the hull of the vessel below the loaded waterline should be of cast steel, bronze, or other equivalent and

4.7.8 Vesel tanpa dek yang tidak mempunyai sistem bilga harus mempunyai cara manual untuk menimba seperti baldi, gayung atau pam bilga tangan.

Pam bilga

4.7.9 Semua vesel berdek harus mempunyai sekurang-kurangnya satu pam bilga tangan. Vesel berdek kategori rekabentuk A dan B yang dipasang dengan enjin dalam harus mempunyai sekurang-kurangnya satu pam bilga pacuan kuasa sebagai tambahan.

4.7.10 Pam pacuan kuasa boleh menggunakan mana-mana pam dengan syarat penyambung air laut kepada pam dipisahkan dari penyedut bilga utama dengan kunci suis atau sistem injap *interlock*, yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kompeten yang mana air laut tidak boleh memasuki bilga utama.

4.7.11 Apabila pam pembersih dek digunakan sebagai penyedut bilga, hendaklah terdapat cara untuk mengelakkan pembersihan mana-mana petak dari inlet air laut melalui bilga utama dan mengelakkan air dari bilga dipam ke dek.

4.7.12 Jika terdapat hos dan penyambung fleksibel, haruslah dengan binaan kukuh dan boleh beroperasi dengan efisien serta mudah untuk diakses.

4.7.13 Jika terdapat dinding sekat kedap air, hendaklah dipastikan sistem perpaipan dari petak ke petak atau dari inlet air laut ke petak tidak bocor.

4.7.14 Jika praktikal, penggera paras bilga yang kelihatan atau boleh didengar hendaklah dipasang untuk memberi amaran kebocoran air ke ruangan jentera. Petunjuk harus diletak pada kemudi atau posisi kawalan.

Pemasangan pam bilga

Saiz vesel (LOA)	Jumlah pam	Bilangan dan jenis pam		Kapasiti minimum pam kuasa I/minit	Jumlah kapasiti minimum pam I/minit
		tangan	kuasa		
Kurang daripada 6m	1	1	-	-	70
6m dan ke atas	2	1	1	70	140

Sistem ekzos

4.7.15 Sistem ekzos enjin dari jenis kering atau suntikan air, yang dikeluarkan melalui badan vesel di bahagian sisi bawah dek atau buritan, harus mempunyai kaedah yang dapat mengelakkan pembersihan semula ke bahagian badan vesel atau enjin melalui sistem ekzos. Ini boleh dipastikan melalui rekabentuk sistem, injap atau peranti sehalu. Rujuk lampiran XVI.

4.7.16 Sistem ekzos harus mempunyai binaan kukuh, dan hos diperbuat daripada bahan yang bersesuaian, disokong sebaiknya, tiada kecacatan dan tidak bersentuhan dengan bahan mudah terbakar.

Bahan untuk injap dan perpaipan yang berkaitan – sistem air laut

4.7.17 Injap, paip dan kelengkapan yang digunakan untuk inlet dan pembuangan air yang dipasang terus kepada badan vesel di bawah garis air harus diperbuat daripada keluli tuang,

compatible material. Care should be taken not to use dissimilar metals when joints are required and particularly when lengths of pipe are replaced.

4.7.18 The sea inlet valve should be as close as possible to the hull. Where the sea inlet valve or fitting is connected to the hull by means of a tube or distance piece, the tube or distance piece should be of a material that is compatible with the hull and valve.

Hydraulic systems

4.7.19 The design and installation of hydraulic piping systems should ensure the lowest possible risk of leakages, noise and pipe failure. This requires as few bends as possible. To enable noise reduction expansion pieces should be fitted on supply lines.

4.8 Ventilation of engine-room

Where fitted, the separate engine-room air intake should be of a size capable of meeting the specifications of the engine manufacturer, but not less than 7 cm²/kW; this should be increased to 10 cm²/kW in tropical climates. The engine-room air intake should be located on the opposite side of the vessel to the engine air intake. Ventilation ducts should be provided with means of closing outside the engine-room.

PART 2 – ELECTRICAL INSTALLATIONS

4.9 Main source of electrical supply

4.9.1 When electrical power constitutes the only means of maintaining auxiliary services essential for the propulsion and safety of the vessel, a main source of electrical power should be provided.

4.9.2 Electricity generating and storage system(s) should have sufficient capacity in normal operating conditions to ensure the correct operation of all safety and navigation equipment including navigation and fishing lights.

4.10 Emergency source of electrical power

4.10.1 All vessels of design categories A and B should be equipped with an emergency accumulator battery bank capable of supplying the emergency lights, radio communication equipment and the navigation lights, for at least three hours. The same recommendation should be applied to vessels of design categories C and D authorized to operate more than 20 nautical miles from a safe haven.

4.10.2 The emergency battery should receive constant not selective charging from an electrical generating system having sufficient capacity to reach the minimum requirements for radio transmissions within a period of 10 h. The battery should, where practicable, be located outside the machinery space above deck or as high as possible. It should be so arranged as to ensure functionality in the event of fire or other causes of failure to the main electrical installations.

4.10.3 Where the main engine of a vessel in design categories A, B and C is arranged for electric starting from a battery and has neither a hand starting facility nor any other mechanical means of starting, such as a spring starter, a second battery bank for emergency starting should be installed

gangsa atau bahan lain yang setara dan bersesuaian. Penggunaan logam yang berbeza hendaklah dielakkan apabila penyambungan dilakukan terutamanya apabila menggantikan paip yang panjang.

4.7.18 Injap inlet air laut harus dipasang sehampir mungkin dengan badan vesel. Apabila injap air laut atau padanan disambung kepada badan vesel menggunakan tiub atau penjarak, tiub dan penjarak tersebut hendaklah diperbuat daripada bahan yang bersesuaian dengan badan vesel dan injap.

Sistem hidraulik

4.7.19 Rekabentuk dan pemasangan sistem perpaipan hidraulik harus dipastikan mempunyai risiko yang rendah terhadap kebocoran, bunyi dan kegagalan paip untuk berfungsi. Ini boleh dilakukan dengan mengelakkan liku-liku paip semimumum yang boleh. Bagi pengurangan bunyi, keping pengembangan harus dipasang pada litar bekalan.

4.8 Pengudaraan bilik enjin

Lubang kemasukan udara yang berasingan ke bilik enjin harus memenuhi spesifikasi pengeluaran enjin, tidak kurang dari $7\text{cm}^2/\text{kW}$: hendaklah ditingkatkan kepada $10\text{cm}^2/\text{kW}$ untuk cuaca tropika. Lubang kemasukan udara bagi bilik enjin harus diletakkan pada posisi bertentangan dengan lubang kemasukan udara bagi enjin dalam vesel. Saluran pengudaraan harus boleh ditutup dari luar bilik enjin.

BAHAGIAN 2 – PEMASANGAN ELEKTRIK

4.9 Sumber utama bekalan elektrik

4.9.1 Apabila kuasa elektrik juga diperlukan untuk kegunaan lain yang penting seperti pergerakan dan keselamatan vesel, pastikan terdapat sumber utama bekalan elektrik.

4.9.2 Penjanaan dan sistem penyimpanan tenaga elektrik harus mencukupi dalam keadaan operasi normal bagi memastikan operasi yang betul semua peralatan keselamatan dan navigasi termasuk pencahayaan semasa memancing dan navigasi.

4.10 Sumber kecemasan kuasa elektrik

7)	Where the Competent Authority is satisfied that local circumstances justifies the use of mobile telephones, vessels engaged exclusively within the coverage of a mobile telephone network may carry, in lieu of the equipment required by 9.16.1.1, a mobile telephone.
8)	For design categories C/D only where practicable.

PART 2 – REQUIREMENTS FOR VESSELS OF DESIGN CATEGORIES A AND B

9.10 Radio installations and equipment for vessels of design categories A and B

9.10.1 Every vessel of design categories A and B should be provided with radio installations throughout its intended voyage and complying with the requirements of 9.11 and, as appropriate for the sea area or areas through which it would pass during its intended voyage, the requirements of 9.12. Annex XXVI may be used as guidance for the requirements for radio installations.

9.10.2 For an overview of equipment requirements see 9.9.

9.11 Radio equipment – Sea area A1 or sea areas within the coverage of a VHF coast station operating on a 24 hours a day, 7 days a week basis

9.11.1 Every vessel of design categories A and B should be provided with a:

- .1 VHF radio installation capable of transmitting and receiving:
 - .1.1 DSC on the frequency 156.525 MHz (channel 70). It should be possible to initiate the transmission of distress alerts on channel 70 from the position from which the vessel is normally navigated; and
 - .1.2 radiotelephony on the frequencies 156.300 MHz (channel 6), 156.650 MHz (channel 13) and 156.800 MHz (channel 16).
- .2 VHF DSC watch receiver which may be separate from, or combined with, that required by 9.11.1.1;

1)	A1 bermaksud kawasan di dalam liputan stesyen persisiran pantai VHF dengan DSC. VHF bermaksud kawasan di dalam liputan stesyen persisiran pantai VHF tanpa DSC. A2 bermaksud kawasan di dalam liputan stesyen persisiran pantai MF dengan DSC. MF bermakna kawasan di dalam liputan stesyen persisiran pantai tanpa DSC yang berterusan
2)	Vesel cuma boleh dibenarkan untuk mematuhi dengan kolom VHF dan MF di kawasan di mana tiada terdapat DSC.
3)	Vesel kategori C dan D boleh – berdasarkan kepada pengalaman pengoperasian – menggantikan VHF itu tanpa DSC dan penerima jagaan pada ch70 dengan 'transceiver' GMDSS kendalian tangan dengan kapasiti bateri yang mencukupi untuk sepanjang perjalanan.
4)	Vesel di kawasan VHF dan MF di mana tidak terdapat NAVTEX pada vesel kategori rekabentuk C dan D, perlu disediakan dengan penerima radio untuk penerimaan ramalan kajicuaca, kecuali ramalan seumpama adalah dihantar dengan satu atau lebih stesyen persisiran pantai.
5)	Vesel yang beroperasi di kawasan yang boleh dilihat dari pantai tidak perlu membawa radar SART atau AIS SART.
7)	Vesel tanpa perkakas menyelamatkan diri boleh dikecualikan dari syarat ini.
8)	Di mana Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati yang keadaan tempatan membuktikan secara wajar penggunaan telefon mudah alih, vesel yang terlibat secara eksklusif di dalam lingkungan liputan rangkaian telefon mudah alih boleh membawa, sebagai sampingan kepada peralatan yang dikehendaki oleh 9.16.1.1, telefon mudah alih
9)	Untuk kategori rekabentuk C/D di mana boleh dipraktikkan

BAHAGIAN 2 – PANDUAN UNTUK VESEL DARIPADA KATEGORI REKABENTUK A DAN B

9.10 Pemasangan radio dan peralatan untuk vesel kategori rekabentuk A dan B

9.10.1 Setiap vesel kategori rekabentuk A dan B perlu disediakan dengan pemasangan radio sepanjang pelayaran yang dicadangkan dan mematuhi panduan 9.11 dan, sebagai sesuai untuk kawasan laut atau kawasan di mana ia akan lalui semasa pelayaran yang dicadangkan, panduan 9.12. Lampiran XXVI boleh digunakan sebagai panduan untuk syarat-syarat untuk pemasangan radio.

9.10.2 Pandangan keseluruhan panduan peralatan boleh dilihat pada 9.9

9.11 Peralatan radio – Kawasan laut A1 atau kawasan laut di dalam lingkungan liputan stesyen persisiran pantai VHF beroperasi pada 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

9.11.1 Semua vesel kategori rekabentuk A dan B perlu disediakan dengan :

.1 pemasangan radio VHF yang berupaya menghantar dan menerima :

.1.1. DSC pada frekuensi 156.525 MHz (rangkaian 70). Ia perlu boleh untuk menghantar amaran kecemasan pada rangkaian 70 daripada kedudukan di mana vesel itu biasanya dinavigasi; dan

.1.2. telefon radio pada frekuensi 156.300 MHz (rangkaian 6), 156.650 MHz (rangkaian 13) and 156.800 MHz (rangkaian 16).

.2 VHF DHF penerima pengawasan di mana ia boleh berasingan dari, atau digabungkan dengan, yang disyaratkan oleh 9.11.1.1;

- .3 radio receiver for weather forecasts*;
- .4 satellite emergency position-indicating radio beacon (satellite EPIRB);
- .5 search and rescue radar transponder (radar-SART) or an AIS transponder “(AIS-SART)”, if considered necessary by the Competent Authority.

9.11.2 The VHF radio installation, required by 9.11.1.1, should also be capable of transmitting and receiving general radio communications using radiotelephony.

9.11.3 If operating experience justifies a departure from the requirements of 9.11.1, the Competent Authority may accept that the VHF radio installation and the VHF DSC watch receiver may be replaced with a hand-held VHF transceiver, provided that:

- .1 the hand-held VHF transceiver is mounted in a bracket;
- .2 the source of power is sufficient for the entire voyage;
- .3 if required by the Competent Authority, the hand-held VHF transceiver is connected to an external antenna; and
- .4 on vessels operating within the coverage of a VHF/DSC coast station, the hand-held VHF transceiver is capable of transmitting and receiving DSC distress signal on frequency 156.525 MHz (channel 70).

9.11.4 On vessels operating in areas without VHF/DSC coverage the requirement of 9.11.1.1 is not applicable.

9.12 Radio equipment – Sea areas A1 and A2 or sea areas within the coverage of an MF coast station providing a continuous watch on 2182 kHz as well as a continuously-operating VHF station

9.12.1 In addition to meeting the requirements of 9.11, every vessel of design categories A and B engaged on voyages beyond sea area A1, but remaining within sea area A2, should be provided with:

- .1 an MF radio installation capable of transmitting and receiving, for distress and safety purposes, on the frequencies:
 - .1.1 2187.5 kHz using DSC; and
 - .1.2 2182 kHz using radiotelephony.
- .2 a radio installation capable of maintaining a continuous DSC watch on the frequency 2187.5 kHz which may be separate from or combined with, that required by 9.12.1.1; and a means of initiating the transmission of ship-to-shore distress alerts by a radio service other than MF.

* Competent authorities should ensure that weather forecasts are broadcast on frequencies that can be received on this type of radio receiver.

- .3 penerima radio untuk ramalan kajicuaca* ;
- .4 *satellite emergency position-indicating radio beacon* (satellite EPIRB);
- .5 *search and rescue radar transponder (radar-SART) or an AIS transponder* “(AIS-SART)”, jika dianggap berkaitan oleh Pihak Berkuasa Kompeten

9.11.2 Pemasangan radio VHF, seperti yang disyaratkan oleh 9.11.1.1, juga sepatutnya boleh menghantar dan menerima komunikasi radio am menggunakan radio telefon.

9.11.3 Jika pengalaman operasi adalah membuktikan dengan wajar untuk tidak perlu menggunakan panduan 9.11.1, Pihak Berkuasa Kompeten boleh menerima bahawa pemasangan radio VHF dan penerima pengawasan VHF DSC boleh digantikan dengan ‘transceiver’ VHF kendalian tangan, sekiranya:

- .1 ‘transceiver’ VHF kendalian tangan adalah di naikkan di dalam ‘bracket’;
- .2 sumber tenaga adalah mencukupi untuk seluruh pelayaran
- .3 jika dikehendaki oleh pihak Berkuasa Kompeten, penerima VHF kendalian tangan adalah disambung kepada antenna luaran; dan
- .4 pada vesel beroperasi di dalam liputan stesyen persisiran pantai VHF/DSC, ‘transceiver’ VHF kendalian tangan berupaya untuk menghantar dan menerima isyarat kecemasan DSC pada frekuensi 156.525 MHz (rangkaian 70).

9.11.4 Pada vesel beroperasi di kawasan tanpa liputan VHF/DSC, panduan pada 9.11.1.1 adalah tidak berkaitan.

9.12 Peralatan radio- Kawasan laut A1 dan A2 atau kawasan laut di dalam liputan stesyen persisiran pantai MF menghasilkan pengawasan berterusan pada 2182kHz dan juga stesyen VHF yang operasi berterusan.

9.12.1 Sebagai tambahan untuk memenuhi syarat pada 9.11, semua vesel kategori rekabentuk A dan B yang terlibat dalam pelayaran di kawasan lebih daripada kawasan laut A1, tetapi masih di bawah lingkungan kawasan laut A2, ia perlu disediakan dengan:

- .1 pemasangan radio MF yang mampu mengeluarkan dan menerima, untuk tujuan kecemasan dan keselamatan, pada frekuensi berikut
 - .1.1 2187.5 kHz menggunakan DSC; dan
 - .1.2 2182 kHz menggunakan radio telefon.
- .2 pemasangan radio yang berupaya mengekalkan pengawasan DSC berterusan pada frekuensi 2187.5 kHz di mana ia boleh secara berasingan atau digabung bersama dengan, seperti yang disyaratkan oleh 9.12.1.1; dan sebagai cara untuk membuat penghantaran isyarat kecemasan kapal-kepada-pantai dengan menggunakan perkhidmatan radio selain daripada MF.

* Pihak berkuasa Kompeten patut memastikan yang ramalan kajicuaca adalah disiarkan pada frekuensi yang boleh diterima pada penerima radio jenis ini.

9.12.2 In areas where continuous radio watch is not available on the distress alert frequency 2187.5 kHz and the emergency frequency 2182 kHz, the requirement may be fulfilled by a ship earth station capable of transmitting and receiving distress and safety communications in the Global Maritime Distress and Safety System (GMDSS).

9.12.3 It should be possible to initiate transmission of distress alerts by the radio installations specified in 9.12.1.1 and 9.12.1.2 from the position from which the vessel is normally navigated.

9.12.4 If the vessel is operating exclusively within the radiotelephone coverage of at least one MF coast station in which continuous DSC alerting is not available, but is providing a continuous watch on 2182 kHz, the vessel need not be equipped with the DSC functions in 9.12.1.

9.12.5 Where operational experience justifies departure from the requirements of 9.12.1, 9.12.2 and 9.12.3, the Competent Authority may allow the replacement of the MF radio installation with an HF radio installation, or a satellite ship-earth-station capable of transmitting and receiving for distress and safety purposes.

9.13 Radio equipment – Sea areas outside the coverage of a VHF coast station operating on a 24 hours a day, 7 days a week basis and an MF coast station providing a continuous watch on 2182 kHz as well as a continuously operating VHF station

Vessels engaged on voyages in sea areas A3 or A4 should comply with the requirements related to the Global Maritime Distress and Safety System (GMDSS). Refer to Annex XXVI of these recommendations for a description of the GMDSS.

9.14 Watches

9.14.1 In addition to the requirements of 9.3.1, every vessel of design categories A and B should while at sea maintain either a continuous watch:

- .1 on VHF DSC channel 70, if the vessel, in accordance with the requirements of 9.12.1.2, is fitted with a VHF DSC radio installation;
- .2 on the distress and safety DSC frequency 2187.5 kHz, if the vessel, in accordance with the requirements of 9.12.1, is fitted with an MF DSC radio installation; or
- .3 on the radiotelephone frequency 2182 kHz, if the vessel is operating within the coverage of an MF coast station with a continuous radio watch on this frequency, but in which continuous DSC alerting is not available.

9.14.2 Vessels of design categories A and B should while at sea maintain a radio watch for broadcasts of maritime safety information on the appropriate frequency or frequencies on which such information is broadcast for the area in which the vessel is operating.

9.15 Position-updating

All two-way communication equipment carried on board a vessel of design categories A and B which is capable of automatically including the vessel's position in the distress alert should be automatically provided with this information from an internal or external navigation receiver, if either is installed. Where a Vessel Monitoring System (VMS) is fitted it could be used for this

9.12.2 Pada kawasan di mana pengawasan radio adalah tidak ada pada amaran kecemasan frekuensi 2187.5kHz dan frekuensi kecemasan 2182kHz, syarat-syarat boleh dipenuhi dengan stesyen kapal darat yang berupaya menghantar dan menerima komunikasi kecemasan dan keselamatan di Sistem Kecemasan dan Keselamatan Maritim Global (GMDSS).

9.12.3 Seharusnya penghantaran amaran kecemasan boleh dibuat dengan menggunakan pemasangan radio seperti yang dinyatakan pada 9.12.1.1 dan 9.12.1.2 daripada kedudukan di mana vesel itu biasanya dinavigasi

9.12.4 Sekiranya vesel itu beroperasi secara eksklusif di dalam lingkungan liputan radio telefon sekurang-kurangnya satu stesyen persisiran pantai MF di mana tidak terdapat penghantaran amaran DSC, tetapi ia menghasilkan pengawasan berterusan pada 2182 kHz, vesel itu tidak perlu dilengkapi dengan fungsi DSC pada 9.12.

9.12.5 Di mana pengalaman operasi lain daripada syarat 9.12.1, 9.12.2 dan 9.12.3, Pihak Berkuasa Kompeten boleh membenarkan penggantian pemasangan radio MF dengan pemasangan radio HF, atau satelit stesyen-kapal-darat yang berupaya menghantar dan menerima untuk tujuan kecemasan dan keselamatan.

9.13 Peralatan radio – Kawasan laut di luar liputan stesyen persisiran pantai VHF yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan stesyen persisiran pantai MF menyediakan pengawasan berterusan pada 2182 kHz dan juga stesyen VHF yang beroperasi secara berterusan.

Vesel yang terlibat dalam pelayaran di kawasan laut A3 atau A4 perlu mematuhi dengan syarat-syarat yang berkaitan dengan Sistem Kecemasan dan Keselamatan Maritim (GMDSS). Rujuk kepada Lampiran XXVI mengenai panduan untuk deskripsi mengenai GMDSS.

9.14 Pengawasan

9.14.1 Sebagai tambahan kepada syarat-syarat pada 9.3.1, setiap vesel daripada kategori rekabentuk A dan B apabila berada di laut perlu mengekalkan pengawasan berterusan :

- .1 pada VHF DSC rangkaian 70, sekiranya vesel itu, mengikut syarat-syarat 9.12.1.2 perlu dipasangkan dengan dengan radio VHF DSC:
- .2 pada frekuensi kecemasan dan keselamatan 2187.5 kHz, sekiranya vesel, mengikut kehendak syarat 9.12.1, hendaklah dipasang dengan dengan radio MF DSC; atau
- .3 pada frekuensi radio telefon 2182kHz, jika vesel beroperasi di dalam liputan stesyen persisiran pantai MF dengan pengawasan radio berterusan pada frekuensi ini, tetapi di mana amaran DSC tidak ada.

9.14.2 Vesel daripada kategori rekabentuk A dan B perlu apabila berada di laut mengekalkan pengawasan radio untuk penyiaran maklumat keselamatan maritim pada frekuensi yang sesuai atau pada frekuensi di mana maklumat tersebut disiarkan untuk kawasan di mana vesel itu beroperasi.

9.15 Pengemaskinian kedudukan

Semua peralatan komunikasi dua hala dibawa di dalam vesel kategori rekabentuk A dan B di mana ia berupaya secara automatik termasuk kedudukan vesel semasa amaran kecemasan perlu disediakan secara automatik dengan maklumat ini daripada penerima navigasi dalaman

purpose. If such a receiver is not installed, the vessel's position and the time at which the position was determined should be manually updated at intervals not exceeding four hours, while the vessel is underway, so that it is always ready for transmission by the equipment.

PART 3 – REQUIREMENTS FOR VESSELS OF DESIGN CATEGORIES C AND D

9.16 Radio installations and equipment for vessels of design categories C and D

9.16.1 Every vessel of design categories C or D should be provided with a:

- .1 VHF radio installation or a hand-held VHF apparatus to the satisfaction of the Competent Authority; and
- .2 radio receiver for weather forecasts.

9.16.2 Where the Competent Authority is satisfied that local circumstances justify the use of mobile telephones, vessels engaged exclusively within the coverage of a mobile telephone network may carry, in lieu of the equipment required by 9.16.1.1, a mobile telephone.

- .1 The mobile telephone should be pre-programmed for establishing a quick connection to shore-based rescue authorities.
- .2 The battery capacity should be sufficient to operate the mobile telephone during the entire voyage.
- .3 The mobile telephone should, where applicable, be connected to an external antenna.

9.16.3 Where practicable, in addition to meeting the requirements of 9.16.1, every vessel of design categories C or D engaged on voyages beyond sea areas with a continuously operating VHF station, should be provided with an MF or HF radio installation, as required in 9.12.1 and 9.12.4, or a satellite EPIRB.

9.16.4 For an overview of equipment requirements see 9.9.

CHAPTER 10 NAVIGATIONAL EQUIPMENT

10.1 Navigational equipment

10.1.1 Vessels should be fitted with a compass, which may be hand held or substituted by an alternative acceptable to the Competent Authority, such as a satellite navigation system. If due to the nature of the voyage or the proximity to land the Competent Authority may consider exempting a vessel or group of vessels from this requirement.

10.1.2 It should be possible to read the compass by day and by night from the steering position. Where applicable, securing devices for the compass and compensators should be made of non-magnetic materials. Fixed compasses should be sited as near the fore-and-aft line of the vessel as practicable, with the lubber line, as accurately as possible, parallel with the fore-and-aft line.

atau luaran, sekiranya salah satu dipasang. Di mana Sistem Pemantauan Vesel (VMS) dipasang ia boleh digunakan untuk tujuan ini. Jika penerima tersebut tidak dipasang, kedudukan vesel dan masa di mana kedudukan ditentukan perlu dikemaskini secara manual pada jarak masa tidak melebihi 4 jam, bila vesel itu dalam perjalanan, supaya ia selalu bersedia untuk proses transmisi oleh peralatan tersebut.

BAHAGIAN 3 – PANDUAN UNTUK VESEL KATEGORI REKABENTUK C DAN D

9.1.6 Pemasangan radio dan peralatan untuk vesel kategori rekabentuk C atau D

9.16.1 Setiap vesel dari kategori rekabentuk C atau D perlu disediakan dengan :

- .1 pemasangan radio VHF atau peralatan VHF kendalian tangan mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten; dan
- .2 penerima radio untuk ramalan kajicuaca

9.16.2 Di mana Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati dengan keadaan tempatan membenarkan penggunaan telefon mudah alih, vesel yang terlibat secara eksklusif di kawasan liputan rangkaian telefon mudah alih boleh membawa, sebagai sampingan kepada peralatan yang disyaratkan di dalam 9.16.1.1, telefon mudah alih.

- .1 Telefon mudah alih perlu dipra-program supaya berupaya menghantar hubungan secara pantas dengan pihak berkuasa penyelamat di pantai.
- .2 Kapasiti bateri perlu mencukupi untuk menggunakan telefon mudah alih sepanjang pelayaran.
- .3 Telefon mudah alih perlu, bila berkenaan, disambung kepada antenna luaran.

9.16.3 Di mana ia boleh dipraktikkan, sebagai tambahan untuk memenuhi panduan di dalam 9.16.1, semua vesel kategori rekabentuk C dan D terlibat dalam pelayaran lebih daripada kawasan laut dengan stesyen VHF yang beroperasi berterusan, perlu disediakan dengan pemasangan radio MF atau HF, seperti yang disyaratkan di dalam 9.12.1 dan 9.12.4, atau satelit EPIRB.

9.16.4 Untuk pandangan keseluruhan panduan peralatan sila lihat 9.9

BAB 10 PERALATAN NAVIGASI

10.1 Peralatan navigasi

10.1.1 Vesel perlu dipasang dengan kompas, di mana ia boleh dikendalikan dengan tangan atau digantikan dengan cara alternatif seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kompeten, seperti sistem navigasi satelit. Jika disebabkan keadaan pelayaran atau anggaran jarak ke darat Pihak Berkuasa Kompeten boleh mempertimbangkan untuk mengecualikan vesel atau kumpulan vesel daripada syarat ini.

10.1.2 Ia hendaklah boleh untuk membaca kompas pada waktu siang dan malam daripada kedudukan stereng. Di mana berkenaan, peralatan untuk mengekalkan kompas dan 'compensators' perlu dibuat daripada bahan tidak magnetik. Kompas yang dipasang perlu diletakkan sedekat yang mungkin dengan garis 'fore-and-aft', dengan garis getah, selari dengan garis 'fore-and-aft'.

10.1.3 In vessels equipped with an auto-pilot system actuated by a magnetic sensor, which does not indicate the vessel's heading, suitable means should be provided to show this information.

10.1.4 Consideration should be given to fitting vessels with radar. It is recommended that the installation should be capable of operating in the 9 GHz frequency band.

10.1.5 Decked vessels should be provided with suitable means, to the satisfaction of the Competent Authority, for determining the depth of water under the vessel. Where fish-finding devices are fitted, they could be used for this purpose.

10.1.6 If practicable, every vessel should be equipped with a radar reflector meeting the widely-accepted performance standards for such devices. See annex XXIX.

10.1.7 All equipment fitted in compliance with this section should be to the satisfaction of the Competent Authority.

10.2 Nautical instruments and publications

10.2.1 Where applicable, suitable nautical instruments, adequate and up-to-date charts and all other nautical publications necessary for the intended voyage should be carried on board, to the satisfaction of the Competent Authority.

10.2.2 An Electronic Chart Display and Information System (ECDIS) or electronic chart plotter may be accepted as meeting the chart carriage requirements of 10.2.1.

10.2.3 Back-up arrangements should be provided to meet the functional requirements of 10.2.2.*

10.3 Signalling equipment

10.3.1 Equipment is to be provided to comply in every respect with the requirements of the International Regulations for Preventing Collisions at Sea, 1972, as amended. Refer to annex XXX.

10.3.2 Lights, shapes and flags should be provided to indicate that the vessel is engaged in any specific operation for which such signals are used.

10.3.3 All vessels which are required to carry radio installations should carry the table of life-saving signals contained in the International Code of Signals as far as practicable. Refer to annex XXXI.

10.3.4 Vessels of design categories A and B should carry a table of distress signals. This table can be found in annex XXXII.

* An appropriate folio of paper nautical charts may be used as a back-up arrangement for ECDIS. Other back-up arrangements for ECDIS are acceptable (see appendix 6 to resolution A.817(19), as amended and by resolution MSC.232(82), respectively).

10.1.3 Di dalam vessel yang dilengkapi dengan sistem pemanduan automatik yang yang didorong oleh sensor magnetik, di mana ia tidak menandakan arah vesel, cara yang sesuai perlu disediakan untuk menunjukkan maklumat ini.

10.1.4 Pertimbangan harus diambil untuk memasang vesel dengan radar. Adalah disarankan supaya pemasangan boleh beroperasi pada frekuensi 9 GHz.

10.1.5 Vesel berdek patut disediakan dengan cara yang sesuai, mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten, untuk menentukan kedalaman air di dalam vesel. Di mana alat pengesan ikan dipasang, ia boleh digunakan untuk tujuan ini.

10.1.6 Di mana praktikal, setiap vesel perlu dilengkapi dengan reflector radar yang mematuhi piawai pelaksanaan yang diterima secara luas untuk peralatan tersebut. Sila lihat lampiran XXIX.

10.1.7 Semua peralatan yang dipasang yang mematuhi seksyen ini haruslah mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten.

10.2 Peralatan nautikal dan penerbitan

10.2.1 Di mana berkenaan, peralatan nautikal yang sesuai, carta dan penerbitan nautikal yang terkini dan bersesuaian yang perlu untuk perjalanan yang dicadangkan perlu di bawa bersama di dalam kapal mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten.

10.2.2 An Electronic Chart Display and Information System (ECDIS) atau electronic chart plotter boleh diterima sebagai menepati carta kehendak gerabak 10.2.1.

10.2.3 Aturan tambahan perlu disediakan untuk memenuhi syarat 10.2.2*

10.3 Peralatan Pengisyarat

10.3.1 Peralatan perlu disediakan untuk mematuhi semua kehendak Peraturan Antarabangsa untuk Mengelakkan Perlanggaran di Laut, 1972 (International Regulations for Preventing Collisions at Sea, 1972), seperti yang dipinda. Sila rujuk Lampiran XXX.

10.3.2 Lampu, bentuk dan bendera perlu disediakan untuk menandakan yang vesel itu terlibat di dalam operasi spesifik di mana isyarat seumpama digunakan.

10.3.3 Semua vessel yang dikehendaki untuk membawa kelengkapan radio perlu membawa jadual isyarat menyelamatkan diri yang terkandung dalam International Code of Signals. Rujuk pada lampiran XXXI.

10.3.4 Vesel daripada kategori A dan B perlu mempunyai jadual isyarat kecemasan. Jadual ini boleh dirujuk pada Lampiran XXXII.

* Folio carta nautikal yang sesuai boleh digunakan sebagai aturan tambahan untuk ECDIS. Aturan tambahan lain untuk ECDIS juga diterima (Sila lihat appendix 6 untuk resolusi A.817 (19), seperti yang dipinda dan dengan resolusi MSC.232(82), masing-masing).

10.4 Navigating bridge visibility

Power-driven vessels should meet the following requirements:

- .1 The view of the sea surface from the conning position should extend from right ahead to 22.5° abaft the beam on either side of the vessel. Blind sectors caused by any obstruction outside the wheelhouse should be kept as small as possible.
- .2 From each side of the wheelhouse, the horizontal field of vision should extend over an arc of at least 225°, that is from at least 45° on the opposite bow through right ahead and then from right ahead to right astern through 180° on the same side of the vessel.

10.5 Navigation lights

Deck lighting should not impair the visibility of navigation and signal lights required by the International Regulations for Preventing Collisions at Sea, 1972 as amended.

CHAPTER 11 CREW ACCOMMODATION

11.1 General

11.1.1 Unless expressly provided otherwise, this chapter should apply to decked vessels of design categories A and B that are at sea for more than 24 h*.

11.1.2 Accommodation of appropriate size and quality should be provided on vessels of all design categories, bearing in mind the length of the voyage, the weather conditions and size of vessel. There should be adequate headroom in all accommodation spaces.

11.1.3 Location, structure and arrangement of crew accommodation spaces and means of access thereto should be such as to ensure adequate security, protection against weather, sea, heat, cold, condensation, undue noise, vibration, fumes, odours and effluvia from other spaces. Sleeping rooms should be placed aft of the collision bulkhead, if fitted.

11.1.4 In the choice of materials used for construction of accommodation spaces, account should be taken of properties potentially harmful to the health of personnel or likely to harbour vermin and mould.

11.1.5 All practical measures should be taken to protect crew accommodation and furnishings against the admission of insects and other pests.

11.2 Lighting, heating and ventilation

11.2.1 All crew accommodation spaces should be adequately lit, as far as possible, by natural light. Such spaces should also be equipped with adequate artificial light. Emergency lighting should be provided, where practicable.

* Refer to paragraph 2 of Annex III of the ILO Work in Fishing Convention, 2007.

10.4 Jarak penglihatan anjung navigasi

Vesel menggunakan tenaga perlu menepati keperluan berikut :

.1 Pemandangan permukaan laut daripada kedudukan menara perlu dipanjangkan ke hadapan kanan kepada 22.5° ke buritan kapal pada salah satu sisi kapal. Sektor buta yang disebabkan oleh apa-apa gangguan di luar rumah kemudi perlulah sekecil mungkin. The view of the sea surface from the conning position should extend from right ahead to 22.5° abaft the beam on either side of the vessel. Blind sectors caused by any obstruction outside the wheelhouse should be kept as small as possible.

.2 Daripada kedua - dua bahagian rumah kemudi, pandangan mendatar perlu melangkaui lengkungan sekurang-kurangnya 225°, iaitu sekurang-kurangnya 45° pada haluan yang bertentangan merentasi hadapan dan daripada hadapan kanan ke pada kanan belakang melalui 180° pada sisi vesel yang sama.

10.5 Lampu Navigasi

Pencahayaan dek haruslah tidak mengganggu penglihatan lampu navigasi dan isyarat seperti yang dikehendaki oleh Peraturan Antarabangsa untuk Mengelakkan Perlanggaran di Laut, 1972, seperti yang dipinda.

BAB 11 PENGINAPAN ANAK KAPAL

11.1 Am

11.1.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya, bab ini cuma diaplikasikan kepada vesel berdek kategori rekabentuk A dan B yang berada di laut untuk lebih dari 24 jam^{*}.

11.1.2 Penginapan yang sesuai dari saiz dan kualiti perlu disediakan di vesel, dengan mengambil kira jarak perjalanan, keadaan cuaca dan saiz vessel. Ruang atas perlu mencukupi untuk semua ruang penginapan.

11.1.3 Lokasi, struktur dan aturan ruang penginapan anak kapal dan jalan masuk perlu mencukupi untuk memastikan keselamatan daripada cuaca, laut, kesejukan, kepanasan, kondensasi, bunyi, getaran, asap, bau dan bahan buangan daripada ruang lain. Ruang tidur perlu diletakkan dekat buritan kapal dinding sekat langgar jika sesuai.

11.1.4 Dalam pemilihan bahan yang digunakan untuk pembinaan tempat penginapan, perlu mengambilkira ciri bahan yang berpotensi untuk membahayakan kesihatan personel atau bahan yang boleh mengundang vermin dan kulat.

11.1.5 Semua langkah praktikal perlu diambil untuk melindungi penginapan dan perabot anak kapal daripada kemasukan serangga dan makhluk perosak lain .

11.2 Pencahayaan, pemanasan dan ventilasi.

11.2.1 Semua tempat penginapan anak kapal perlu mendapat pencahayaan yang secukupnya, sejauh mana yang boleh, dengan menggunakan cahaya semulajadi. Ruang tersebut juga perlu mempunyai pencahayaan tiruan. Pencahayaan kecemasan perlu disediakan.

* Rujuk kepada Perenggan 2 Lampiran III ILO Work in Fishing Conventtion, 2007

11.2.2 Methods of lighting should not endanger the health or safety of the crew or the safety of the vessel.

11.2.3 Adequate heating facilities in crew accommodation spaces should be provided as required by climatic conditions.

11.2.4 Facilities for heating should be designed so as not to endanger health or safety of the crew or safety of the vessel.

11.2.5 Heating by means of open fires should be prohibited.

11.2.6 Accommodation spaces should be adequately ventilated. Vessels operating in tropical climates should, where practicable, be fitted with mechanical ventilation. The ventilation of galleys and sanitary spaces should be to the open air and, unless fitted with a mechanical ventilation system, be independent from that for other crew accommodation.

11.3 Sleeping spaces

11.3.1 Sleeping spaces should be so planned and equipped as to ensure reasonable comfort for the occupants and to facilitate tidiness.

11.3.2 The minimum number of berths should not be less than half the number of crew on board. The minimum berth size should be determined by the Competent Authority.

11.3.3 Suitable bedding should be provided for the crew. Mattresses should not be of a type that is liable to develop toxic fumes in case of fire nor of a type that would attract pests or insects. Mattresses should be provided with a cover of fire-retardant material.

11.3.4 Whenever reasonable and practicable, having regard to the size, type or intended service of the vessel, the furnishings of sleeping spaces should include both a fitted cupboard, preferably with an integral lock, and a drawer for each occupant.

11.4 Eating spaces and cooking facilities

11.4.1 Wherever reasonable and practicable, eating spaces and cooking facilities should be provided separate from sleeping spaces.

11.4.2 Cooking facilities should be of adequate dimensions for the purpose and have sufficient storage space and satisfactory drainage. Where possible, refrigerators or other low-temperature storage should be provided, to the satisfaction of the Competent Authority.

11.4.3 The cooking facility should be provided with cooking utensils, the necessary number of cupboards, shelves, sinks and dish racks of rustproof material and with satisfactory drainage.

11.4.4 The cooking facility should be fitted with suitable facilities for the preparation of hot drinks for the crew at all times.

11.4.5 Cooking appliances should be fitted with fail-safe devices in the event of failure of the power source or fuel. Supplies of fuel in the form of gas or oil should not be stored in the cooking facility.

11.2.2 Cara pencahayaan tidak boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan atau keselamatan kepada anak kapal atau keselamatan vesel.

11.2.3 Kemudahan pemanasan yang mencukupi di ruang penginapan anak kapal perlu disediakan seperti yang dikehendaki oleh keadaan cuaca.

11.2.4 Kemudahan untuk pemansan juga perlu direka untuk tidak membahayakan kesihatan dan keselamatan anak kapal atau keselamatan vessel.

11.2.5 Pemanasan dengan pembakaran terbuka adalah dilarang.

11.2.6 Ruang penginapan perlu ventilasi yang mencukupi. Vesel yang beroperasi di iklim tropika perlu apabila boleh dipraktikkan, dipasangkan dengan ventilasi mekanikal. Pengudaraan dapur dan ruang sanitari perlu terdedah kepada udara dan kecuali sekiranya dipasang dengan sistem pengudaraan mekanikal, perlu diasingkan daripada tempat tinggal anak kapal.

11.3 Ruang tidur

11.3.1 Ruang tidur perlu direka dan dilengkapi untuk memastikan keselesaan yang bersesuaian untuk penumpang dan untuk memudahkan kekemasan.

11.3.2 Bilangan tempat tidur yang minima tidak boleh kurang daripada separuh bilangan anak kapal, Saiz tempat tidur yang minima perlu ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

11.3.3 Katil yang sesuai perlu disediakan untuk anak kapal. Tilam-tilam tidak sepatutnya daripada bahan jenis yang cenderung untuk menghasilkan asap toksik sekiranya berlaku kebakaran atau jenis yang cenderung untuk menarik serangga atau makhluk perosak. Tilam perlu disediakan dengan pelindung yang menggunakan bahan anti kebakaran.

11.3.4 Apabila berkenaan dan boleh dipraktikkan, berkaitan dengan saiz, jenis atau penyelenggaraan vesel yang dicadangkan, kelengkapan perabot ruang tidur perlu merangkumi almari, seboleh-bolehnya bersama kunci dan laci untuk semua penghuni

11.4 Ruang makan dan kemudahan memasak

11.4.1 Apabila berkenaan dan boleh dipraktikkan, ruang makan dan kemudahan memasak perlu disediakan berasingan daripada ruang tidur.

11.4.2 Kemudahan memasak perlu mempunyai dimensi yang mencukupi untuk tujuan ruang penyimpanan dan saluran yang memuaskan. Peti sejuk dan penyimpanan suhu sejuk perlu disediakan mengikut kepuasan Pihak Berkuasa Kompeten.

11.4.3 Kemudahan memasak perlu disediakan dengan peralatan memasak, bilangan almari yang mencukupi, para, singki dan rak pinggan daripada bahan anti karat dengan pengaliran memuaskan.

11.4.4 Kemudahan memasak perlu dipasangkan dengan kemudahan yang sesuai untuk penyediaan air panas untuk anak kapal sepanjang masa.

11.4.5 Peralatan memasak perlu dipasangkan dengan peralatan selamat sekiranya berlaku kegagalan tenaga atau minyak. Bekalan minyak dari segi bentuk gas atau minyak tidak boleh disimpan di dalam kemudahan memasak.

11.5 Sanitary facilities

11.5.1 Sufficient hygienic sanitary facilities, including toilets and washing facilities, should be provided to the satisfaction of the Competent Authority.

11.5.2 Soil and waste discharge pipes should not pass through:

- .1 fresh water tanks;
- .2 drinking water tanks; and
- .3 provision stores (where practicable),

nor should they (where practicable) pass overhead in:

- .4 eating spaces;
- .5 sleeping spaces; and
- .6 cooking facilities.

Such pipes should be fitted with anti-siphon closures.

11.5.3 In general, toilets should be situated convenient to, but separate from, sleeping spaces and eating spaces.

11.6 Water facilities

11.6.1 Filling, storage and distribution arrangements for drinking water should be designed to preclude any possibility of water contamination. Tanks should be designed to allow internal cleaning.

11.6.2 In every vessel, a dedicated supply of at least 2.5 litres of drinking water per person per day should be provided for drinking and cooking purposes.

11.6.3 Where the washing facilities use salt water additional fresh water should be carried to allow the crew to rinse themselves.

11.7 Vessels of design categories A and B, spending less than 24 hours at sea and C and D

Vessels should have adequate facilities relating to:

- .1 lighting, heating and ventilation;
- .2 sleeping spaces;
- .3 eating spaces and cooking facilities;
- .4 sanitary facilities;
- .5 water facilities; and
- .6 protection from the elements (refer to 6.11.10).

11.5 Kemudahan sanitari

11.5.1 Kemudahan sanitari yang mencukupi termasuklah tandas dan kemudahan mencuci perlu disediakan mengikut kehendak Pihak Berkuasa Kompeten.

11.5.2 Paip tanah dan kumbahan tidak boleh mengalir menerusi :

- .1 tangki air tawar;
- .2 Tangki air minuman; dan
- .3 Stor 'provision' (bila boleh dipraktikkan),

juga tidak boleh (bila boleh dipraktikkan) melangkaui paras atas kepada di dalam :

- .4 tempat makan;
- .5 tempat tidur dan;
- .6 kemudahan memasak

Paip seumpama perlu di dipasang dengan penutup anti-sifon.

11.5.3 Secara amnya, tandas perlu ditempatkan di tempat yang sesuai, tetapi diasingkan daripada tempat makan.

11.6 Kemudahan air

11.6.1 Aturan Pengisian, penyimpanan dan pengagihan untuk air minuman harus direka untuk mengelakkan kemungkinan pencemaran air. Tangki perlu direka untuk membolehkan pencucian dalaman dilakukan.

11.6.2 Di dalam setiap vesel, bekalan air sekurang-kurangnya 2.5 liter seorang sehari perlu disediakan untuk tujuan minum dan memasak.

11.6.3 Di mana kemudahan mencuci menggunakan air masin, air tawar tambahan perlu ada untuk membolehkan anak kapal untuk membilas badan.

11.7 Vesel daripada kategori rekabentuk A dan B, jangkamasa di laut kurang daripada 24 jam dan C dan D

Vesel perlu mempunyai kemudahan yang mencukupi berkaitan dengan :

- .1 Pencahayaan, pemanasan dan ventilasi;
- .2 ruang tidur;
- .3 ruang makan dan kemudahan memasak ;
- .4 kemudahan sanitari ;
- .5 kemudahan air; dan
- .6 Perlindungan daripada elemen-elemen (rujuk kepada 6.11.10)

CHAPTER 12 MANNING, TRAINING AND COMPETENCE

12.1 Manning and rest

The Competent Authority should ensure that vessels are sufficiently and safely manned with a crew necessary for the safe navigation and operation of the vessel, and under the control of a competent skipper. When deciding on the manning the Competent Authority should take into account:

- .1 seasonal weather conditions;
- .2 sea states in which the vessel could operate;
- .3 type of vessel;
- .4 the range and risk of the fishing operation;
- .5 length of time the vessel is at sea;
- .6 distance from shore;
- .7 training and experience of the fishermen;
- .8 the need to minimize fatigue; and
- .9 the need to ensure fishermen are given regular periods of rest.

12.2 Certification of skippers

12.2.1 Where practicable, the skipper should be certificated by the Competent Authority.

12.2.2 Where applicable, the certificate should be granted following an examination. Where practicable, the examination may consist of a written and oral examination together with practical demonstration. In the event that it would not be practical to set a written paper, the examination may be limited to an oral examination and/or a practical demonstration of understanding and ability.

12.3 Skippers' standard of competence

The skipper should be sufficiently competent to keep the vessel safe and well managed at all times. This includes:

- .1 operating and maintaining machinery and systems;
- .2 handling emergencies and using communications to seek help;
- .3 first aid;
- .4 manoeuvring a vessel, at sea, in port and during fishing operations;
- .5 knowledge of navigation;
- .6 weather conditions and forecasting;
- .7 knowledge of stability;
- .8 the use of signals;
- .9 knowledge of pollution prevention;
- .10 application of the collision regulations; and
- .11 understanding and minimizing the risks of fishing operations.

BAB 12 MANNING, LATIHAN DAN KOMPETENSI

12.1 Manning dan sebagainya

Pihak Berkuasa Kompeten perlu memastikan bahawa vesel adalah dikendalikan dengan selamat dengan anak kapal yang bertauliah untuk navigasi dan operasi vesel yang selamat, dan di bawah kawalan jurumudi yang kompeten. Apabila membuat keputusan mengenai pengendalian Pihak Berkuasa Kompeten perlu mengambil kira berikut:

- .1 Keadaan cuaca bermusim;
- .2 keadaan laut di mana vessel itu boleh beroperasi ;
- .3 Jenis vessel;
- .4 Julat dan risiko operasi penangkapan ikan;
- .5 Jangkamasa vessel itu berada di laut ;
- .6 Jarak dari pantai ;
- .7 Latihan dan pengalaman nelayan ;
- .8 Keperluan untuk meminimakan keletihan; dan
- .9 Keperluan untuk memastikan nelayan diberi masa rehat yang secukupnya.

12.2 Pensijilan jurumudi

12.2.1 Di mana boleh dipraktikkan, pensijilan jurumudi perlu dilakukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

12.2.2 Di mana berkenaan, sijil perlu dikeluarkan selepas menjalani ujian. Apabila perlu, ujian boleh merangkumi ujian bertulis dan oral bersama dengan demonstrasi praktikal. Di dalam keadaan di mana ia tidak praktikal untuk mengadakan ujian bertulis, ujian hanya dihadkan kepada ujian lisan dan/atau demonstrasi praktikal terhadap pemahaman dan kebolehan

12.3 Tahap kompetensi Jurumudi

Jurumudi perlu layak sepenuhnya untuk memastikan vesel selamat dan dikendalikan dengan baik sepanjang masa.

- .1 Pengendalian dan penyelenggaraan mesin dan sistem;
- .2 Menangani kemalangan dan menggunakan komunikasi untuk mendapatkan bantuan;
- .3 Alat kecemasan;
- .4 Mengemudikan vesel, di laut, di pelabuhan dan semasa operasi penangkapan ikan;
- .5 Pengetahuan mengenai navigasi;
- .6 Keadaan dan ramalan cuaca;
- .7 Pengetahuan mengenai kestabilan;
- .8 Penggunaan isyarat ;
- .9 Pengetahuan mengenai pencegahan pencemaran;
- .10 Aplikasi mengenai peraturan pelanggaran; dan
- .11 memahami dan meminimakan risiko operasi penangkapan ikan.

12.4 Skipper and other crew training

The skipper and other crew should be trained in:

- .1 the use of fire extinguishers, lifejackets and personal flotation devices;
- .2 work place safety, including understanding the dangers associated with fatigue and the consumption of alcohol and drugs;
- .3 safe handling of the fishing gear;
- .4 safe operation of deck equipment;
- .5 basic pre-sea safety training and familiarization (guidance on basic pre-sea safety training can be found in annex XXXIII);
- .6 pollution prevention; and
- .7 prevention of onboard accidents, applying the principles of risk assessment.

12.4 Latihan jurumudi dan anak kapal yang lain

Jurumudi dan anak kapal hendaklah dilatih dalam :

- .1 Penggunaan alat pemadam api, jaket keselamatan dan alat pelampung persendirian;
 - .2 Keselamatan di tempat kerja, termasuk pemahaman mengenai bahaya yang berkaitan dengan keletihan dan pengambilan alkohol dan dadah;
 - .3 Pengendalian selamat peralatan perikanan ;
 - .4 Pengendalian selamat peralatan dek;
 - .5 Latihan dan pengenalan asas mengenai keselamatan pra-laut (Panduan mengenai latihan asas keselamatan pra-laut boleh dijumpai di dalam lampiran XXXIII);
 - .6 Pencegahan pencemaran; dan
 - .7 Pencegahan kemalangan semasa di atas kapal, mengamalkan prinsip analisis risiko.
-

ANNEX I

ILLUSTRATION OF TERMS USED IN THE DEFINITIONS





Figure 1

LAMPIRAN I

ILUSTRASI TERMA YANG DIGUNAKAN DI DALAM DEFINISI



Gambarajah 1

LEAST DEPTH




Figure 2

KEEL LINE






Figure 3

KEDALAMAN TERENDAH



Gambarajah 2



Gambarajah 3





Figure 4

PENGUKURAN – VESEL MEMPUNYAI DEK

Panjang keseluruhan (LOA)
Lebar (B)
Kedalaman (D)



Gambarajah 4





Figure 5



Gambarajah 5





Figure 6 – Cubic numeral

$$LOA \times B \times D = \text{Cubic numeral (CuNo)}$$



Gambarajah 6 – Numeral padu

$LOA \times B \times D = \text{Numeral padu (CuNo)}$

ANNEX II

RECOMMENDED CONSTRUCTION STANDARDS FOR WOODEN FISHING VESSELS


PART 1 – GENERAL

1 Scope

1.1 These construction standards apply to decked fishing vessels of less than 12 m in length and undecked vessels.

1.2 In general the construction standards apply to fishing vessels of conventional form and wooden construction; that is, single hull vessels of plank on frame construction with hot dipped galvanized fastenings which, in general, should consist of:

- .1 substantial backbone structure;
- .2 close spaced transverse frames;
- .3 fore and aft carvel planking fastened to frames with hot dipped galvanized fasteners;
- .4 undecked, partial deck or full deck; and
- .5 longitudinal structure including gunwale for open vessels and beam stringer for decked vessels and a bilge stringer for vessels of 10 m or more LOA.




LAMPIRAN II
PENETAPAN STANDARD PEMBINAAN VESEL PENANGKAPAN IKAN JENIS KAYU
BAHAGIAN 1- AM


1 SKOP

1.1 Standard pembinaan ini digunakan bagi vesel menangkap ikan yang mempunyai dek dan tanpa dek berukuran kurang dari 12m panjang.

1.2 Secara umum, standard pembinaan ini digunakan bagi vesel penangkapan ikan berbentuk konvensional dan dibina dari kayu seperti vesel berbadan tunggal. Papan yang dipasang pada rangka vesel hendaklah diikat dengan pengikat yang melalui proses *hot dipped galvanized* dan terdiri daripada:

- .1 struktur tulang belakang yang teguh;
- .2 Kerangka melintang berjarak dekat;
- .3 Papan birai hadapan dan belakang diikat pada kerangka dengan pengikat yang melalui proses *hot dipped galvanized*
- .4 tanpa dek, separa dek dan mempunyai dek penuh; dan
- .5 struktur membujur termasuk birai untuk vesel tanpa dek, gelegar rasuk untuk vesel mempunyai dek dan gelegar bawah bagi vesel berukuran LOA 10 meter atau lebih.





1.3 Standards are given for vessels operating at speeds up to 16 knots as shown in table 2.9.1 in Part 3. Vessels operating at higher speeds would require special consideration by the Competent Authority.

1.4 A number of vessel types are not covered by the requirements of these construction standards, including the following:

- .1 vessels constructed of plywood or glued wood;
- .2 vessels of simple construction including vessels such as rafts and dug-out canoes; and
- .3 vessels judged by the Competent Authority to be outside the scope of this standard.

2 Design categories


These construction standards are based on the division of vessels into appropriate design categories; the categories indicate sea and wind conditions for which a vessel is considered to be suitable, provided that the vessel is correctly operated and at a speed appropriate to the prevailing sea state. Design categories are defined in 1.2.14.

3 Construction standards

3.1 The appropriate standards of construction for wooden vessels should be determined as set out in Parts 1 to 3.

Design category	Part 1	Part 2	Part 3
A	✓	✓	
B	✓	✓	
C	✓		✓
D	✓		

3.2 Vessels fitted with sails should be considered to operate in design categories C and D only, unless given special consideration by the Competent Authority.



1.3 Standard yang diberikan adalah untuk vesel yang beroperasi pada kelajuan sehingga 16 knot seperti di jadual 2.9.1 Bahagian 3. Vesel beroperasi pada kelajuan yang lebih tinggi memerlukan pertimbangan khas oleh Pihak Berkuasa yang Kompeten.

1.4 Vesel yang berikut tidak tertakluk oleh keperluan standard pembinaan ini, iaitu

- .1 Vesel dibina daripada papan lapis atau kayu bergam;
- .2 Vesel yang dibina dengan cara mudah seperti rakit dan sampan batang kayu dan
- .3 Vesel diputuskan oleh Pihak Berkuasa Yang Kompeten sebagai berada di luar skop standard ini.

2 Kategori reka bentuk

Standard pembinaan adalah berdasarkan kepada kategori reka bentuk yang sesuai dengan keadaan laut dan angin, dengan syarat vesel dikendalikan dengan betul dan pada kelajuan yang sesuai dengan keadaan laut semasa. Kategori reka bentuk ditakrifkan dalam 1.2.14.

3 Standard pembinaan

3.1 Standard yang sesuai untuk pembinaan vesel kayu hendaklah ditentukan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 hingga 3.

Kategori reka bentuk	Bahagian 1	Bahagian 2	Bahagian 3
A	√	√	
B	√	√	
C	√		√
D	√		

3.2 Vesel dilengkapi layar perlu dipertimbangkan untuk beroperasi dalam reka bentuk kategori C dan D melainkan jika diberi pertimbangan khas oleh Pihak Berkuasa Yang Kompeten.

3.3 Consideration should be given by the Competent Authority to increasing the scantlings given in the standards in parts of a vessel where special conditions may arise, including:

- .1 operation of fishing gear likely to damage structure by impact or abrasion; and
- .2 landing and hauling out of vessels on beaches and river banks.

4 Construction standards for wooden vessels of all design categories

4.1 Introduction

This part of the standard is applicable to vessels in all design categories.

4.2 Timber

4.2.1 Timber should be well seasoned with a moisture content of 15 to 20%, of good quality and free from splits, sap wood and significant knots.

4.2.2 Timber should be selected according to location in the vessel. Part 4 – Boatbuilding timbers of the world grouped according to EN 338 strength class system, provides information on strength classes, natural durability of heartwood and movement in service.

Part of vessel	Strength classes, natural durability of heartwood and movement in service
Hull and deck planking	Strength classes: C30, D25 to D40 of moderately durable or preferably durable timber. Small movements in service.
 - .2 Kehendak peraturan 3.2.1.2 untuk keluk tuil menegak GZ perlu ditambah sebanyak 20%.
 - .3 Keperluan peraturan 3.2.1.4 untuk ketinggian permulaan metasentrik GM perlu ditambah hingga 500mm.
- 3 Pukat tunda rasuk hendaklah mempunyai tuil menegak GZ yang sekurang-kurangnya 100 mm pada ketinggian sudut antara 40° dan 65° dan yang positif sehingga ketinggian sudut 70 ° apabila semua cara menutup dianggap ditutup.

* Rujukan-rujukan dalam lampiran ini merujuk kepada perenggan dalam Cadangan Keselamatan (Safety recommendations).

ANNEX XIII*

GUIDANCE ON PRACTICAL BUOYANCY TEST

1.1 General

The methods described in 1.2, 1.3 and 1.4 should be used, either by actual test or equivalent calculation.

1.2 Test condition

During the tests, the vessel should be in calm water in the light craft condition and then equipped as follows:

- .1 A mass equal to 25% of the dry mass of stores and equipment included in the maximum total load is to be added on the interior deck, on the centreline at LOA/2.
- .2 Vulnerable items, such as engines, may be replaced with an appropriate mass at the correct location.
- .3 For outboard engines, the builder's maximum recommended power is to be used. Tables 1 and 2, columns 2 and 4 give the appropriate replacement mass to be used with respect to engine power for petrol engines. A heavier mass may be used if it is recorded in the owner's manual. A mass of 86% of the engine dry mass is to be used for diesel, jet-propulsor or electric outboards, if these are supplied as the standard outfit. Vessels equipped for use both with and without an outboard engine are to be tested in both conditions.
- .4 For inboard engines, the replacement mass to be lead, steel or iron of a mass equal to 75% of the installed mass of the engine and stern-drive.
- .5 As far as practicable, replacement masses are to have the same position of centre of gravity as the actual engine.
- .6 Remove portable tanks. Fixed tanks are either to be removed, or should be full with either fuel or water.
- .7 All cockpit and similar drains normally open during operation of the vessel are to be left open. The plugs of drains for emptying the vessel of residual water when ashore should be in place.
- .8 Care should be taken throughout the testing to eliminate entrapped air other than in air tanks or air containers.
- .9 Void compartments integral with the vessel structure and not watertight, built and pressure tested as such, are to be opened so that they become flooded with water.

* Refer to ISO 12217-3 Annex E.

LAMPIRAN XIII *

PANDUAN PRAKTIKAL UJIAN KEAPUNGAN

1.1 Am

Kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam 1.2, 1.3 dan 1.4 boleh digunakan, sama ada dengan ujian sebenar atau pengiraan yang sama.

1.2 Syarat Ujian

Semasa ujian, vesel sepatutnya berada di dalam air tenang dalam keadaan vesel ringan dan kemudian dilengkapi seperti berikut:

- .1 Satu jisim bersamaan dengan 25% daripada jisim kering stor dan peralatan termasuk dalam jumlah beban maksimum yang akan ditambah di dek bawah, pada garis tengah di LOA / 2.
- .2 Peralatan boleh rosak, seperti enjin, boleh digantikan dengan jisim yang sesuai di lokasi yang betul.
- .3 Bagi enjin sangkut, kuasa kuda maksimum yang disyorkan oleh pembina digunakan. Jadual 1 dan 2, lajur 2 dan 4 memberikan jisim penggantian sesuai untuk digunakan bagi kuasa kuda enjin untuk enjin petrol. Satu jisim yang lebih berat boleh digunakan jika ia dinyatakan di dalam buku manual. Satu jisim 86% daripada berat kering enjin digunakan untuk diesel, pendorong jet atau enjin sangkut elektrik, jika ini dibekalkan sebagai kelengkapannya. Vesel yang dilengkapi untuk menggunakan enjin atau tanpa enjin sangkut adalah diuji dalam kedua-dua keadaan.
- .4 Untuk enjin dalam, penggantian jisim plumbum, keluli atau besi jisim yang bersamaan dengan 75% daripada jisim enjin dan pandu-buritan (*stern drive*) yang dipasang.
- .5 Secara praktiknya, penggantian jisim perlu mempunyai kedudukan yang sama dengan pusat graviti seperti enjin sebenar.
- .6 Keluarkan tangki mudah alih. Tangki tetap sama ada perlu dikeluarkan, atau perlu di isi penuh dengan minyak atau air.
- .7 Semua palam air yang biasanya terbuka semasa operasi vesel, perlu dibiarkan terbuka. Plag (*plug*) untuk mengosongkan vesel dari sisa air apabila didaratkan jangan di buka.
- .8 Perhatian perlu diambil sepanjang ujian untuk mengeluarkan udara yang terperangkap selain daripada tangki udara atau bekas udara.
- .9 Petak rongga pada struktur vesel, walau diuji kedap udara, hendaklah dibuka supaya dilimpahi dengan air.

* Rujuk kepada ISO 12217-3 Annex E.

- .10 Vessels intended to be fitted with engines of more than 3 kW and which are fitted with integral air tanks which have laminated, glued, welded or bolted seams in their construction, which do not comply with the air pressure test of 2 m head, must have a number of air chambers opened to atmosphere during testing, according to Table 3.

Table 1 – Mass of single engine installations

Engine power (kW)	Engine + controls (kg)		Battery (kg)	
	1	2	3	4
	Dry	Submerged	Dry	Submerged
0 – 1.9	13.0	11.2	-	-
2.0 – 3.6	23.0	19.8	-	-
3.7 – 5.8	32.0	27.5	-	-
5.9 – 6.9	42.0	36.1	-	-
7.0 – 13.9	54.0	46.4	20.4	11.3
14.0 – 17.9	63.0	54.2	20.4	11.3
18.0 – 28.9	82.0	70.5	20.4	11.3
29.0 – 43.9	121.0	104.1	20.4	11.3
44.0 – 54.9	157.0	135.0	20.4	11.3
55.0 – 83.9	187.0	160.8	20.4	11.3
84.0 – 186.0	235.0	202.1	20.4	11.3
> 186	257.0	221.0	20.4	11.3

Note: Power (kW) = (Imperial horsepower) x 0.7457
 Imperial horsepower = (power in kW) x 1.341
 Power (kW) = (Metric horsepower) x 0.7355
 Metric horsepower = (Power in kW) x 1.36

Table 2 – Mass of twin engine installations (kg)

Total engine power (kW)	Engines + controls (kg)		Battery (kg)	
	1	2	3	4
	Dry	Submerged	Dry	Submerged
28.8 – 359	126.0	108.4	40.8	22.7
36.0 – 57.9	164.0	141.0	40.8	22.7
58.0 – 87.9	242.0	208.1	40.8	22.7
88.0 – 109.9	314.0	270.0	40.8	22.7
110.0 – 167.9	374.0	321.6	40.8	22.7
168.0 – 372.0	470.0	404.2	40.8	22.7
> 372	514.0	442.0	40.8	22.7

- .10 Vesel yang hendak dipasang dengan enjin lebih daripada 3 kW dan yang dilengkapi dengan tangki udara yang dibalut, digam, dikimpal atau dibolkan dalam pembinaan mereka, yang tidak mematuhi ujian tekanan udara 2 m *head*, mesti mempunyai beberapa ruang udara didedah kepada atmosfera semasa ujian, menurut Jadual 3.

Jadual 1 – Jisim pemasangan enjin tunggal

Kuasa enjin (kW)	Enjin + Kawalan (kg)		Bateri (kg)	
	1	2	3	4
	Kering	Tenggelam	Kering	Tenggelam
0 – 1.9	13.0	11.2	-	-
2 – 3.6	23.0	19.8	-	-
3.7 – 5.8	32.0	27.5	-	-
5.9 – 6.9	42.0	36.1	-	-
7 – 13.9	54.0	46.4	20.4	11.3
14 – 17.9	63.0	54.2	20.4	11.3
18 – 28.9	82.0	70.5	20.4	11.3
29 – 43.9	121.0	104.1	20.4	11.3
44 – 54.9	157.0	135.0	20.4	11.3
55 – 83.9	187.0	160.8	20.4	11.3
84 – 186.0	235.0	202.1	20.4	11.3
> 186	257.0	221.0	20.4	11.3

Nota:

Kuasa (kW) = (Kuasa kuda imperial) x 0.7457
 Kuasa kuda imperial = (kuasa dalam kW) x 1.341
 Kuasa(kW) = (Kuasa kuda metrik) x 0.7355
 Kuasa kuda metric = (kuasa dalam kW) x 1.36

Jadual 2 – Jisim pemasangan enjin berkembar (kg)

Jumlah kuasa enjin (kW)	Enjin + Kawalan (kg)		Bateri (kg)	
	1	2	2	2
	Kering	Tenggelam	Kering	Tenggelam
28.8 – 35.9	126.0	108.4	40.8	22.7
36.0 – 57.9	164.0	141.0	40.8	22.7
58.0 – 87.9	242.0	208.1	40.8	22.7
88.0 – 109.9	314.0	270.0	40.8	22.7
110.0 – 167.9	374.0	321.6	40.8	22.7
168.0 – 372.0	470.0	404.2	40.8	22.7
> 372	514.0	442.0	40.8	22.7

Table 3 – Numbers of air chambers to be opened during test

Total number of air chambers	Number to be opened
≤ 4	Single largest
> 4 but ≤ 8	Two largest
> 8	Three largest

1.3 Flooded stability test

1.3.1 A metallic test weight with a dry mass of (6dCL) kg (CL = Crew Limit = the highest allowed number of crew members allowed onboard simultaneously, see Table 6) but not less than (15d) kg is to be suspended over the side of the vessel at each of four positions in turn. These positions should be at LOA/3 from the ends of the vessel (as shown in Figure 1) or at the ends of the cockpit, if this is nearer amidships. No other test weights are to be in the vessel during this test, apart from those required by Table 2.

1.3.2 d is a coefficient to account for the buoyancy of the test weight, as given in Table 4. Where test weights are not all of the same material, the calculation should be similar to

$$\frac{m_L}{1.099} + \frac{m_{CL}}{1.163} + \frac{m_A}{1.612} = 6CL$$

Where:

m_L is the mass of lead weights, expressed in kilograms;

m_{CL} is the mass of cast-iron weights, expressed in kilograms;

m_A is the mass of aluminium weights, expressed in kilograms.

1.3.3 As an alternative to suspending a test weight over the side, an equivalent heeling moment (calculated when the vessel is upright) may be applied using weights or persons positioned inside the vessel at sea level. Persons may only be used if they are not immersed when the vessel is heeled.

1.3.4 With the test weight in each position in turn, flood the vessel by applying a downwards force at a position on the gunwale at approximately mid-LOA until the deepest point of the gunwale or coaming is between 0.1 m and 0.3 m below the water surface. Hold the vessel in this position until the water level has equalized between inside and outside, or for 5 min, whichever is less, and then release the vessel.

Note: It is often helpful to partially fill the vessel with water before flooding in this manner.

1.3.5 For each position of the test weights, after a further 5 min have elapsed, the vessel must not heel more than 45°.

Jadual 3 – Bilangan kebuk udara yang perlu dibuka semasa ujian

Jumlah bilangan kebuk udara	Bilangan perlu dibuka
≤ 4	Tunggal paling besar
> 4 tetapi ≤ 8	Dua paling besar
> 8	Tiga paling besar

1.3 Ujian kestabilan terendam

1.3.1 Satu pemberat logam ujian dengan jisim kering (6dCL) kg (CL = Had Anak Kapal = bilangan tertinggi anak kapal yang dibenarkan di atas kapal dibenarkan serentak, lihat Jadual 6) tetapi tidak kurang daripada (15d) kg akan digantung di atas sisi vesel di setiap empat kedudukan secara bergilir. Kedudukan-kedudukan ini adalah di LOA / 3 dari hujung vesel (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1) atau di hujung kokpit, jika ini adalah dekat dengan peminggang . Tiada pemberat ujian yang lain berada di dalam vesel itu semasa ujian ini, selain daripada yang yang dikehendaki oleh Jadual 2.

1.3.2 d ialah pekali untuk menerangkan keapungan pemberat ujian, seperti yang diberikan dalam Jadual 4. Jika pemberat ujian bukan bahan yang sama, pengiraan hendaklah serupa dengan

$$\begin{array}{r} m_L \\ \text{-----} \\ 1.099 \end{array} + \begin{array}{r} m_{CL} \\ \text{-----} \\ 1.163 \end{array} + \begin{array}{r} m_A \\ \text{-----} \\ 1.612 \end{array} = 6CL$$

Di mana:

m_L adalah jisim pemberat plumbum, dinyatakan dalam kilogram;

m_{CL} adalah jisim pemberat besi tuang, dinyatakan dalam kilogram;

m_A adalah jisim pemberat aluminium, dinyatakan dalam kilogram.

1.3.3 Sebagai alternatif kepada menggantung pemberat ujian pada sebelah , satu momen kecondongan setara (dikira apabila vesel itu berada dalam keadaan tegak) boleh digunakan dengan menggunakan pemberat atau individu diletakkan di dalam vesel itu di paras laut. Individu itu hanya boleh digunakan jika mereka tidak tenggelam apabila vesel itu dicondongkan.

1.3.4 Dengan pemberat ujian pada setiap posisi secara bergilir, banjirkan vesel itu dengan menekan ke bawah pada kedudukan penutup birai pada kira-kira pertengahan LOA sehingga titik paling dalam penutup birai atau bibir adalah antara 0.1 m dan 0.3 m di bawah permukaan air . Tahan vesel di kedudukan ini sehingga paras air telah sama antara dalam dan di luar, atau untuk 5 min, mengikut mana yang kurang, dan kemudian lepaskan vesel.

Nota: Ia sering membantu untuk mengisi sebahagian vesel dengan air sebelum dibanjirkan dengan cara ini.

1.3.5 Bagi setiap kedudukan pemberat ujian, selepas berlalu tempoh 5 minit, vesel mesti tidak senget lebih daripada 45 °.

Table 4 – Material coefficient

Material	Lead	65/35 brass	Steel	Cast iron	Aluminium
Value of d	1.099	1.138	1.151	1.163	1.612




Figure 1 – Test weight positioning

1.4 Flooded buoyancy test

1.4.1 Load metallic test weights on the inner bottom of the vessel, evenly about the centre of the area available to the crew, according to the crew limit (CL) as given in Table 5. This area is to have a minimum headroom clearance of 0.6 m above the flooded waterline. Alternatively, provided they are not immersed above the knee, people may be used instead of test weights, provided they have a total dry mass not less than the required mass of test weights if **d** is taken as 1.1.

Table 5 – Dry mass of test weight (kg)

Property	Design category B	Design category C	Design category D
Dry mass not less than	$4dm_{MTL}/3$	$d(60 + 15CL)$	$d(50 + 10CL)$


Where:

m_{MTL} (kg) = maximum load the vessel is designed to carry in addition to the light craft condition, comprising the manufacturer's maximum recommended load, including all liquids (e.g., fuel, oils, fresh water, water in ballast or bait tanks and live wells) to the maximum capacity of fixed or portable tanks.

CL = Crew Limit according to Table 6 below.

Jadual 4 – Pekali bahan

Bahan	Plumbum	65/35 loyang	Keluli	Besi tuang	Aluminium
Nilai d	1.099	1.138	1.151	1.163	1.612



Rajah 1 - Kedudukan pemberat ujian

1.4 Ujian keapungan terendam

1.4.1 Pemberat logam ujian dimuatkan di bahagian dasar dalaman vesel itu, dengan sama rata kira-kira di tengah-tengah kawasan yang ada untuk anak-anak kapal, mengikut had anak-anak kapal (CL) seperti yang diberikan dalam Jadual 5. Kawasan ini harus mempunyai ruang atas minimum 0.6 m di atas garis air banjir. Selain itu, dengan syarat mereka tidak tenggelam di paras lutut, orang lain boleh digunakan selain daripada pemberat ujian, dengan syarat mereka mempunyai jumlah jisim kering tidak kurang daripada jisim yang diperlukan pemberat ujian jika diambil sebagaimana 1.1.

Jadual 5 – Jisim kering pemberat ujian (kg)

Ciri-ciri	Kategori reka bentuk B	Kategori reka bentuk C	Kategori reka bentuk D
Jisim kering tidak kurang dari	$4d_{MTL}/3$	$d(60 + 15CL)$	$d(50 + 10CL)$

Di mana:

$m_{MTL}(kg)$ = beban maksimum vesel yang direka untuk membawa di samping keadaan vesel ringan yang terdiri daripada beban maksimum yang disyorkan pengeluar, termasuk semua cecair (contohnya, bahan api, minyak, air tawar, air balast atau tangki umpan dan tangki ikan hidup) kepada kapasiti maksimum tangki tetap atau mudah alih.

CL = Had anak kapal berpandukan Jadual 6 di bawah.

1.4.2 Flood the vessel by applying a downwards force at a position on the gunwale at approximately mid-LOA until the deepest point of the gunwale or coaming is between 0.1 m and 0.3 m below the water surface. Hold the vessel in this position until the water level has equalized between inside and outside, or for 5 min, whichever is less, and then release the vessel.

Note: It is often helpful to partially fill the vessel with water before flooding in this manner.

1.4.3 After a further 5 min have elapsed, the vessel should float approximately level with the entire top of the gunwale or coamings (including those across bow or stern) above water. If these criteria are met the vessel is acceptable.

Note: The values of the formulae given in 1.3.1 and 1.4.1 are given in Table 6.

Table 6 – Test weights mass (kg)

Crew limit (CL)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
6dCL, min, 15d	15d	15d	18d	24d	30d	36d	42d	48d	54d	60d
d(60+15CL) =	75d	90d	105d	120d	135d	150d	165d	180d	195d	210d
d(50+10CL) =	60d	70d	80d	90d	100d	110d	120d	130d	140d	150d

1.4.2 Banjirkan vesel itu dengan menggunakan tekanan ke bawah pada kedudukan di penutup birai pada kira-kira pertengahan LOA sehingga titik paling dalam di penutup birai atau bibir adalah antara 0.1 m dan 0.3 m di bawah permukaan air. Tahan vesel di kedudukan ini sehingga paras air telah disamakan antara dalam dan di luar, atau untuk 5 min, mengikut mana yang kurang, dan kemudian lepaskan vesel.

Nota: Ia sering membantu untuk mengisi sebahagian vesel itu dengan air sebelum dibanjirkan dengan cara ini.

1.4.3 Selepas 5 minit berlalu, vesel perlu terapung kira-kira sama paras dengan seluruh bahagian atas penutup birai atau bibir (termasuk orang-orang di seluruh haluan atau buritan) di atas permukaan air. Jika kriteria ini dipenuhi vesel itu boleh diterima.

Nota: Nilai-nilai formula yang diberikan dalam 1.3.1 dan 1.4.1 adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6-Jisim pemberat ujian (kg)

Had anak kapal (CL)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
6dCL, min, 15d	15d	15d	18d	24d	30d	36d	42d	48d	54d	60d
d(60+15CL) =	75d	90d	105d	120d	135d	150d	165d	180d	195d	210d
d(50+10CL) =	60d	70d	80d	90d	100d	110d	120d	130d	140d	150d

ANNEX XIV

GUIDANCE ON TOOLS AND SPARES TO BE CARRIED ON BOARD

Spare Parts	Outboard Motor	Inboard Motor
Manual for engine and other major equipment	X	X
Parts for water pump (impeller, gasket, replacement pack, etc.)	X	X
Sparkplug	X	
Shearpin for propeller	X	
Split pins for propeller nuts	X	
Starting rope	X	
Propeller	X	
Stern gland packing		X
Belts for alternators and pumps		X
Lub oil filter		X
Fuel oil filter (or cartridge) and filter spanner		X
Water repellent oil/spray	X	X
Engine oil, gear oil and grease		X
Bolts, nuts, washers, screws, hoses and hose clamps of varying diameters to suit items on vessel	X	X
Glues, electrical tape, electrical wire, electrical connectors	X	X
Ropes and twine of varying types and diameters	X	X
Bulbs and fuses for lights including navigation lights and torches	X	X
Spare batteries for torches, radio communication equipment, etc.	X	X
Parts for bilge pump(s), including impeller pack	X	X

Tools	Outboard Motor	Inboard Motor
Spanners	X	X
Socket set		X
Adjustable spanners		X
Spark plug spanner	X	
Pliers	X	X
Screwdrivers	X	X
Knife	X	X

LAMPIRAN XIV

PANDUAN PERALATAN DAN ALAT GANTI YANG PERLU DIBAWA BERSAMA DI
DALAM VESEL

Alat ganti	Enjin sangkut	Enjin dalam
Manual untuk enjin dan peralatan utama yang lain	X	X
Bahagian untuk pam air (Impeler, gasket, pek gantian, dsb)	X	X
Palam pencucuh	X	
Pin ricih untuk kipas	X	
Pin pemisah untuk nat kipas	X	
Tali penghidup	X	
Kipas	X	
Tali Penyendat aci		X
Tali sawat untuk pengulang alik(<i>alternator</i>) dan pam		X
Penapis minyak pelincir		X
Penapis bahan api (atau katrij) dan spanar katrij		X
Minyak/penyembur kalis air	X	X
Minyak enjin, minyak gear dan gris		X
Bol, nat, sesendal, skru, hos, pengapit hos dari pelbagai ukuran yang sesuai dengan item di vesel	X	X
Perekat, pita elektrik, wayar elektrik, penghubung elektrik	X	X
Tali dan benang dari pelbagai jenis dan diameter	X	X
Bebuli dan fuis untuk lampu termasuk lampu pelayaran dan <i>spotlight</i>	X	X
Bateri ganti untuk <i>spotlight</i> , peralatan komunikasi radio dan lain lain	X	X
Alat ganti untuk pam bilga, termasuk pek impeler	X	X

Peralatan	Motor Sangkut	Motor Dalam
Spanar	X	X
Set soket		X
Spanar boleh laras		X
Spanar palam pencucuh	X	
Playar	X	X
Pemutar skru	X	X
Pisau	X	X

Tools	Outboard Motor	Inboard Motor
Multi tester		X
Hydrometer		X
Hammer		X
Wire cutters		X
Hacksaw and spare blades		X
Cold chisel		X
Pipe wrench		X
Torch	X	X
Bailer	X	X

Note: The Competent Authority should decide what spares and tools are required having given consideration to the size of the vessel, the size and type of engine, the distance from assistance, and the communications available with other vessels and the shore. The Competent Authority could consider providing illustrations of tools and spares.

Peralatan	Enjin Sangkut	Enjin Dalam
Penguji berbilang		X
Hidrometer		X
Tukul		X
Pemotong wayar		X
Gergaji besi dan mata ganti		X
Pahat		X
Perengkuh paip		X
Spotlight	X	X
Timba	X	X

Nota: Pihak Berkuasa Yang Kompeten perlu memutuskan apa-apa alat ganti dan peralatan yang diperlukan selepas membuat pertimbangan kepada saiz vesel itu, saiz dan jenis enjin, jarak dari bantuan, dan komunikasi yang sedia ada dengan vesel-vesel lain dan pantai. Pihak Berkuasa Yang Kompeten boleh mempertimbangkan untuk menyediakan ilustrasi peralatan dan alat ganti.

ANNEX XV

GUIDANCE ON STEERING GEAR

1 Installation

- 1.1 The steering gear should be designed and installed to ensure safe manoeuvring of the vessel at maximum speed and engine power.
- 1.2 The steering gear should be designed and installed so that it may not come into contact with fishing gear, equipment or other obstacles that may hinder the steering.
- 1.3 Where steering is by remote control, rudder stops should be fitted.
- 1.4 Where fitted, a steering console or similar arrangement should be built and secured to withstand the forces from the gear and the vessel's operator.
- 1.5 Penetrations in an outboard motor well, such as holes for steering cables, should be effectively sealed by means of a sleeve or similar device.
- 1.6 A means of emergency steering should be possible on all vessels, unless fitted with twin screws.

2 Rudder stocks

- 2.1 If the rudder has a lower bearing point (heel pintle) with the same stiffness as the rudder stock, the diameter of the rudder stock should not be less than that shown in the table below.
- 2.2 The diameter of the bolts in a rudder coupling should not be less than that shown in the table below.
- 2.3 The stuffing box of the rudder stock housing should have a height of at least 350 mm above the load waterline and be provided with packing material.

3 Rudders

- 3.1 Rudders of steel, aluminium and GRP should have a stock from the rudder coupling down to the pintle (where fitted). In case of rudders not fitted with a pintle, the diameter may be reduced linearly down from the rudder coupling.
- 3.2 Steel or aluminium rudders should have at least two stiffeners across the rudder stock spaced a maximum 600 mm apart. The thickness of the stiffeners should not be less than the thickness of the plate in the rudder.
- 3.3 Plate rudders should have a thickness not less than that shown in the table below.
- 3.4 GRP rudders should enclose steel stiffeners welded to the rudder stock with maximum spacing of 200 mm. The thickness of the steel reinforcements should not be less than the thickness of the plate in a steel rudder.

LAMPIRAN XV

PANDUAN MENGENAI PERALATAN KEMUDI

1 Pemasangan

- 1.1 Peralatan kemudi hendaklah direka dan dipasang untuk memastikan pengendalian vesel yang selamat pada kelajuan dan kuasa enjin maksimum.
- 1.2 Peralatan kemudi yang direka dan dipasang hendaklah tidak bersentuhan dengan alat menangkap ikan, peralatan dan lain-lain halangan yang mungkin boleh menghalang pemanduan.
- 1.3 Jika pengemudian menggunakan alat kawalan jauh, penghenti kemudi hendaklah dipasang.
- 1.4 Di mana dipasang, konsol kemudi dan peralatannya hendaklah dibina dengan kukuh agar dapat menampung kekuatan daya gear atau pengendali vesel.
- 1.5 Bagi enjin sangkut, lubang untuk kabel kemudi hendaklah ditutup dengan kukuh dengan menggunakan sarung atau peralatan yang sesuai.
- 1.6 Satu cara pengemudian kecemasan hendaklah diwujudkan ke atas semua vesel, kecuali vesel dua enjin.

2. Kepala Kemudi

- 2.1 Jika kemudi mempunyai titik bearing yang lebih rendah (engsel tumit) dengan kekukuhan yang sama seperti kepala kemudi, diameter kepala kemudi hendaklah tidak kurang daripada yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.
- 2.2 Diameter bol penghubung kemudi hendaklah tidak kurang daripada yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.
- 2.3 Sarung pematik aci kemudi hendaklah 350 mm lebih tinggi dari beban garis air dan dibekalkan dengan bahan pematik.

3 Kemudi

- 3.1 Kemudi keluli, aluminium dan GRP hendaklah mempunyai kepala kemudi yang dihubungkan ke kaki kemudi. Dalam kes kemudi tidak dipasang dengan kaki kemudi, diameter boleh dikurangkan secara linear menurun dari gandingan kemudi.
- 3.2 Kemudi keluli atau aluminium hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai dua tetulang merentang aci kemudi dengan berjarak maksimum 600 mm. Ketebalan tetulang hendaklah tidak kurang daripada ketebalan dalam daun kemudi.
- 3.3 Daun kemudi harus mempunyai ketebalan yang tidak kurang daripada yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.
- 3.4 Daun kemudi GRP hendaklah menyalut tetulang keluli yang dikimpal kepada batang kemudi dengan jarak maksimum 200mm. Ketebalan tetulang keluli hendaklah tidak kurang daripada ketebalan dalam daun kemudi besi.

3.5 Wooden rudders should be made of hardwood and be attached to the rudder stock with steel forks welded to the rudder stock; these should not be less than the thickness of the plate in a steel rudder.

3.6 Rudders of hardwood should have a thickness not less than that shown in the table below.*

CuNo	Stock Diameter (mm)	Steel Plate Thickness (mm)	Aluminium Plate Thickness (mm)	Timber Thickness (mm)	Bolt Diameter (mm)
10	30	6	8	25	10
15	30	8	10	40	10
20	30	8	10	45	10
25	40	8	10	50	12
30	40	8	10	60	12
60	45	10	12	65	15
80	45	10	12	70	15
100	45	10	12	75	15

* Figures based on information from Seafish rules.

3.5 Kemudi kayu hendaklah diperbuat daripada kayu keras dan dipasang pada kepala kemudi dengan silang keluli dikimpal kepada pangkal kemudi; ini seharusnya tidak boleh kurang daripada ketebalan plat pada kemudi keluli.

3.6 Kemudi daripada kayu keras harus mempunyai ketebalan tidak kurang daripada yang ditunjukkan di bawah.*

CuNo	Diameter kepala kemudi (mm)	Ketebalan Daun Kemudi Keluli (mm)	Ketebalan Daun Kemudi Aluminium (mm)	Ketebalan Daun Kemudi Kayu (mm)	Diameter bol (mm)
10	30	6	8	25	10
15	30	8	10	40	10
20	30	8	10	45	10
25	40	8	10	50	12
30	40	8	10	60	12
60	45	10	12	65	15
80	45	10	12	70	15
100	45	10	12	75	15

• Angka-angka berdasarkan maklumat daripada peraturan Seafish.

ANNEX XVI

RECOMMENDED PRACTICE FOR EXHAUST SYSTEMS

1 General

- 1.1 All materials used in exhaust systems should be corrosion resistant and metal parts should not be used in combination in such a way that corrosion will occur.
- 1.2 Exhaust pipes should be securely mounted so that mechanical wear and vibration are avoided; and such that there is no weight on the engine manifold.
- 1.3 Exhaust pipes may require flexible connections (bellows) where engines are prone to vibration or where engines are flexibly mounted.
- 1.4 Exhaust outlets which discharge through the hull below the deck should be provided with means of preventing back flooding into the hull or engine. This may be by the system design described below or by flap, valve or non-return device.
- 1.5 Exhaust pipes and silencers of every engine should be adequately cooled or lagged to protect persons on board the vessel.
- 1.6 Oil and fuel pipes should be kept as clear as practicable from exhaust pipes and turbochargers.
- 1.7 Where multiple engines are installed, each engine should have a separate exhaust system.

2 Dry exhaust systems

- 2.1 The exhaust system and piping should be leak proof to prevent the passage of toxic fumes into accommodation spaces.
- 2.2 There should be at least 100 mm clearance between piping and any wood or GRP materials.
- 2.3 The diameter of exhaust pipes should be sized in accordance with the engine manufacturer's recommendations or at least the same as the engine manifold.
- 2.4 Typical installation sketches and notes are given in the figures below.

LAMPIRAN XVI

AMALAN YANG DISARANKAN UNTUK SISTEM EKZOS

1 Am

1.1 Semua bahan yang digunakan dalam sistem ekzos hendaklah tahan karat dan bahagian logam tidak boleh digunakan dalam gabungan dalam apa-apa cara yang kekaratan akan berlaku.

1.2 Paip ekzos hendaklah dipasang dengan kemas dan selamat supaya dapat mengelakkan kehausan dari mekanikal dan gegaran; dan tidak memberatkan kepada manifold enjin.

1.3 Paip ekzos mungkin memerlukan sambungan fleksibel (*bellows*) di mana enjin mungkin bergegar atau jika kaki enjin dipasang bahan fleksibel.

1.4 Outlet ekzos yang dilepaskan melalui badan vesel di bawah dek hendaklah ada cara untuk mencegah air masuk balik ke dalam vesel atau enjin. Reka bentuk gambarajah sistem di bawah menunjukkan injap kelepasan dan injap/peranti sehalu.

1.5 Paip ekzos dan penyenyap setiap enjin hendaklah disejukkan secukupnya atau ditebat untuk melindungi orang-orang di atas kapal.

1.6 Minyak dan paip minyak hendaklah dipasang pada kedudukan yang jauh dari paip ekzos dan *turbocharger*.

1.7 Jika enjin lebih dari satu, setiap enjin harus mempunyai sistem ekzos yang berasingan.

2 Sistem ekzos kering

2.1 Sistem ekzos dan paip hendaklah tahan kebocoran untuk mengelakkan wasap toksik masuk ke ruang penginapan.

2.2 Perlu ada sekurang-kurangnya jarak 100mm antara sistem paip ekzos dengan apa-apa kayu atau bahan GRP.

2.3 Diameter paip ekzos hendaklah bersaiz mengikut saranan pengeluar enjin atau sekurang-kurangnya sama dengan manifold enjin.

2.4 Gambarajah pemasangan lazim dan nota adalah diberikan dalam rajah di bawah.

The exhaust system and piping should be leakproof to prevent toxic fumes from fouling the accommodation spaces.
Pipes should be insulated, as dry system gets very hot.
There must be at least 100mm clearance for any wood or FRP material.





Figure 2.1 – Dry exhaust system – Sketches and notes

Sistem ekzos dan sistem paip hendaklah tahan bocor untuk mengelakkan wasap toksik daripada merosakkan ruang kediaman.

Paip perlu ditebat, kerana sistem kering boleh menjadi sangat panas.

Sekurang-kurangnya jarak 100mm dari sebarang bahan kayu atau FRP.



Gambarajah 2.1 - Sistem ekzos kering –Lakaran dan nota

3 Water injected (wet) exhaust systems

3.1 The most important factor in the design and installation of wet exhaust systems is the prevention of entry of water into the engine. This may be achieved by the installation of a waterlock chamber into the exhaust line and by the correct positioning of components in relation to the load waterline.

3.2 The diameter of exhaust pipes should be sized in accordance with the engine manufacturers' recommendations.

3.3 There are two main types of wet exhaust systems, those with the engine manifold above the load waterline and those with the engine manifold below the load waterline. Typical installation sketches and notes for these types are given in the figures below.

3.4 Exhaust pipes should always be drawn up so that a part is at least 350 mm above the load waterline with a slope downwards to the outlet.

3.5 Exhaust outlets should be at least 100 mm above the load waterline or connected to a fixed pipeline which is drawn up to at least 100 mm above the load waterline.

3.6 The volume of the waterlock chamber should be sufficient to hold all the water in the pipes on either side of it; this will ensure that water does not fill up the waterlock and re-enter the engine.

3 Sistem ekzos disuntik air (basah)

3.1 Faktor yang paling penting dalam reka bentuk dan pemasangan sistem ekzos basah adalah pencegahan kemasukan air ke dalam enjin. Ini boleh dicapai dengan pemasangan ruang sekat air ke garis ekzos dan dengan meletakkan kedudukan yang betul bagi komponen berhubung dengan garis air beban.

3.2 Diameter paip ekzos hendaklah bersaiz mengikut saranan pengeluar enjin.

3.3 Terdapat dua jenis utama sistem ekzos basah, yang mempunyai manifold enjin di atas garis air beban dan yang mempunyai manifold enjin di bawah garis air beban. Gambarajah pemasangan lazim dan nota untuk jenis ini diberikan dalam lakaran-lakaran di bawah.




3.4 Paip ekzos hendaklah sentiasa dipasang sekurang-kurangnya 350 mm di atas garis air beban dengan paip outlet melengkok ke bawah.

3.5 Outlet ekzos hendaklah sekurang-kurangnya 100 mm di atas garis air beban atau bersambung dengan saluran paip tetap yang dipasang sekurang-kurangnya 100mm di atas garis air beban.

3.6 Isipadu kotak takungan air hendaklah mencukupi untuk menampung semua air dalam paip dari sebelah manapun bagi memastikan air tidak memenuhi kotak takungan air dan masuk semula ke enjin.

ENGINE MANIFOLD IS ABOVE THE LOADED WATERLINE

If the wet exhaust system is not correctly installed, water can enter into the cylinders through the exhaust. This will happen in rough seas and when the engine has stopped.






Waterline is always the fully loaded waterline.

Figure 3.1 – Wet exhaust system 1 – Sketches and notes

SISTEM EKZOS BASAH - MANIFOL ENJIN ADALAH DI ATAS GARIS AIR BEBAN

Sekiranya sistem ekzos basah adalah tidak dipasang dengan betul, air boleh masuk ke silinder menerusi ekzos. Ini akan berlaku di dalam keadaan laut bergelora dan apabila enjin berhenti.





Garis air adalah garis air beban penuh

Gambarajah 3.1 - Sistem ekzos basah –Lakaran dan nota

ENGINE MANIFOLD IS BELOW LOADED WATERLINE

When the engine has stopped, water will siphon in through the water pump, fill the exhaust system and enter the cylinders. An anti-siphoning bleed pipe, of internal bore 5mm and discharging overboard, must be connected to the cooling water pipe. If it is made of clear plastic and led through the deckhouse, it can indicate whether cooling water is circulating.





* Waterline is always the fully loaded waterline.

Figure 3.2 – Wet exhaust system 2 – Sketches and notes


SISTEM EKZOS BASAH - MANIFOL ENJIN ADALAH DI BAWAH GARIS AIR BEBAN

Apabila enjin berhenti, air akan disifon ke dalam melalui pam air, mengisi sistem ekzos dan masuk ke silinder. Satu paip jujuh anti sifon, dengan diameter dalaman 5 mm dan mesti disambungkan kepada puncak tertinggi paip penyejuk dan paip discaj luar vesel. Ia boleh diperbuat daripada plastik jernih dan dihala keluar menerusi rumah dek, ia boleh menentukan sama ada air penyejuk adalah berkitar.



* Garis air adalah garis air beban penuh


Gambarajah 3.2 Sistem ekzos basah 2 –Lakaran dan nota



An in-line system is not recommended when height (Cmin) exhaust elbow-waterline is less than 350 mm.

* Waterline is always the fully loaded waterline.

Figure 3.3 – Wet exhaust system 3



Satu sistem dalam garisan yang sama adalah tidak digalakkan apabila ketinggian (C_{min}) sesiku ekzos-garis air adalah kurang daripada 350 mm.

* Garis air adalah sentiasa garis air yang terbeban penuh

Gambar rajah 3.3- Sistem ekzos basah 3

ANNEX XVII

GUIDANCE ON THE INSTALLATION OF ELECTRICAL EQUIPMENT

A Purpose

1 The purpose of this annex is to provide additional information that may be useful to those persons charged by the Competent Authority with the interpretation and implementation of regulations and technical schedules for the construction, outfitting and survey of decked fishing vessels of less than 12 m in length and undecked fishing vessels. In this regard, due consideration has been given to the fact that there could be substantial differences between the requirements for design categories A and B vessels and those in design categories C and D concerning requirement for main and emergency electrical systems.

2 Furthermore, although it is recognized that only low voltage DC systems of less than 55 V are installed in the majority of vessels covered by these recommendations, the use of higher voltages and multi-phase alternating current systems have not been excluded from chapter 4. Consequently recommendations are also given in this annex concerning such systems.

3 It should also be noted that it may be necessary to refer to other chapters of these recommendations such as 9.8 on sources of energy for radio communication, as well as the relevant chapters of the Voluntary Guidelines for the Design, Construction and Equipments of Small Fishing Vessels.

B General recommendations

1 Irrespective of the size and type of vessel, particular attention should be given to protection against water ingress and the effects of vibration.

2 Care should be taken to ensure that where systems or circuits of different voltages are to be installed, they are kept separate from each other and should be clearly marked. In addition, it should not be possible to accidentally plug in or otherwise attach electrical equipment to a circuit for which it has not been designed; the same is valid for light fittings.

C Sources of electrical supply

1 *General*

1.1 Where electrical power constitutes the only means of maintaining auxiliary services essential for the propulsion and safety of the vessel, there has to be a means of generating and storing such power. In the case of the majority of decked vessels the main source of power is usually low voltage, requiring means to charge sets of batteries. In the case of category A and B vessels, the Competent Authority may require two generating sets, one of which may be driven by the main engine. However, in extreme cases, such as powered undecked vessels, it may not be practicable to call for a generator due to the type of the prime mover. Thus in such cases, many vessels may rely on portable electric lamps or oil lamps for navigation and emergency purposes and this should be taken into consideration when determining the minimum candle power requirement in regulations.

LAMPIRAN XVII

PANDUAN MENGENAI PEMASANGAN PERALATAN ELEKTRIK

A Tujuan

1 Tujuan lampiran ini adalah untuk memberi maklumat tambahan yang mungkin berguna kepada mereka yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Yang Kompeten dengan tafsiran dan pelaksanaan peraturan dan jadual teknikal bagi pembinaan, pemasangan kelengkapan dan penelitian bagi vesel berdek kurang daripada 12 m panjang dan vesel menangkap ikan tanpa dek. Dalam hal ini, pertimbangan yang sewajarnya telah diberikan kepada fakta bahawa mungkin ada perbezaan yang besar antara keperluan bagi vesel kategori reka bentuk A dan B dan juga bagi reka bentuk kategori C dan D mengenai keperluan sistem utama elektrik dan juga sistem kecemasan.

2 Tambahan pula, walaupun diakui bahawa hanya sistem DC voltan-rendah kurang daripada 55V yang dipasang di kebanyakan vesel diliputi oleh Saranan Keselamatan, penggunaan voltan yang lebih tinggi dan arus ulang-alik pelbagai fasa tidak dikecualikan daripada bab 4. Oleh itu saranan juga diberikan dalam lampiran ini mengenai sistem tersebut.

3 Ia juga harus diberikan perhatian bahawa ia mungkin perlu untuk merujuk kepada bab-bab lain dalam Saranan Keselamatan seperti pada perkara 9.8 pada sumber tenaga berkaitan komunikasi radio, serta bab-bab berkaitan Garis Panduan Sukarela untuk Rekabentuk, Pembinaan dan Peralatan Vesel Menangkap Ikan Kecil.

B Saranan Am

1 Tanpa mengira saiz dan jenis vesel, perhatian khusus perlu diberikan kepada perlindungan terhadap kemasukan air dan kesan-kesan gegaran.

2 Perhatian perlu diambil untuk memastikan bahawa jika sistem atau litar voltan yang berbeza yang akan dipasang, ia perlu letakkan secara berasingan daripada satu sama lain dan hendaklah ditandakan dengan jelas. Di samping itu, ia tidak sepatutnya disambung dengan sengaja kepada peralatan elektrik kepada litar yang mana ia tidak direka untuknya; perkara yang sama juga terpakai untuk pemasangan lampu.

C Sumber bekalan tenaga elektrik


1 Am

1.1 Di mana kuasa elektrik merupakan satu-satunya cara untuk mengekalkan perkhidmatan tambahan penting untuk pendorongan dan keselamatan vesel, ia perlu ada satu cara untuk menjana dan menyimpan kuasa itu. Dalam kes majoriti vesel berdek, sumber utama kuasa biasanya bervoltan rendah, yang memerlukan cara untuk mengecaj set bateri. Dalam kes vesel kategori A dan B, Pihak Berkuasa Yang Kompeten mungkin memerlukan dua set penjanaan, salah satu mungkin boleh dijana oleh enjin utama. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang ekstrim, seperti vesel tanpa dek berkuasa, ia mungkin tidak praktikal untuk menjanakuasa kerana jenis penggerak utama yang digunakan. Oleh itu, dalam kes-kes itu, sebahagian vesel perlu bergantung kepada lampu elektrik mudah alih atau lampu minyak untuk tujuan kecemasan dan navigasi dan ini perlu diambil kira apabila menentukan keperluan kuasa minimum lilin dalam peraturan-peraturan.


1.2 It may also be noted that many small vessels use fishing techniques that rely on light attraction and many carry a portable, powered generating set, whereas others rely purely on battery power with no means on board to recharge the battery.

2 Low voltage electrical systems

2.1 It is recommended that direct current installations should be wired as insulated return systems and that the hull should not be used to carry current. However, for propulsion engines with a power less than 100 kW, the engine may be used as a conductor during starting only, in accordance with the following simplified diagram.



2.2 The engine block may also be used as a common ground return for electrical accessories mounted on the engine, except on metallic vessels where the engine block is not electrically isolated from the hull.




2.3 In certain cases, as provided for in 4.12.18 of chapter 4 and particularly in the case of small vessels, decked and undecked, the single wire system may, exceptionally, be approved by the Competent Authority provided that the arrangement is safe and that circuits are adequately protected. The earthing of the engine block through the intermediate shaft and propeller shaft should be taken into consideration.


1.2 Ia mungkin juga diambil kira bahawa banyak vesel kecil menggunakan teknik menangkap ikan yang bergantung kepada daya tarikan cahaya dan banyak membawa set penjana elektrik mudah alih, manakala yang lain bergantung semata-mata kepada kuasa bateri dengan tiada cara untuk mengecas bateri di atas vesel.

2 Sistem elektrik voltan rendah

2.1 Adalah disyorkan bahawa pemasangan arus terus perlu dilitarkan sebagai sistem bertebat berbalik dan badan vesel tidak boleh digunakan untuk membawa arus. Walau bagaimanapun, bagi enjin pendorongan dengan kuasa yang kurang daripada 100kW, enjin boleh digunakan sebagai konduktor semasa menghidupkan enjin sahaja, selaras dengan rajah dipermudahkan seperti berikut.



2.2 Blok enjin juga boleh digunakan sebagai pembumian untuk peralatan yang dipasang pada enjin, kecuali pada vesel logam di mana blok enjin elektrik tidak diasingkan daripada badan kapal.




2.3 Dalam kes-kes tertentu, seperti yang diperuntukkan dalam perkara 4.12.18 bab 4 dan terutamanya dalam kes vesel kecil, berdek dan tanpa dek, sistem wayar tunggal boleh, diluluskan oleh Pihak Berkuasa Yang Kompeten sekiranya aturan adalah selamat dan litar dilindungi secukupnya. Pembumian blok enjin melalui aci pertengahan dan aci kipas perlu diambil kira.

2.4 Except as mentioned in paragraph C.1.1, when the main source of supply is only an accumulator battery system, means should be provided for recharging except in cases where the Competent Authority is satisfied that it is not practicable to do so, taking into consideration the type of vessel and its operation range. The power source for charging may be an alternator or dynamo driven by the main engine through transformers/rectifiers or marine quality chargers.

2.5 The simplest system might be one set of batteries that would cater for general use and would be arranged for continuous charging when, for example, the main engine is hand started.

2.6 However, when the main and/or auxiliary engines are fitted with electric motor starters, the batteries connected to the system for starting should be separate from the batteries used for lighting and general services. All battery banks should be arranged for continuous charging.

2.7 In the event that a further set of batteries is required for emergency purposes only which would also have to be arranged for continuous charging, there would be a need to introduce blocking diodes (see sketch below) in order to prevent accidental paralleling of the general service battery set and the emergency battery set.




2.4 Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan C.1.1, apabila sumber bekalan utama hanya satu sistem bateri pengumpul, suatu cara perlu disediakan untuk pengecasan semula kecuali dalam kes-kes di mana Pihak Berkuasa yang Kompeten berpuas hati bahawa adalah tidak perlu untuk berbuat demikian, dengan mengambil kira jenis vesel dan julat operasi. Sumber kuasa untuk pengecasan mungkin satu alternator atau dinamo yang dijana oleh enjin utama melalui *transformer/rectifier* atau pengecas berkualiti marin.

2.5 Sistem yang paling mudah mungkin salah satu set bateri yang akan memenuhi kegunaan umum dan akan diatur untuk pengecasan secara berterusan, sebagai contoh, enjin utama dihidupkan dengan tangan.

2.6 Walau bagaimanapun, apabila enjin utama dan/atau tambahan dilengkapi dengan penghidup elektrik, bateri disambungkan kepada sistem untuk menghidupkan hendaklah diasingkan daripada bateri yang digunakan untuk lampu dan kegunaan am. Semua bateri perlu diatur untuk pengecasan berterusan.

2.7 Sekiranya satu set lagi bateri diperlukan untuk tujuan kecemasan sahaja yang perlu dicas berterusan, maka perlu dipasang diod *over voltage regulator(OVR)* untuk mengelakkan pengaliran selari (*over voltage*) tidak sengaja kepada set bateri kegunaan am dan set bateri kecemasan.



2.8 Should a separate set of batteries be required for radio use only, another set of diodes would have to be incorporated in the charging system.

2.9 Battery sets should be fitted with double pole spark proof isolating switches placed close to the battery set. However, change-over switches may also be used if they are of a type that would automatically ensure that when one bank of batteries in a system is selected for discharging, the other bank in the same system would be automatically placed on charge; such switches may be incorporated in the main switchboard.

2.10 Where alarm systems such as a bilge alarm or warning light and automatic bilge pumps are required to cover "in port" conditions, the electrical connections should be made between the battery set and its isolating switch. In the case where two sets of general service batteries are fitted (and not intended for parallel operation), there may be a need to introduce blocking diodes to ensure that the power would be drawn initially from the battery with the highest charge, that is, until such time as the batteries are at the same energy level.

2.11 The Competent Authority, taking into consideration the design of the vessel and type of electrical equipment fitted, as well as the area of operation, may require that the battery-powered main source of supply should consist of two individual sets of radio batteries, two sets of lighting and general services batteries and two sets of starting batteries for the main engine. In such cases, one set of the general service batteries and one set of radio batteries could be considered to cover emergency situations.

3 High voltage electrical systems

Chapter 4 provides for a Competent Authority to address electrical systems of higher voltage than normally supplied by accumulator battery systems. In this regard, certain classes of Category A and B vessels may, in fact, require high voltage systems to power pumps, refrigeration systems and/or deck machinery, together with a provision to charge storage batteries for starting the main engine, running radio and equivalent equipment, and to meet emergency services. Thus, in addition to low voltage DC systems, there could be provisions for regulations to cover:

- .1 DC systems in excess of 110 volts; and
- .2 AC systems in excess of 220 volts.

3.1 110 V DC systems

3.1.1 Direct current installations should be wired as insulated return systems and double pole switching should be used throughout. The hull should not be used to carry current.

3.1.2 Main and emergency switchboards should be of the dead front to prevent accidental access to live parts. The sides and backs and, where necessary, the fronts of switchboards, should be suitably guarded. Switchboards should also be suitably divided to ensure safe separation between the 110 V system and low voltage circuits.

3.1.3 Earth indicator lamps should be incorporated in the switchboard as a means to detect current leakage. In addition, the switchboard should be fitted with volt and ammeters.

2.8 Sekiranya set berasingan bateri diperlukan untuk kegunaan radio sahaja, satu lagi set diod hendaklah dimasukkan ke dalam sistem pengecasan.

2.9 Set bateri hendaklah dibekalkan dengan suis kalis *spark* dwi-polar jika suis dipasang berhampiran dengan set bateri. Bagaimana pun, suis penukar juga boleh digunakan jika ia adalah jenis yang secara automatik akan memastikan bahawa apabila sebuah bank bateri dalam sistem yang dipilih untuk pengecasan, bank yang lain dalam sistem yang sama secara automatik akan diletakkan dicas; suis itu boleh dipasang dalam papan suis utama.

 - .7 it should be provided with means to mount a survival craft radar transponder at a height of at least 1 m above the sea; and

* Refer to the International Life-Saving Appliance Code (LSA Code) for the full text.

LAMPIRAN XXI

PANDUAN MENGENAI KEPERLUAN BAGI PERALATAN-PERALATAN MENYELAMATKAN NYAWA*

1 Rakit keselamatan

1.1 *Kehendak am bagi rakit keselamatan*

1.1.1 Pembinaan rakit keselamatan

- .1 Setiap rakit keselamatan hendaklah dibina sedemikian rupa untuk mampu menahan pendedahan selama 30 hari terapung dalam semua keadaan laut.
- .2 Rakit keselamatan hendaklah dibina sedemikian bahawa apabila ia dijatuhkan ke dalam air dari ketinggian 18meter, rakit keselamatan dan peralatannya akan beroperasi dengan memuaskan.
- .3 Rakit keselamatan harus mampu menahan lompatan berulang ke atasnya dari ketinggian sekurang-kurangnya 4.5m di atas lantai dengan atau tanpa kanopi didirikan.
- .4 Rakit keselamatan dan kelengkapannya perlu dibina bagi membolehkan ia ditunda pada kelajuan 3knot dalam air tenang ketika orang dan peralatan bermuatan penuh dan dengan salah satu sauh laut diseret.
- .5 Rakit keselamatan hendaklah mempunyai kanopi untuk melindungi penghuninya daripada terdedah. Kanopi hendaklah boleh ditegakkan secara automatik di tempat apabila rakit keselamatan ini dilancarkan ke air. Kanopi ini perlu mematuhi perkara berikut:
 - .1 ia hendaklah menyediakan penebat dari haba dan sejuk dengan cara sama ada dua lapisan bahan dipisahkan oleh jurang udara atau cara lain yang sama-sama berkesan. Cara perlu disediakan untuk mengelakkan pengumpulan air di dalam jurang udara;
 - .2 ruang dalamnya harus daripada warna yang tidak menyebabkan ketidakselesaan kepada penghuni;
 - .3 setiap pintu masuk hendaklah dinyatakan dengan jelas dan disediakan dengan aturan penutupan yang cekap dan boleh laras yang boleh dengan mudah dan cepat dibuka dari dalam dan luar rakit keselamatan supaya membenarkan pengudaraan tetapi tidak termasuk air laut, angin dan sejuk. Rakit keselamatan menampung lebih daripada lapan orang perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua pintu masuk yang bersetentangan;
 - .4 ia hendaklah membenarkan udara yang mencukupi untuk semua penghuni pada setiap masa, walaupun dengan semua pintu masuk ditutup;
 - .5 ia hendaklah disediakan dengan sekurang-kurangnya satu lubang tinjau;
 - .6 ia hendaklah disediakan dengan cara-cara untuk mengumpul air hujan;
 - .7 ia hendaklah disediakan dengan cara-cara untuk memasang penerima/penghantar signal (*transponder*) radar pada ketinggian sekurang-kurangnya 1 m di atas laut; dan

* Merujuk kepada Kod Perkakas Penyelamat Nyawa AntarabangsaKod (Kod LSA) untuk teks penuh.

- .8 it should have sufficient headroom for sitting occupants under all parts of the canopy.

1.1.2 Equipment

- .1 The normal equipment of every liferaft should consist of:
 - .1 one buoyant rescue quoit, attached to not less than 30 metres of buoyant line;
 - .2 one knife of the non-folding type having a buoyant handle and lanyard attached and stowed in a pocket on the exterior of the canopy near the point at which the painter is attached to the liferaft. In addition, a liferaft which is permitted to accommodate 13 persons or more should be provided with a second knife which need not be of the non-folding type;
 - .3 for a liferaft which is permitted to accommodate not more than 12 persons, one buoyant bailer. For a liferaft which is permitted to accommodate 13 persons or more, two buoyant bailers;
 - .4 two sponges;
 - .5 two sea-anchors each with a shock-resistant hawser and tripping line, one being spare and the other permanently attached to the liferaft in such a way that when the liferaft inflates or is waterborne it will cause the liferaft to lie oriented to the wind in the most stable manner. The strength of each sea-anchor and its hawser and tripping line should be adequate for all sea conditions. The sea-anchors should be fitted with a swivel at each end of the line and should be of a type which is unlikely to turn inside-out between its shroud lines;
 - .6 two buoyant paddles;
 - .7 three tin-openers; safety knives containing special tin-opener blades are satisfactory for this requirement;
 - .8 one first-aid kit in a waterproof case capable of being closed tightly after use;
 - .9 one whistle or equivalent sound signal;
 - .10 four rocket parachute flares;
 - .11 six handflares;
 - .12 two buoyant smoke signals;
 - .13 one waterproof electric torch suitable for Morse signalling together with one spare set of batteries and one spare bulb in a waterproof container;

- .8 ia hendaklah mempunyai ruang kepala semasa duduk yang mencukupi untuk penghuni berada semua bahagian bawah kanopi.

1.1.2 Peralatan

- .1 Peralatan biasa setiap rakit keselamatan hendaklah terdiri daripada:
 - .1 satu gelang apungan keselamatan, diikat kepada tidak kurang daripada 30 meter tali yang boleh terapung;
 - .2 satu pisau jenis bukan lipat yang mempunyai pemegang bolehapung dan tali diikat dan disimpan di dalam poket luar kanopi berhampiran poin di mana tali penambat bot diikat kepada rakit keselamatan itu. Di samping itu, rakit keselamatan yang dibenarkan untuk menampung 13 orang atau lebih harus disediakan dengan pisau kedua daripada jenis bukan lipat;
 - .3 satu timba bolehapung hendaklah disediakan untuk rakit keselamatan untuk menampung tidak lebih daripada 12 orang. Untuk rakit keselamatan yang menampung 13 orang atau lebih, dua timba bolehapung hendaklah disediakan;
 - .4 dua span;
 - .5 dua sauh laut masing-masing dengan tali tahan kusut dan berbelit, satu sebagai ganti dan satu kekal melekat kepada rakit keselamatan dalam cara yang apabila rakit keselamatan mengembang atau berada di air ia akan menjadikan rakit keselamatan stabil kepada angin. Kekuatan setiap sauh laut dan tali perlu mencukupi untuk semua keadaan laut. Sauh laut hendaklah dipasang dengan suatu alat yang boleh berpusing (*swivel*) di setiap hujung tali dan harus dari jenis yang tidak akan berbalik di antara tali *shroud*;
 - .6 dua pendayung boleh terapung;
 - .7 tiga pembuka tin; pisau keselamatan yang mengandungi bilah khas pembuka tin yang baik untuk keperluan ini;
 - .8 satu kit pertolongan cemas dalam bekas kalis air yang mampu ditutup ketat selepas digunakan;
 - .9 satu wisel atau isyarat bunyi setara;
 - .10 empat suar roket payung terjun
 - .11 enam suar tangan;
 - .12 dua isyarat asap yang boleh terapung;
 - .13 satu lampu suluh kalis air yang sesuai untuk isyarat Morse bersama-sama dengan satu set ganti bateri dan satu mentol ganti di dalam bekaskalis air;

- .14 an efficient radar reflector, unless a survival craft radar transponder is stowed in the liferaft;
 - .15 one daylight signalling mirror with instructions on its use for signalling to ships and aircraft;
 - .16 one copy of the life-saving signals referred to in regulation V/16 of the International Convention for the Safety of Life at Sea, 1974, on a waterproof card or in a waterproof container;
 - .17 one set of fishing tackle;
 - .18 a food ration consisting of not less than 10,000 kJ (2,400 kcal) for each person the liferaft is permitted to accommodate. These rations should be palatable, edible throughout the market life and packed in a manner which can be readily divided and easily opened, taking into account immersion suits' gloved hands. The rations should be packaged in permanently sealed metal containers or vacuum packed in a flexible packaging material and clearly marked with the date of packaging and expiry;
 - .19 watertight receptacles containing a total of 1.5 l of fresh water for each person the liferaft is permitted to accommodate, of which either 0.5 l per person may be replaced by a de-salting apparatus capable of producing an equal amount of fresh water in two days or 1 l per person may be replaced by a manually-powered reverse-osmosis desalinators, capable of producing an equal amount of fresh water in two days;
 - .20 one rustproof graduated drinking vessel;
 - .21 anti-seasickness medicine sufficient for at least 48 h and one seasickness bag for each person the liferaft is permitted to accommodate;
 - .22 instructions on how to survive * ;
 - .23 instructions for immediate action; and
 - .24 thermal protective aids sufficient for 10% of the number of persons the liferaft is permitted to accommodate or two, whichever is the greater.
- .2 The marking should be block capitals of the Roman alphabet.
- .3 Where appropriate the equipment should be stowed in a container which, if it is not an integral part of, or permanently attached to, the liferaft, should be stowed and secured inside the liferaft and be capable of floating in water for at least 30 min without damage to its contents.

* Refer to Instructions for action in survival craft, adopted by the Organization (resolution A.657(16)).

- .14 satu pemantul radar yang cekap kecuali terdapat transponder radar kapal disimpan dalam rakit keselamatan itu;
- .15 satu cermin isyarat pada waktu siang lengkap dengan arahan penggunaannya untuk isyarat kepada kapal-kapal dan pesawat udara;
- .16 satu salinan isyarat menyelamatkan nyawa yang disebut dalam peraturan V/16 Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut, 1974, pada kad kalis air atau di dalam bekas kalis air;
- .17 satu set alat memancing;
- .18 catuan makanan yang terdiri tidak kurang dari 10,000 kJ (2,400 kcal) bagi setiap orang di dalam rakit keselamatan yang dibenarkan. Catuan makanan hendaklah boleh di makan, boleh diambil dalam tempoh penggunaan serta dibungkus dengan cara mudah dibuka dan diagihkan dengan mengambil kira penggunaan sarung tangan pakaian merendam tahan sejuk (immersion suit). Catuan makanan hendaklah dibungkus dalam bekas logam tertutup atau dibungkus dengan bahan pembungkusan fleksibel menggunakan vakum yang dilabelkan dengan jelas dengan tarikh pembungkusan dan luput tempoh;
- .19 setiap orang di dalam rakit keselamatan yang dibenarkan, diberi sebanyak 1.5 liter air tawar di dalam bekas kedap air. Sekiranya terdapat peralatan nyah-garam yang mampu menghasilkan jumlah air tawar yang sama dalam dua hari, setiap orang akan mendapat 0.5 liter air tawar. Jika terdapat peralatan *desalinator reverse-osmosis* secara manual yang mampu menghasilkan jumlah air tawar yang sama dalam dua hari, setiap orang akan mendapat 1 liter air tawar.
- .20 satu bekas minuman yang diperbuat dari bahan tahan karat;
- .21 ubat anti-mabuk laut yang mencukupi untuk sekurang-kurangnya 48 jam dan satu beg mabuk laut bagi setiap orang yang menumpang rakit keselamatan ;
- .22 arahan mengenai cara untuk meneruskan kelangsungan hidup *;
- .23 arahan untuk tindakan segera dan
- .24 alat pelindung haba yang mencukupi untuk 10% dari bilangan orang dibenarkan untuk menumpang rakit keselamatan ataupun dua unit, yang mana lebih banyak.

.2 Huruf besar abjad Roman hendaklah digunakan untuk penandaan

.3 Pada keadaan tertentu, peralatan perlu disimpan di dalam bekas dan hendaklah mampu terapung di dalam air untuk sekurang-kurangnya 30 minit tanpa merosakkan kandungannya jika peralatan ini tidak merupakan sebahagian atau dilekatkan secara kekal kepada rakit keselamatan.

Rujuk kepada Panduan untuk tindakan di kraf keselamatan, yang digunapakai oleh Organisasi (resolusi A.657 (16))

1.2 *Inflatable liferafts*

1.2.1 Inflatable liferafts should comply with the requirements of 1.1 and, in addition, should comply with the requirements of this section.

1.2.2 Construction of inflatable liferafts

- .1 The main buoyancy chamber should be divided into not less than two separate compartments, each inflated through a non-return inflation valve on each compartment. The buoyancy chambers should be so arranged that, in the event of any one of the compartments being damaged or failing to inflate, the intact compartments should be able to support, with positive freeboard over the liferaft's entire periphery, the number of persons which the liferaft is permitted to accommodate, each having a mass of 75 kg and seated in their normal positions.
- .2 The floor of the liferaft should be waterproof and should be capable of being sufficiently insulated against cold either:
 - .1 by means of one or more compartments that the occupants can inflate, or which inflate automatically and can be deflated and re-inflated by the occupants; or
 - .2 by other equally efficient means not dependent on inflation.
- .3 The liferaft should be inflated with a non-toxic gas. Inflation should be completed within a period of 1 min at an ambient temperature of between 18°C and 20°C and within a period of 3 min at an ambient temperature of -30°C. After inflation the liferaft should maintain its form when loaded with its full complement of persons and equipment.
- .4 Each inflatable compartment should be capable of withstanding a pressure equal to at least three times the working pressure and should be prevented from reaching a pressure exceeding twice the working pressure either by means of relief valves or by a limited gas supply. Means should be provided for fitting the topping-up pump or bellows required by 1.2.8.1.2 so that the working pressure can be maintained.

1.2.3 Carrying capacity of inflatable liferafts

The number of persons which a liferaft should be permitted to accommodate should be equal to the lesser of:

- .1 the greatest whole number obtained by dividing by 0.096 the volume, measured in cubic metres, of the main buoyancy tubes (which for this purpose should include neither the arches nor the thwarts, if fitted) when inflated; or
- .2 the greatest whole number obtained by dividing by 0.372 the inner horizontal cross-sectional area of the liferaft measured in square metres

1.2 Rakit keselamatan

1.2.1 Rakit keselamatan hendaklah mematuhi syarat-syarat 1.1 dan di samping itu hendaklah mematuhi kehendak seksyen ini.

1.2.2 Pembinaan rakit keselamatan

- .1 Kebuk keapungan utama hendaklah dibahagikan kepada tidak kurang dari dua petak berasingan, masing-masing mengembang melalui injap kembang satu hala pada setiap petak. Kebuk keapungan hendaklah diatur supaya, sekiranya mana-mana satu petak yang rosak atau gagal untuk mengembang, petak yang utuh akan dapat menyokong dengan lambung bebas positif ke seluruh pinggir rakit keselamatan termasuk bilangan orang yang dibenarkan untuk menumpang rakit keselamatan yang masing-masing mempunyai jisim 75 kg dan duduk dalam kedudukan biasa.
- .2 Lantai rakit keselamatan hendaklah kalis air dan cukup terlindung terhadap cuaca sejuk sama ada:
 - .1 melalui satu atau lebih petak dengan cara penumpang boleh mengembungkannya ataupun mengembang secara automatik dan boleh dikempiskan serta dikembangkan semula oleh penghuni; atau
 - .2 menggunakan kaedah lain yang sama cekap dan tidak bergantung kepada pengembangan.
- .3 Rakit keselamatan hendaklah dikembangkan dengan gas bukan toksik. Pengembangan hendaklah diselesaikan dalam tempoh 1 minit pada suhu persekitaran antara 18 ° C dan 20° C dan dalam tempoh 3 minit pada suhu ambien -30°C. Setelah pengembangan, rakit keselamatan hendaklah mengekalkan bentuk asal sungguhpun dipenuhi dengan orang dan peralatan.
- .4 Setiap petak kembang hendaklah mampu menahan tekanan yang bersamaan dengan sekurang-kurangnya tiga kali ganda tekanan kerja dan harus dihalang daripada mencapai tekanan yang melebihi dua kali ganda tekanan kerja sama ada melalui injap pelega (*relief valve*) atau pengurangan bekalan gas. Satu kaedah hendaklah ada untuk penggunaan pam angin tambahan (*topping-up*) atau salur penghembus angin (*bellow*) seperti dinyatakan pada 1.2.8.1.2 supaya tekanan kerja dapat dikekalkan.

1.2.3 Kapasiti muatan rakit keselamatan

Bilangan orang yang harus dibenarkan untuk ditampung oleh rakit keselamatan hendaklah bersamaan ataupun kurang daripada:

- .1 bilangan keseluruhan terbesar diperolehi dengan membahagikan 0.096 isipadu, diukur dalam meterpadu tiub keapungan utama (yang untuk tujuan ini tidak harus merangkumi lengkungan serta halangan, jika dipasang) apabila diisi angin, atau
- .2 jumlah keseluruhan terbesar diperolehi dengan membahagikan 0.372 kawasan dalaman mendatar keratan rentas rakit keselamatan yang diukur dalam meter persegi (yang untuk

(which for this purpose may include the thwart or thwarts, if fitted) measured to the innermost edge of the buoyancy tubes; or

- .3 the number of persons having an average mass of 75 kg all wearing lifejackets, that can be seated with sufficient comfort and headroom without interfering with the operation of any of the liferaft's equipment.

1.2.4 Access into inflatable liferafts

- .1 Entrances not provided with a boarding ramp should have a boarding ladder, the lowest step of which should be situated not less than 0.4 m below the liferaft's light waterline.
- .2 There should be means inside the liferaft to assist persons to pull themselves into the liferaft from the ladder.

1.2.5 Stability of inflatable liferafts

- .1 Every inflatable liferaft should be so constructed that, when fully inflated and floating with the canopy uppermost, it is stable in a seaway.
- .2 The stability of the liferaft when in the inverted position should be such that it can be righted in a seaway and in calm water by one person.
- .3 The stability of the liferaft when loaded with its full complement of persons and equipment should be such that it can be towed at speeds of up to 3 knots in calm water.
- .4 The liferafts should be fitted with water pockets complying with the following requirements:
 - .1 the water pockets should be of a highly visible colour;
 - .2 the design should be such that the pockets fill to at least 60% of their capacity within 25 s of deployment;
 - .3 the pockets should have an aggregate capacity of at least 220 l for liferafts up to 10 persons;
 - .4 the pockets for liferafts certified to carry more than 10 persons should have an aggregate capacity of not less than $20 Nl$, where N = number of persons carried; and
 - .5 the pockets should be positioned symmetrically round the circumference of the liferaft. Means should be provided to enable air to readily escape from underneath the liferaft.

tujuan ini mungkin termasuk halangan atau halangan-halangan, jika dipasang) yang diukur ke paling tepi dalam tiub keapungan, atau

- .3 Bilangan orang yang mempunyai berat purata 75kg semua lengkap dengan jaket keselamatan, duduk dengan selesa dan ruang atas yang mencukupi tanpa mengganggu apa-apa peralatan pengendalian rakit keselamatan ini.

1.2.4 Laluan masuk ke rakit keselamatan

- .1 Jika pintu masuk tidak disediakan dengan *boarding ramp* untuk menaiki rakit, ia hendaklah mempunyai tangga naik(*boarding ladder*), anak tangga yang paling rendah hendaklah sepatutnya terletak 0.4 m di bawah garis air rakit keselamatan ini pada beban rendah.
- .2 Perlu ada cara dalam rakit keselamatan untuk membantu menarik diri sendiri ke dalam rakit keselamatan dari tangga tersebut.

1.2.5 Kestabilan rakit keselamatan

- .1 Setiap rakit keselamatan harus dibina sedemikian supaya apabila mengembang sepenuhnya dan terapung dengan kanopi paling atas adalah stabil semasa pelayaran.
- .2 Kestabilan rakit keselamatan apabila dalam kedudukan terbalik hendaklah boleh diperbetulkan oleh satu orang semasa pelayaran dan dalam keadaan air tenang.
- .3 Kestabilan rakit keselamatan apabila sarat dipenuhi orang dan peralatan hendaklah berupaya ditarik pada kelajuan sehingga 3 knot dalam air tenang.
- .4 Rakit keselamatan hendaklah dilengkapi dengan poket tadahan air dengan mematuhi syarat-syarat berikut:
 - .1 poket tadahan air hendaklah dari warna yang amat terang;
 - .2 direkabentuk sedemikian rupa supaya poket mampu mengisi sekurang-kurangnya 60% daripada kapasitinya dalam tempoh 25 s pemasangan;
 - .3 poket harus mempunyai kapasiti agregat sekurang-kurangnya 220l untuk rakit keselamatan 10 orang;
 - .4 poket untuk rakit keselamatan yang disahkan untuk membawa lebih dari 10 orang harus mempunyai kapasiti agregat tidak kurang daripada 20Nl, di mana N = bilangan orang yang dibawa; dan
 - .5 poket harus diletakkan simetri sepanjang lilitan rakit keselamatan itu. Satu kaedah perlu disediakan untuk membolehkan udara keluar dari bawah rakit keselamatan itu.

1.2.6 Containers for inflatable liferafts

- .1 The liferaft should be packed in a container that is:
 - .1 so constructed as to withstand hard wear under conditions encountered at sea;
 - .2 of sufficient inherent buoyancy, when packed with the liferaft and its equipment, to pull the painter from within and to operate the inflation mechanism should the vessel sink; and
 - .3 as far as practicable watertight, except for drain holes in the container bottom.
- .2 The liferaft should be packed in its container in such a way as to ensure, as far as possible, that the waterborne liferaft inflates in an upright position on breaking free from its container.
- .3 The container should be marked with:
 - .1 maker's name or trademark;
 - .2 serial number;
 - .3 name of approving authority and the number of persons it is permitted to carry;
 - .4 type of emergency pack enclosed;
 - .5 date when last serviced;
 - .6 length of painter;
 - .7 maximum permitted height of stowage above waterline (depending on drop-test height and length of painter); and
 - .8 launching instructions.

1.2.7 Markings on inflatable liferafts^{*}

The liferaft should be marked with:

- .1 maker's name or trademark;
- .2 serial number;
- .3 date of manufacture (month and year);

* See also 7.5.5 of the Recommendations.

1.2.6 Kapsul untuk rakit keselamatan

- .1 Rakit keselamatan hendaklah disimpan dalam kapsul yang:
 - .1 dibina supaya tahan lasak untuk menghadapi keadaan di laut.
 - .2 cukup keapungan apabila dipenuhi dengan rakit keselamatan dan peralatan semasa menarik tali penambat bot dari dalam dan untuk mengendalikan mekanisma pengembangan sekiranya vesel tenggelam dan
 - .3 hendaklah kedap air seberapa yang boleh kecuali lubang air buang di bahagian bawah bekas.
- .2 Rakit keselamatan hendaklah disusun kemas dalam bekas untuk memastikan rakit keselamatan mengembang dalam kedudukan tegak apabila dibebaskan dari bekasnya.
- .3 Kapsul hendaklah dicatatkan dengan:
 - .1 nama pembuat atau tanda dagangan;
 - .2 nombor siri;
 - .3 nama pihak berkuasa yang meluluskan dan bilangan orang yang dibenarkan untuk dibawa;
 - .4 jenis pek kecemasan disertakan;
 - .5 tarikh penyelenggaraan terakhir;
 - .6 panjang tali penambat perahu;
 - .7 ketinggian maksima dibenarkan bagi simpanan di atas garis air(bergantung kepada ketinggian ujian-jatuh dan panjang tali penambat perahu) dan
 - .8 arahan pelancaran.

1.2.7 Tanda-tanda pada rakit keselamatan *

Rakit keselamatan hendaklah ditandakan dengan:

- .1 nama pembuat atau tanda dagangan;
- .2 nombor siri;
- .3 tarikh pembuatan (bulan dan tahun);

* Sila lihat 7.5.5 pada Saranan (*Recommendations*)

- .4 name of approving authority;
- .5 name and place of servicing station where it was last serviced; and
- .6 number of persons it is permitted to accommodate over each entrance in characters not less than 100 mm in height of a colour contrasting with that of the liferaft.

1.2.8 Additional equipment for inflatable liferafts

- .1 In addition to the equipment, every inflatable liferaft should be provided with:
 - .1 one repair outfit for repairing punctures in buoyancy compartments; and
 - .2 one topping-up pump or bellows.
- .2 The knives required should be safety knives.

2 Lifejackets

2.1 General requirements for lifejackets

2.1.1 A lifejacket should not sustain burning or continue melting after being totally enveloped in a fire for a period of 2 s.

2.1.2 Lifejackets should be provided in three sizes in accordance with Table 2.1. If a lifejacket fully complies with the requirements of two adjacent size ranges, it may be marked with both size ranges, but the specified ranges should not be divided. Lifejackets should be marked by either weight or height, or by both weight and height, according to Table 2.1.

Table 2.1 – Lifejacket sizing criteria

Lifejacket marking	Child	Adult
User's size:		
Weight (kg)	15 or more but less than 43	43 or more
Height (cm)	100 or more but less than 155	155 or more

2.1.3 The in-water performance of a lifejacket should be evaluated by comparison to the performance of a suitable size standard reference lifejacket, i.e. reference test device (RTD) complying with the recommendations of the Organization.*

* Refer to the Revised Recommendation on testing of life-saving appliances (resolution MSC.81(70), as amended).

- .4 nama pihak berkuasa melulus;
- .5 nama dan tempat penyelenggaraan di mana ia paling akhir diselenggara; dan
- .6 bilangan penumpang pada setiap pintu masuk menggunakan huruf tidak kurang daripada 100mm tinggi dengan warna berbeza dari rakit keselamatan itu.

1.2.8 Peralatan tambahan untuk rakit keselamatan

.1 Setiap rakit keselamatan dilengkapi dengan peralatan tambahan:

- .1 satu peralatan pembaikan untuk membaiki kebocoran dalam petak keapungan dan
- .2 satu pam topping-up atau salur penghembus (bellow).

.2 Pisau keselamatan.

2 Jaket keselamatan

2.1 Keperluan am untuk jaket keselamatan

2.1.1 Jaket keselamatan tidak terus-menerus terbakar atau terus cair selepas diselubungi dalam api untuk tempoh 2 saat.

2.1.2 Jaket keselamatan perlu disediakan dalam tiga saiz mengikut Jadual 2.1. Jika jaket keselamatan mematuhi sepenuhnya keperluan dua julat saiz bersebelahan, ia boleh ditandakan dengan kedua-dua julat saiz, tetapi tidak boleh dasingkan. Jaket keselamatan hendaklah ditanda oleh sama ada berat badan atau ketinggian, atau dengan kedua-duanya, menurut Jadual 2.1.

Jadual 2.1 – Kriteria saiz jaket keselamatan

Penandaan jaket keselamatan	Kanak-kanak	Dewasa
Saiz pengguna:		
Berat (kg)	15 atau lebih tetapi kurang dari 43	43 atau lebih
Tinggi (sm)	100 atau lebih tetapi kurang dari 155	155 atau lebih

2.1.3 Prestasi dalam air jaket keselamatan hendaklah dinilai melalui perbandingan dengan prestasi jaket keselamatan yang bersaiz rujukan standard yang sesuai, contohnya peranti ujian rujukan (RTD) dengan mematuhi saranan Pertubuhan*

* Merujuk kepada Semakan Saranan (*Revised Recommendation*) pada ujian peralatan menyelamatkan nyawa (resolusi MSC.81(70), seperti yang dipinda)

2.1.4 A lifejacket should be so constructed that:

- .1 at least 75% of persons, who are completely unfamiliar with the lifejacket, can correctly don it within a period of 1 min without assistance, guidance or prior demonstration;
- .2 after demonstration, all persons can correctly don it within a period of 1 min without assistance;
- .3 it is clearly capable of being worn in only one way or inside-out and, if donned incorrectly, it is not injurious to the wearer;
- .4 the method of securing the lifejacket to the wearer has quick and positive means of closure that do not require tying of knots;
- .5 it is comfortable to wear; and
- .6 it allows the wearer to jump into the water from a height of at least 4.5 m while holding on to the lifejacket, and from a height of at least 1 m with arms held overhead, without injury and without dislodging or damaging the lifejacket or its attachments.

2.1.5 When tested according to the recommendations of the Organization on at least 12 persons, adult lifejackets should have sufficient buoyancy and stability in calm fresh water to:

- .1 lift the mouth of exhausted or unconscious persons by an average height of not less than the average provided by the adult RTD;
- .2 turn the body of unconscious, face-down persons in the water to a position where the mouth is clear of the water in an average time not exceeding that of the RTD, with the number of persons not turned by the lifejacket no greater than that of the RTD;
- .3 incline the body backwards from the vertical position for an average torso angle of not less than that of the RTD minus 5°;
- .4 lift the head above horizontal for an average faceplane angle of not less than that of the RTD minus 5°; and
- .5 return the wearer to a stable face-up position after being destabilized when floating in the flexed foetal position.*

2.1.6 An adult lifejacket should allow the person wearing it to swim a short distance and to board a survival craft.

* Refer to the illustration on page 11 of the IMO Pocket Guide to Cold Water Survival and to the Revised Recommendation on testing of life-saving appliances (resolution MSC.81(70), as amended).

2.1.4 Jaket keselamatan hendaklah dibina supaya:

- .1 sekurang-kurangnya 75% daripada orang yang benar-benar tidak biasa dengan jaket keselamatan itu, boleh memakai dengan betul dalam tempoh 1 minit tanpa bantuan, bimbingan atau demonstrasi terdahulu;
- .2 selepas demonstrasi, semua orang boleh memakainya dalam tempoh 1 minit tanpa bantuan;
- .3 Pada amnya, ia boleh dipakai dalam hanya satu cara atau terbalik dan, jika dipakai dengan salah, ia tidak memudaratkan pada pemakai;
- .4 kaedah memakaikan jaket keselamatan kepada pemakai hendaklah cepat dan positif supaya penutupan tidak memerlukan untuk mengikat simpulan;
- .5 ia hendaklah selesa untuk dipakai dan;
- .6 ia membolehkan pemakainya untuk melompat ke dalam air dari ketinggian sekurang-kurangnya 4.5m sambil berpegang kepada jaket keselamatan, dan dari ketinggian sekurang-kurangnya 1m dengan tangan diangkat keatas, tanpa kecederaan dan tanpa menjatuhkan atau merosakkan jaket keselamatan serta alat tambahannya.

2.1.5 Apabila diuji mengikut saranan Organisasi ke atas sekurang-kurangnya 12 orang, jaket keselamatan dewasa hendaklah mempunyai daya apungan dan kestabilan yang mencukupi di dalam air tawar yang tenang untuk:

- .1 mengangkat mulut orang lemah atau tidak sedarkan diri dengan ketinggian purata tidak kurang daripada purata yang diberikan oleh orang dewasa RTD;
- .2 menjadikan badan orang yang tidak sedarkan diri, orang yang berbaring menelangkup di dalam air kepada kedudukan di mana mulut adalah bebas daripada air dalam masa purata tidak melebihi RTD, dengan bilangan orang yang diterbalikkan oleh jaket keselamatan itu tidak lebih besar daripada RTD;
- .3 condongkan badan ke belakang dari kedudukan menegak untuk bahagian purata sudut torso tidak kurang daripada RTD tolak 5°;
- .4 kepala terangkat ke atas secara mendatar untuk sudut satah muka purata tidak kurang daripada RTD tolak 5°; dan
- .5 mengembalikan kedudukan pemakai kepada muka ke atas yang stabil selepas nyah stabil apabila terapung di kedudukan janin/kurangkan haba keluar*.

2.1.6 Jaket keselamatan dewasa hendaklah membolehkan orang yang memakai berenang dalam jarak yang dekat dan menaiki rakit keselamatan.

* Rujuk kepada ilustrasi pada halaman 11 IMO Pocket Guide to Cold Water Survival dan Saranan Semakan (*Revised Recommendation*) pada ujian menyelamatkan nyawa peralatan (resolusi MSC.81(70), sebagaimana yang dipinda).

2.1.7 A lifejacket should have buoyancy which is not reduced by more than 5% after 24 h submersion in fresh water:

- .1 The buoyancy of a lifejacket should not depend on the use of loose granulated materials.
- .2 Each lifejacket should be provided with means of securing a lifejacket light as specified in 2.2.
- .3 Each lifejacket should be fitted with a whistle firmly secured by a lanyard.
- .4 Lifejacket lights and whistles should be selected and secured to the lifejacket in such a way that their performance in combination is not degraded.
- .5 A lifejacket should be provided with a releasable buoyant line or other means to secure it to a lifejacket worn by another person in the water.
- .6 A lifejacket should be provided with a suitable means to allow a rescuer to lift the wearer from the water into a survival craft or rescue boat.

2.2 Lifejacket lights

2.2.1 Each lifejacket light should:

- .1 have a luminous intensity of not less than 0.75 cd in all directions of the upper hemisphere;
- .2 have a source of energy capable of providing a luminous intensity of 0.75 cd for a period of at least 8 h;
- .3 be visible over as great a segment of the upper hemisphere as is practicable when attached to a lifejacket; and
- .4 be of white colour.

2.2.2 If the light referred to in 2.2.1 above is a flashing light, it should, in addition:

- .1 be provided with a manually operated switch; and
- .2 flash at a rate of not less than 50 flashes and not more than 70 flashes per minute with an effective luminous intensity of at least 0.75 cd.

3 Immersion suits

3.1 *General requirements for immersion suits*

3.1.1 An immersion suit should be constructed with waterproof materials such that:

- .1 it can be unpacked and donned without assistance within 2 min, taking into account donning of any associated clothing, donning of a lifejacket if the

2.1.7 Jaket keselamatan hendaklah mempunyai daya apungan di mana tidak boleh berkurangan melebihi daripada 5% selepas 24 jam terendam dalam air tawar:

- .1 Keapungan jaket keselamatan tidak boleh bergantung kepada penggunaan bahan-bahan berbutir longgar.
- .2 Setiap jaket keselamatan hendaklah dibekalkan dengan lampu jaket keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam 2.2.
- .3 Setiap jaket keselamatan hendaklah dilengkapi dengan wisel yang diikat kemas.
- .4 Lampu jaket keselamatan dan wisel hendaklah dipilih dan diikat kepada jaket keselamatan dengan memastikan prestasinya tidak menurun.
- .5 Jaket keselamatan hendaklah dibekalkan dengan tali (release buoyant line) yang boleh lepas atau cara lain untuk mengikatkannya ia kepada jaket keselamatan yang dipakai oleh orang lain di dalam air.
- .6 Jaket keselamatan hendaklah dibekalkan dengan cara yang sesuai untuk membolehkan penyelamat untuk mengangkat pemakainya dari air ke dalam rakit keselamatan atau bot menyelamat.

2.2 Lampu jaket keselamatan

2.2.1 Setiap lampu jaket keselamatan hendaklah:

- .1 mempunyai keterangan tidak kurang daripada 0.75 cd dalam semua arah hemisfera atas;
- .2 mempunyai sumber tenaga yang mampu memberikan keterangan 0.75 cd untuk tempoh sekurang-kurangnya 8 jam;
- .3 mampu di lihat sebagai segmen besar dari hemisfera atas bila dipasang pada jaket keselamatan dan
- .4 berwarna putih.

2.2.2 Jika lampu yang dinyatakan dalam 2.2.1 di atas adalah lampu berkelip, ia hendaklah, sebagai tambahan:

- .1 disediakan dengan suis kendalian manual; dan
- .2 kerlipan pada kadar tidak kurang daripada 50 kerlipan dan tidak lebih daripada 70 kerlipan seminit dengan intensiti cahaya yang berkesan sekurang-kurangnya 0.75 cd.

3 Sut Merendam Tahan Sejuk (*Immersion suits*)

3.1 Keperluan am untuk sut merendam tahan sejuk

3.1.1 Sut merendam tahan sejuk hendaklah diperbuat daripada bahan-bahan kalis air seperti mana:

- .1 ia boleh dibuka dan dipakai tanpa bantuan dalam masa 2 minit, dengan mengambil kira memakai mana-mana pakaian yang berkaitan, memakai jaket keselamatan jika

immersion suit is to be worn in conjunction with a lifejacket, and inflation of orally inflatable chambers, if fitted;*

- .2 it will not sustain burning or continue melting after being totally enveloped in a fire for a period of 2 s;
- .3 it will cover the whole body with the exception of the face, except that covering for the hands may be provided by separate gloves which should be permanently attached to the suit;
- .4 it is provided with arrangements to minimize or reduce free air in the legs of the suit; and
- .5 following a jump from a height of not less than 4.5 m into the water there is no undue ingress of water into the suit.

3.1.2 An immersion suit on its own, or worn in conjunction with a lifejacket if necessary, should have sufficient buoyancy and stability in calm fresh water to:

- .1 lift the mouth of an exhausted or unconscious person clear of the water by not less than 120 mm; and
- .2 allow the wearer to turn from a face-down to a face-up position in not more than 5 s.

3.1.3 An immersion suit should permit the person wearing it, and also wearing a lifejacket if the immersion suit is to be worn in conjunction with a lifejacket, to:

- .1 climb up and down a vertical ladder at least 5 m in length;
- .2 perform normal duties during abandonment;
- .3 jump from a height of not less than 4.5 m into the water without damaging or dislodging the immersion suit or its attachments, or being injured; and
- .4 swim a short distance through the water and board a survival craft.

3.1.4 An immersion suit which has buoyancy and is designed to be worn without a lifejacket should be fitted with a light complying with the requirements of 2.2 and the whistle prescribed by 2.1.6.3.

3.1.5 An immersion suit which has buoyancy and is designed to be worn without a lifejacket should be provided with a releasable buoyant line or other means to secure it to a suit worn by another person in the water.

* Refer to paragraph 3.1.3 of the Recommendation on testing of lifesaving appliances, adopted by the Organization (resolution MSC.81(70), as amended).

sut merendam tahan sejuk adalah untuk dipakai bersama dengan jaket keselamatan, dan pengisian angin kebuk kembang secara oral, jika dipasang; *

- .2 ia tidak mudah terbakar atau terus lebur selepas benar-benar terkena api untuk tempoh 2 saat;
- .3 ia akan meliputi seluruh badan kecuali muka, kecuali yang meliputi tangan boleh disediakan dengan sarung tangan yang berasingan yang perlu kekal melekat kepada sut itu;
- .4 ia disediakan dengan aturan untuk minimakan atau mengurangkan udara bebas di kaki sut itu;
- .5 lompatan ke dalam air dari ketinggian tidak kurang dari 4.5m dengan tiada kemasukan air dalam sut.

3.1.2 Satu sut merendam tahan sejuk dengan sendiri, atau dipakai bersama dengan Jaket keselamatan jika perlu, harus mempunyai keapungan yang mencukupi dan kestabilan di dalam air tawar tenang untuk:

- .1 mengangkat mulut orang yang lemah atau tidak sedarkan diri bebas dari air dengan tidak kurang daripada 120 mm dan
- .2 membolehkan pemakainya berpaling dari kedudukan berbaring menelangkup ke kedudukan muka ke atas dalam tempoh tidak melebihi 5 s.

3.1.3 Sut merendam tahan sejuk hendaklah membenarkan orang yang memakainya, dan juga memakai jaket keselamatan jika sut merendam tahan sejuk adalah untuk dipakai bersama dengan jaket keselamatan, untuk:

- .1 naik dan turun tangga tegak sekurang-kurangnya 5m panjang;
- .2 melaksanakan tugas-tugas biasa semasa meninggalkan vesel;
- .3 melompat dari ketinggian tidak kurang dari 4.5m ke dalam air tanpa merosakkan atau sut merendam tahan sejuk atau alatan tambahannya tertanggal, atau tercedera; dan
- .4 mampu berenang dalam jarak yang dekat di dalam air dan naik rakit keselamatan.

3.1.4 Sut merendam tahan sejuk yang mempunyai keapungan dan direka untuk dipakai tanpa jaket keselamatan hendaklah dilengkapi dengan lampu mematuhi keperluan 2.2 dan wisel yang ditetapkan oleh 2.1.6.3.

3.1.5 Sut merendam tahan sejuk yang mempunyai keapungan dan direka untuk dipakai tanpa jaket keselamatan perlu disediakan dengan tali boleh terapung yang boleh lepas atau cara lain untuk mengikatkannya kepada sut yang dipakai oleh orang lain di dalam air.

* Rujuk kepada perenggan 3.1.3 di Saranan (*Recommendation*) mengenai ujian peralatan menyelamatkan nyawa, yang diguna pakai oleh Pertubuhan (resolusi iMSC.81(70), sebagaimana yang dipinda).

3.1.6 An immersion suit which has buoyancy and is designed to be worn without a lifejacket should be provided with a suitable means to allow a rescuer to lift the wearer from the water into a survival craft or rescue boat.

3.1.7 If an immersion suit is to be worn in conjunction with a lifejacket, the lifejacket should be worn over the immersion suit. Persons wearing such an immersion suit should be able to don a lifejacket without assistance. The immersion suit should be marked to indicate that it must be worn in conjunction with a compatible lifejacket.

3.1.8 An immersion suit should have buoyancy which is not reduced by more than 5% after 24 h submersion in fresh water and does not depend on the use of loose granulated materials.

3.2 *Thermal performance requirements for immersion suits*

3.2.1 An immersion suit made of material which has no inherent insulation should be:

- .1 marked with instructions that it must be worn in conjunction with warm clothing;
- .2 so constructed that, when worn in conjunction with warm clothing and with a lifejacket if the immersion suit is to be worn with a lifejacket, the immersion suit continues to provide sufficient thermal protection following one jump by the wearer into the water from a height of 4.5 m to ensure that when it is worn for a period of 1 h in calm circulating water at a temperature of 5°C, the wearer's body core temperature does not fall more than 2°C.

3.2.2 An immersion suit made of material with inherent insulation when worn either on its own or with a lifejacket, if the immersion suit is to be worn in conjunction with a lifejacket, should provide the wearer with sufficient thermal insulation following one jump into the water from a height of 4.5 m to ensure that the wearer's body core temperature does not fall more than 2°C after a period of 6 h immersion in calm circulating water at a temperature of between 0°C and 2°C.

3.2.3 The immersion suit should permit the person wearing it with hands covered to pick up a pencil and write after being immersed in water at 5°C for a period of 1 h.

3.3 *Buoyancy requirements*

A person in fresh water wearing either an immersion suit complying with the requirements of 3.1.5 or an immersion suit with a lifejacket should be able to turn from a face-down to a face-up position in not more than 5 s.

4 *Lifebuoys*

4.1 *Lifebuoy specification*

Every lifebuoy should:

- .1 have an outer diameter of not more than 800 mm and an inner diameter of not less than 400 mm;

3.1.6 Sut merendam tahan sejuk yang mempunyai daya apungan dan direka untuk dipakai tanpa jaket keselamatan hendaklah disediakan dengan cara yang sesuai untuk membolehkan penyelamat untuk mengangkat pemakai dari air ke dalam rakit keselamatan atau bot penyelamat.

3.1.7 Jika sut merendam tahan sejuk adalah untuk dipakai bersama dengan jaket keselamatan, jaket keselamatan perlu dipakai di atas sut merendam tahan sejuk. Orang yang memakai sut merendam tahan sejuk sedemikian harus dapat memakai jaket keselamatan tanpa bantuan. Sut merendam tahan sejuk perlu ditandakan untuk menunjukkan bahawa ia mesti dipakai bersama dengan jaket keselamatan yang sesuai.

3.1.8 Satu sut merendam tahan sejuk perlu mempunyai daya apungan yang tidak berkurangan sebanyak lebih daripada 5% selepas 24 jam direndam dalam air tawar dan tidak bergantung kepada penggunaan bahan-bahan berbutir longgar.

3.2 Keperluan prestasi terma untuk sut merendam tahan sejuk

3.2.1 Sut merendam tahan sejuk yang dibuat daripada bahan yang bukan penebat hendaklah:

- .1 ditandakan dengan arahan bahawa ia mesti dipakai bersama dengan pakaian panas;
- .2 dibina supaya, apabila dipakai bersama dengan pakaian panas dan dengan jaket keselamatan jika sut merendam tahan sejuk adalah untuk dipakai dengan jaket keselamatan, sut merendam tahan sejuk membekalkan haba yang mencukupi berikutan satu lompatan oleh pemakainya ke dalam air dari ketinggian 4.5 m untuk memastikan bahawa apabila ia dipakai untuk tempoh 1 jam di dalam air tenang pada suhu 5 °C, suhu badan pemakai tidak jatuh lebih daripada 2 °C.

3.2.2 Satu sut merendam tahan sejuk yang diperbuat daripada bahan penebat apabila dipakai sama ada dengan ianya sahaja atau bersama dengan jaket keselamatan, jika dipakai bersama dengan jaket keselamatan, ia hendaklah menyediakan pemakai dengan penebat haba yang mencukupi berikutan satu lompatan ke dalam air dari ketinggian 4.5 m untuk memastikan bahawa suhu badan teras pemakai tidak jatuh lebih daripada 2°C selepas tempoh 6 jam terendam dalam air yang tenang pada suhu antara 0°C dan 2°C.

3.2.3 sut merendam tahan sejuk harus membolehkan orang yang memakainya dengan tangan terlindung untuk mengambil pensil dan menulis selepas terendam di dalam air pada 5 °C selama 1 jam.

3.3 Keperluan keapungan

Seseorang yang memakai sama ada sut merendam tahan sejuk di dalam air tawar mematuhi keperluan 3.1.5 atau sut merendam tahan sejuk dengan jaket keselamatan hendaklah dapat bertukar dari keadaan berbaring menelangkup ke kedudukan muka ke atas dalam tempoh tidak melebihi 5s.

4 Boja keselamatan

4.1 Spesifikasi boja keselamatan

Setiap boja keselamatan hendaklah:

- .1 mempunyai diameter luar yang tidak lebih daripada 800 mm dan diameter dalaman tidak kurang daripada 400mm;

- .2 be constructed of inherently buoyant material; it should not depend upon rushes, cork shavings or granulated cork, any other loose granulated material or any air compartment which depends on inflation for buoyancy;
- .3 be capable of supporting not less than 14.5 kg of iron in fresh water for a period of 24 h;
- .4 have a mass of not less than 2.5 kg;
- .5 not sustain burning or continue melting after being totally enveloped in a fire for a period of 2 s;
- .6 be constructed to withstand a drop into the water from the height at which it is stowed above the waterline in the lightest seagoing condition or 30 m, whichever is the greater, without impairing either its operating capability or that of its attached components;
- .7 if it is intended to operate the quick-release arrangement provided for the self-activated smoke signals and self-igniting lights, have a mass of not less than 4 kg; and
- .8 be fitted with a grabline not less than 9.5 mm in diameter and not less than four times the outside diameter of the body of the buoy in length. The grabline should be secured at four equidistant points around the circumference of the buoy to form four equal loops.

4.2 *Buoyant lifelines*

Buoyant lifelines should:

- .1 be non-kinking;
- .2 have a diameter of not less than 8 mm; and
- .3 have a breaking strength of not less than 5 kN.

5 *Rocket parachute flares*

5.1 The rocket parachute flare should:

- .1 be contained in a water-resistant casing;
- .2 have brief instructions or diagrams clearly illustrating the use of the rocket parachute flare printed on its casing;
- .3 have integral means of ignition; and
- .4 be so designed as not to cause discomfort to the person holding the casing when used in accordance with the manufacturer's operating instructions.

- .2 dibina daripada bahan pada asasnya terapung, tidak bergantung kepada bahan dari batang yang berlubang (*rushes*), parutan gabus atau gabus berbutir, apa-apa bahan lain berbutir longgar atau mana-mana bekas udara yang bergantung kepada pengisian angin untuk keapungan;
- .3 Mampu menyokong tidak kurang daripada 14.5 kg besi di dalam air tawar untuk tempoh 24 jam;
- .4 mempunyai jisim yang tidak kurang daripada 2.5 kg;
- .5 tidak kekal terbakar atau terus lebur selepas diselubungi dalam api untuk tempoh 2 saat;
- .6 dibina untuk tahan jatuh ke dalam air dari ketinggian di mana ia disimpan di atas garis air dalam keadaan laut yang paling tenang atau 30 m, yang mana lebih tinggi, tanpa merosakkan keupayaan operasi atau komponen yang disertakan;
- .7 sekiranya ia bertujuan untuk beroperasi secara lepas cepat (*quick release*) yang disediakan dengan isyarat asap aktif sendiri dan lampu nyalaan sendiri, mempunyai jisim yang tidak kurang daripada 4 kg dan
- .8 dipasang dengan tali sambar tidak kurang daripada 9.5 mm diameter dan tidak kurang daripada empat kali panjang diameter luar badan boya. Tali sambar hendaklah diikat pada empat titik sama jarak sekitar lilitan boya untuk membentuk empat gelung sama.

4.2 Tali nyawa terapung (*buoyant lifelines*)

Tali nyawa hendaklah:

- .1 tidak mudah berbelit/kusut;
- .2 mempunyai diameter tidak kurang daripada 8 mm dan
- .3 mempunyai ketahanan (breaking strength) tidak kurang daripada 5kN.

2.8.11 Semua subjek ujian, tanpa memakai jaket keselamatan, hendaklah berenang sejauh 25m dan menaiki rakit keselamatan atau platform dengan permukaan 300mm di atas permukaan air. Semua subjek ujian yang berjaya menyelesaikan tugas ini perlu melakukan sekali lagi dengan memakai jaket keselamatan itu. Sekurang-kurangnya dua pertiga daripada subjek ujian yang boleh menyelesaikan tugas tanpa memakai jaket keselamatan juga mampu melaksanakannya dengan memakai jaket keselamatan itu.

2.9 Ujian jaket keselamatan kanak-kanak

Ujian yang sama boleh dilakukan untuk kelulusan jaket keselamatan yang sesuai pada kanak-kanak.

Child test subjects

2.9.1 For child-size lifejackets, tests should be carried out with at least 9 able-bodied persons. All test subjects should be selected according to table 2.2 as follows:

- .1 One subject should be selected per each cell containing a “1”.
- .2 Remaining subjects should be selected from cells containing an “X”, without repeating a cell.
- .3 At least 40% of the subjects should be male and at least 40% female.

Table 2.2 – Selection of child test subjects

Height range (cm)	Weight range (kg)										
	14-17	17-20	20-22	22-25	25-28	28-30	30-33	33-36	36-38	38-41	41-43
79-105	1	X									
90-118		X	1								
102-130				1	X						
112-135					X	1					
122-150							1	1	X		
145-165									X	1	1

2.9.2 When conducting water performance tests under 2.8, child-size lifejackets should meet the following requirements for their critical flotation stability characteristics:

- .1 *Turning time:* The average turn time for all subjects in the candidate lifejacket should not exceed the average time in the appropriate size RTD;
- .2 *Freeboard:* The average results for clearance of the mouth above the water for all subjects should not be less than the average for the appropriate size RTD;
- .3 *Torso angle:* The average of all subjects’ results should be not less than the average for the appropriate size RTD minus 10°;
- .4 *Faceplane (head) angle:* The average of all subjects’ results should be not less than the average for the appropriate size RTD minus 10°; and
- .5 *Mobility:* Mobility of the subject both in and out of the water should be given consideration in determining the acceptability of a device for approval and should be compared to mobility when wearing the appropriate size RTD when climbing out of the water, going up and down stairs, picking up an article from the floor, and then drinking from a cup.

Subjek ujian kanak-kanak

2.9.1 Untuk jaket keselamatan bersaiz kanak-kanak, ujian perlu dijalankan dengan sekurang-kurangnya 9 orang berbadan tegap dan sihat. Semua subjek ujian perlu dipilih mengikut Jadual 2.2 seperti berikut:

- .1 Satu subjek perlu dipilih bagi setiap sel mengandungi "1".
- .2 Baki subjek perlu dipilih dari sel-sel yang mengandungi "X", tanpa mengulangi sel.
- .3 Sekurang-kurangnya subjek hendaklah 40% lelaki dan 40% wanita.

Jadual 2.2 - Pemilihan subjek ujian kanak-kanak

Julat ketinggian (cm)	Julat berat (kg)										
	14-17	17-20	20-22	22-25	25-28	28-30	30-33	33-36	36-38	38-41	41-43
79-105	1	X									
90-118		X	1								
102-130				1	X						
112-135					X	1					
122-150							1	1	X		
145-165									X	1	1

2.9.2 Apabila menjalankan ujian air seperti di 2.8 seperti di atas, jaket keselamatan bersaiz kanak-kanak hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:

- .1 *Masa putaran*: Purata masa putaran untuk semua subjek hendaklah tidak boleh melebihi purata masa yang memakai RTD bersaiz yang sesuai;
- .2 *Lambung bebas*: Purata keputusan untuk jarak mulut di atas permukaan air untuk semua subjek hendaklah tidak boleh kurang daripada purata keputusan yang memakai RTD bersaiz yang sesuai;
- .3 *Sudut tubuh*: purata sudut tubuh pada semua subjek hendaklah tidak kurang daripada purata sudut torso untuk saiz RTD yang sesuai dengan pengurangan 10°;
- .4 *Sudut satah muka (kepala)*: purata *Sudut satah muka* semua subjek hendaklah tidak kurang daripada purata *Sudut satah muka* saiz RTD yang sesuai dengan pengurangan 10° dan
- .5 *Mobiliti*: Mobiliti subjek di dalam dan di luar air perlu diberi pertimbangan dalam menentukan penerimaan alat untuk kelulusan. Pergerakan semasa memakai hendaklah dibandingkan dengan mobiliti apabila memakai saiz RTD yang sesuai semasa memanjat keluar dari air, naik dan turun tangga, mengambil barang dari lantai, dan minum dari cawan.

PART 2 – PRODUCTION AND INSTALLATION TESTS

1 General

1.1 Representatives of the Competent Authority should make random inspection of manufacturers to ensure that the quality of life-saving appliances and the materials used comply with the specification of the approved prototype life-saving appliance.

1.2 Manufacturers should be required to institute a quality control procedure to ensure that life-saving appliances are produced to the same standard as the prototype life-saving appliance approved by the Competent Authority and to keep records of any production tests carried out in accordance with the Competent Authority's instructions.

1.3 Where the proper operation of life-saving appliances is dependent on their correct installation in ships, the Competent Authority should require installation tests to ensure that the appliances have been correctly fitted in a vessel.

2 Individual buoyancy equipment for lifejackets

Production tests

2.1 Manufacturers should be required to carry out a buoyancy test on at least 0.5% of each batch of lifejackets produced, subject to a minimum of one from every batch.

Inspections by the Competent Authority

2.2 Inspections by a representative of the Competent Authority should be made at intervals of at least one per 6,000 lifejackets produced, subject to a minimum of one inspection per calendar quarter. When the manufacturer's quality control programme results in lifejackets that are consistently free of defects, the rate of inspection may be reduced to one in every 12,000. At least one lifejacket of each type in production should be selected at random by the inspector and subjected to detailed examination including, if necessary, cutting open. He should also satisfy himself that the flotation tests are being conducted satisfactorily; if he is not satisfied, a flotation test should be undertaken.

BAHAGIAN 2 –UJIAN PENGELUARAN DAN PEMASANGAN

1 Am

1.1 Wakil-wakil dari Pihak Berkuasa yang Kompeten perlu membuat pemeriksaan secara rambang kepada pengeluar untuk memastikan kualiti peralatan menyelamatkan nyawa dan bahan yang digunakan mematuhi spesifikasi prototaip peralatan menyelamatkan nyawa yang diluluskan.

1.2 Pengeluar hendaklah mewujudkan satu prosedur kawalan kualiti untuk memastikan peralatan menyelamatkan nyawa dihasilkan sama dengan standard seperti prototaip peralatan menyelamatkan nyawa yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa yang Kompeten dan menyimpan rekod ujian pengeluaran yang dijalankan mengikut arahan Pihak Berkuasa Yang Kompeten itu.

1.3 Di mana pengendalian yang betul peralatan menyelamatkan nyawa adalah bergantung kepada pemasangannya yang betul di dalam vesel, Pihak Berkuasa yang Kompeten hendaklah memerlukan ujian pemasangan untuk memastikan peralatan yang telah dipasang dengan betul dalam sebuah vesel.

2 Peralatan keapungan individu untuk jaket keselamatan

Ujian pengeluaran

2.1 Pengeluar dikehendaki menjalankan ujian keapungan pada sekurang-kurangnya 0.5% daripada setiap kelompok jaket keselamatan yang dihasilkan , tertakluk kepada sekurang-kurangnya satu jaket keselamatan daripada setiap kelompok.



Pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa yang Kompeten

2.2 Pemeriksaan oleh wakil Pihak Berkuasa yang Kompeten hendaklah dibuat secara berselang-seli pada sekurang-kurangnya satu per 6,000 pengeluaran jaket keselamatan yang dihasilkan. Ia juga tertakluk kepada sekurang-kurangnya minima satu pemeriksaan setiap suku tahun kalendar. Apabila keputusan program kawalan kualiti menyatakan keputusan jaket keselamatan adalah bebas daripada kecacatan secara konsisten , kadar pemeriksaan boleh dikurangkan kepada satu dalam setiap 12,000. Sekurang-kurangnya satu jaket keselamatan bagi setiap jenis pengeluaran hendaklah dipilih secara rawak oleh pemeriksa. Ia juga tertakluk kepada pemeriksaan terperinci seperti memotong dan membukanya jika perlu. Beliau juga hendaklah berpuas hati dengan ujian pengapungan yang dijalankan; jika tidak, ujian pengapungan semula perlu dijalankan.


ANNEX XXIII

CORRECT SECURING OF HYDROSTATIC RELEASE UNITS*

HYDROSTATIC RELEASE UNIT (HRU)
CORRECT INSTALLATION



1. If vessel sinks, Hydrostatic Release Unit activates and liferaft attempts to float to surface
2. Tension on painter will cause liferaft to inflate
3. Tension on weak link will cause it to break ensuring liferaft does not go down with the boat



Correct installation of older version HRU



This is an example of one type of HRU. Manufacturer's instructions should always be followed when fitting HRUs.

* Source: Royal National Lifeboat Institution (United Kingdom).


LAMPIRAN XXIII

PANDUAN MENGIKAT UNIT PELEPASAN HIDROSTATIK YANG BETUL*


UNIT PELEPASAN HIDROSTATIK (HRU) PEMASANGAN YANG BETUL




1. Jika vesel tenggelam, Unit Pelepasan Hidrostatik akan teraktif, dan rakit keselamatan akan terapung ke permukaan



2. Tegangan pada tali penambat bot akan menyebabkan rakit keselamatan mengembang



3. Tekanan pada pautan lemah akan menyebabkan ia putus, menyebabkan rakit keselamatan tidak tenggelam bersama dengan kapal




Pemasangan sesuai versi lama HRU

Ilustrasi ini adalah contoh salah satu jenis HRU. Arahan pengilang hendaklah sentiasa diikuti apabila memasang HRU.

* Sumber: Royal National Lifeboat Institution (United Kingdom).


INCORRECT INSTALLATION

Painter secured to HRU
(not through weak link)




1. HRU will activate
2. Liferaft will be released but will **NOT** automatically inflate and will eventually drift away

Painter secured to senhouse slip




1. HRU will activate
2. Liferaft will float free and eventually inflate
3. Because the painter is secured to the slip, the liferaft will **NOT** be released to the surface

Painter secured directly to strong point



1. HRU will activate
2. Liferaft will float free and eventually inflate
3. Because the painter is secured directly to the strong point, the liferaft will **NOT** be released to the surface **EVEN IF** it is attached to the weak link as well


Painter secured only to weak link
(older version only)



1. Will work correctly for automatic release, but:
2. If liferaft is thrown overboard in an emergency (or comes adrift at sea) it may be lost


PEMASANGAN YANG TIDAK BETUL

Tali penambat bot diikat pada HRU
(tidak melalui pautan lemah)




1. HRU akan diaktifkan
2. Rakit keselamatan akan dilepaskan tetapi tidak akan mengembang secara automatik dan kemudiannya akan hanyut.

Tali penambat bot diikat pada senhouse slip




1. HRU akan diaktifkan
2. Rakit keselamatan akan bebas terapung dan kemudiannya akan mengembang
3. Kerana tali penambat bot adalah diikat kepada slip, rakit keselamatan **TIDAK** akan dilepaskan kepada permukaan

Tali penambat bot diikat secara langsung kepada titik kuat



1. HRU akan diaktifkan
2. Rakit keselamatan akan bebas terapung dan kemudiannya akan mengembang
3. Kerana tali penambat bot adalah diikat secara langsung kepada titik kuat, rakit keselamatan **TIDAK** akan dilepaskan ke permukaan **WALAUPUN** ia juga terikat ke pautan lemah

Tali penambat bot diikat hanya pada pautan lemah (hanya versi lama)



1. Akan berkesan untuk pelepasan automatik, tetapi :
2. Jika rakit keselamatan adalah ditolak jatuh dari kapal di dalam kecemasan (atau menjadi hanyut di laut), ia mungkin akan hilang

ANNEX XXIV

GUIDANCE ON SAFETY TRAINING IN EMERGENCY PROCEDURES

1 Training in emergency procedures

The Competent Authority should take such measures as it may deem necessary to ensure that crews are adequately trained in their duties in the event of emergencies and to avoid panic in such situations. Such training should include, as appropriate:

- .1 types of emergencies which may occur, such as collisions, fire, grounding and foundering;
- .2 types of life-saving appliances normally carried on vessels;
- .3 need to adhere to the principles of survival;
- .4 value of training and drills;
- .5 first aid training;
- .6 need to be ready for any emergency and to be constantly aware of;
- .7 location of each crew member's own and spare lifejackets;
- .8 means of escape;
- .9 recovering and caring for a person who has fallen overboard;
- .10 actions to be taken in respect to lifting persons from vessels and survival craft by helicopter;
- .11 actions to be taken when abandoning ship, including:
 - .1 putting on suitable clothing;
 - .2 donning of lifejacket;
 - .3 collecting additional protection such as blankets, time permitting;
 - .4 how to board survival craft from vessel and water; and
 - .5 actions to be taken when in the water, such as:
 - .1 fire or oil on the water;
 - .2 cold conditions; and
 - .3 shark-infested waters;

LAMPIRAN XXIV

PANDUAN MENGENAI LATIHAN KESELAMATAN DALAM PROSEDUR KECEMASAN

1 Latihan dalam prosedur kecemasan

Pihak Berkuasa yang Kompeten hendaklah mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu untuk memastikan bahawa anak kapal cukup terlatih dalam tugas-tugas mereka sekiranya berlaku kecemasan dan untuk mengelakkan situasi panik. Latihan tersebut hendaklah termasuk, sebagaimana patut:

- .1 jenis kecemasan yang mungkin berlaku, seperti perlanggaran, kebakaran, pembumian dan karam;
- .2 jenis peralatan menyelamatkan nyawa yang biasanya dibawa di atas vesel;
- .3 perlu mematuhi prinsip-prinsip kemandirian hidup;
- .4 nilai latihan dan latih tubi;
- .5 latihan pertolongan cemas;
- .6 perlu bersedia untuk sebarang kecemasan dan sentiasa bersedia;
- .7 lokasi jaket keselamatan setiap anak kapal dan gantian;
- .8 cara untuk melepaskan diri;
- .9 memulihkan dan menjaga seseorang yang telah jatuh ke dalam laut;
- .10 tindakan yang akan diambil untuk mengangkat orang daripada vesel dan rakit penyelamat dengan helikopter;
- .11 tindakan yang perlu diambil apabila meninggalkan kapal, termasuk:
 - .1 memakai pakaian yang sesuai;
 - .2 mengenakan jaket keselamatan;
 - .3 mengumpul perlindungan tambahan seperti selimut, masa mengizinkan;
 - .4 bagaimana untuk menaiki rakit penyelamat daripada vesel dan air dan
 - .5 tindakan yang perlu diambil apabila di dalam air, seperti:
 - .1 api atau minyak di atas air;
 - .2 keadaan sejuk;
 - .3 dan perairan yang dipenuhi yu;

- .12 how to right a capsized survival craft;
- .13 actions to be taken when aboard a survival craft, such as:
 - .1 protection against cold or extreme heat;
 - .2 using a drogue or sea anchor;
 - .3 keeping a look-out;
 - .4 protection against seasickness;
 - .5 proper use of fresh water and food;
 - .6 effects of drinking sea water; and
 - .7 importance of maintaining morale;
- .14 recovering and caring for survivors;
- .15 facilitating detection by others;
- .16 checking equipment available for use in the survival craft and using it correctly;
- .17 remaining, so far as possible, in the vicinity;
- .18 main dangers to survivors and the general principles of survival; and
- .19 actions to be taken in respect of fire-fighting appliances.

- .12 bagaimana untuk membetulkan rakit penyelamat yang terbalik;
- .13 tindakan yang perlu diambil apabila menaiki rakit penyelamat adalah seperti:
 - .1 perlindungan terhadap cuaca panas dan sejuk yang melampau;
 - .2 menggunakan penyauk atau sauh laut;
 - .3 sentiasa meninjau sekitar;
 - .4 melindungi dari mabuk laut;
 - .5 penggunaan air tawar dan makanan yang betul;
 - .6 kesan meminum air laut dan
 - .7 kepentingan mengekalkan moral;
- .14 memulihkan dan menjaga mangsa;
- .15 mudah dikesan oleh orang lain;
- .16 memeriksa peralatan sedia ada di dalam kapal penyelamat dan menggunakannya dengan betul;
- .17 tidak bergerak jauh dari kawasan itu;
- .18 bahaya utama kepada mangsa dan prinsip-prinsip umum kelangsungan hidup dan
- .19 tindakan yang akan diambil berkenaan dengan peralatan memadam kebakaran.

ANNEX XXV

GUIDANCE ON SAFE OPERATION OF WINCHES, LINE HAULERS AND LIFTING GEAR

General

In general, all deck machinery involved in the handling of fishing gear and catch should be designed, installed and used in a way that prevents accidents and injuries.


1 Emergency stop safety devices on winches and hauling equipment

1.1 All powered equipment used for the handling of fishing gear and catch such as winches, line and net hauling equipment and other deck machinery which, upon use, represent a danger for the operator if dragged towards or into the equipment during working operations, should be fitted with emergency stop safety devices. The emergency stop should be provided at the winch, at appropriate places in the deck area and in the wheelhouse. Emergency stops on the equipment should be activated by any part of the body of the person being hauled towards the equipment. See examples and illustrations below.

1.2 The purpose of these devices is to cause an automatic stop of the equipment, without any action from the operator, if he is dragged towards the actual equipment.

1.3 In particular, such devices are very important on single-handed vessels where only one person is on board. It will normally not be sufficient to have emergency shut-off buttons that must be manually activated, due to the fact that in an emergency situation on a single-handed vessel, the person to activate this may have his hands, feet, or clothing trapped in the fishing gear and, therefore, is unable to activate the emergency stop button himself.

Illustrations



LAMPIRAN XXV

PANDUAN KESELAMATAN OPERASI WIN, PENGHELA TALI DAN PERALATAN ANGKAT

Am

Secara umum, semua mesin dek yang terlibat dalam pengendalian peralatan menangkap ikan dan tangkapan perlu direka, dipasang serta digunakan dengan selamat tanpa menyebabkan kemalangan dan kecederaan.

1 Peranti penghenti kecemasan pada win dan peralatan penghela


1.1 Semua peralatan menangkap ikan dan tangkapan seperti win, tali serta peralatan pengangkut pukut boleh mendatangkan bahaya kepada pengendali jika tidak dikendalikan dengan betul semasa operasi. Oleh itu, peralatan-peralatan tersebut hendaklah dilengkapi dengan peranti penghenti kecemasan yang dipasang di win, kawasan yang sesuai di dek dan rumah kemudi. Peranti penghenti kecemasan pada peralatan hendaklah diaktifkan oleh bahagian badan orang yang menjadi mangsa. Lihat contoh dan ilustrasi di bawah.

1.2 Tujuan peranti ini adalah untuk membolehkan peralatan berhenti secara automatik tanpa perlu sebarang tindakan dari pengendali jika dia terseret ke arah peralatan tersebut.

1.3 Secara khususnya, peralatan sedemikian adalah amat penting di atas vesel yang dikendali bersendirian disebabkan hanya terdapat seorang di atas vesel. Biasanya adalah tidak mencukupi dengan hanya mempunyai suis tutup kecemasan yang diaktifkan secara manual. Dalam keadaan kecemasan di atas vesel yang dikendali bersendirian, seseorang yang mengaktifkan suis tutup kecemasan mungkin menghadapi masalah tangan, kaki, atau pakaian yang terperangkap dalam peralatan menangkap ikan dan, oleh sebab itu tidak boleh mengaktifkan suis tutup kecemasan dengan sendirinya.

Ilustrasi

PERANTI PENGHENTI KECEMASAN



2 Winches

2.1 The design of winch systems should ensure that, when power is supplied to the winch, the control valves and levers would always be in the stop/neutral position.

2.2 Winches should be provided with means to prevent overhoisting and to prevent the accidental release of a load if the power supply fails. Where practicable, winches with wire storage drums should be fitted to avoid the need to use warping heads.

2.3 Winches should be equipped with brakes capable of effectively arresting and holding the safe working load. Brakes should be proof-tested before installation with a static load suitably in excess of the maximum safe working load to the satisfaction of the Competent Authority. Brakes should be provided with simple and easily accessible means of adjustment. Every winch drum, which could be uncoupled from the drive should be furnished with a separate brake independent of the brake connected with the drive.

2.4 Where manually-operated “guiding on” gear is installed, the operating wheels should be without open spokes or protrusions that could cause injury to the operator and should be capable of being disengaged when the warps are paying out. Preferably, the “guiding on” gear should be capable of being disengaged when the warps are paying out.

2.5 Where practicable, winches should be reversible.

2.6 Winch barrels should be provided with means for fastening wire ends, for instance clamps, shackles or other equally effective method which should be so designed as to prevent kinking of the wires.

2.7 Where a fishing winch is provided with local and remote controls, these should be so arranged as to prevent simultaneous operation. The operator should have a clear view of the winch and adjacent area from either position. An emergency cut-off should be provided at the winch and at the remote station as well as in the wheelhouse.

2.8 Where a fishing winch is controlled from the wheelhouse, an emergency control switch at the winch should be provided. Where a second control at the winch is required by the Competent Authority, the arrangement should be such as to make simultaneous control from both control positions impossible, as well as to show which control position is in operation. Where necessary, emergency switches for winches should be provided remote from the winch to protect fishermen working in places which are dangerous for operation of warps and trawl boards. Where a fishing winch is controlled from the bridge, the arrangements should be such that the operator has a direct or televised clear view of the winch and adjacent area.

3 Line and net hauling equipment

3.1 Line and net hauling equipment should be fitted with devices to ensure that the designated safe working load is not exceeded. Such devices should be tested to the satisfaction of the Competent Authority.

3.2 Where line and net hauling equipment is intended to be blocked or braked in the stop position, the arrangements should be tested to the satisfaction of the Competent Authority.

2 Win

2.1 Reka bentuk sistem win hendaklah memastikan apabila kuasa dibekalkan kepada win, injap kawalan dan tuil sentiasa berada dalam kedudukan berhenti/neutral.

2.2 Win hendaklah dilengkapi kaedah yang dapat menghalang terlebih angkat dan mencegah beban terlepas secara tidak sengaja jika bekalan kuasa gagal dibekalkan. Sekiranya sesuai, tempat simpanan wayar pada win hendaklah dipasang untuk mengelakkan keperluan menggunakan kepala gelendong (*warping head*)

2.3 Win perlu dilengkapi dengan brek yang mampu menghentikan dan menahan beban kerja selamat (*safe working load*). Brek perlu diuji dengan beban statik yang sesuai melebihi beban bekerja maksima (*maximum safe working load*). dan dibuktikan selamat sebelum pemasangan serta hendaklah memenuhi syarat Pihak Berkuasa yang Kompeten. Brek hendaklah disediakan dengan kaedah yang mudah dicapai untuk dilaras. Setiap gelendong win yang boleh dileraikan dari pemacu harus di lengkapi dengan brek yang berasingan dan bebas dari brek yang berkaitan dengan pemacu.

2.4 Di mana peralatan pengatur kabel (*guiding on*) dikendalikan secara manual dipasang, roda kendalian hendaklah tanpa jejari terbuka (*open spokes*) atau tertonjol yang boleh menyebabkan kecederaan kepada pengendali dan hendaklah mampu dipisahkan apabila kabel terlepas keluar. Sebaik-baiknya, peralatan pengatur kabel hendaklah mampu dilepaskan apabila kabel terlepas keluar.

2.5 Win boleh beroperasi secara dua hala sekiranya sesuai.

2.6 *Drum* win hendaklah disediakan dengan kaedah untuk mengikat hujung wayar, sebagai contoh pengapit, shackle atau kaedah lain yang bersesuaian untuk mengelakkan wayar kusut.

2.7 Jika win menangkap ikan mempunyai alat kawalan setempat dan jauh, susunatur keduanya hendaklah dapat mengelakkan operasi secara serentak . Pengendali hendaklah boleh melihat win dan kawasan bersebelahan tanpa halangan. Peranti *cut-off* kecemasan perlu disediakan pada win, stesen kawalan jauh serta rumah kemudi.

2.8 Jika win menangkap ikan dikawal dari rumah kemudi, satu suis kawalan kecemasan perlu disediakan pada win. Sekiranya alat kawalan kecemasan kedua pada win dikehendaki oleh Pihak Berkuasa yang Kompeten, perlu disediakan kaedah mencegah dari kawalan serentak dan pada masa yang sama menunjukkan alat kawalan yang sedang beroperasi. Di mana perlu, suis kecemasan untuk win perlu diletakkan jauh dari win untuk melindungi nelayan yang bekerja di tempat-tempat yang berbahaya untuk operasi *warps* dan papan tunda. Jika win menangkap ikan dikawal dari rumah kemudi, pengendali hendaklah dapat melihat win dan kawasan yang bersebelahan secara langsung atau melalui televisyen litar tertutup.

3 Tali dan peralatan penghela pukut

3.1 Tali dan peralatan penghela pukut hendaklah dilengkapi dengan peranti untuk memastikan tidak melebihi beban kerja selamat yang ditetapkan. Peranti sedemikian hendaklah diuji bagi memenuhi kehendak Pihak Berkuasa yang Kompeten.

3.2 Jika peralatan penghela tali dan pukut bertujuan untuk dibrek dan dihalang dari bergerak pada posisi berhenti yang ditetapkan, susunatur perlu diuji bagi memenuhi kehendak Pihak Berkuasa yang Kompeten

3.3 Where line and net hauling equipment is controlled from the wheelhouse or from a position remote from the equipment, means should be provided at the equipment to stop hauling and/or shooting in an emergency. In like manner, when the main controls are at the equipment, means should be provided in the wheelhouse to stop it in an emergency.

3.4 The arrangement of the safety devices should also ensure that an emergency stop would be activated if a person is pulled towards a line or net hauling equipment.

4 Lifting gear

4.1 Cranes should be well constructed of sound material and the design should conform with national standards that may be appropriate. They should be tested to the satisfaction of the Competent Authority and the crane should be marked with the designated maximum safe working load. In the case of a crane fitted with an extendable jib, the safe working load at various radii should be clearly marked as close as practical to the operating controls.

4.2 In general, cranes adapted to carry net hauling equipment should be so designed that in the fail safe condition, the hanging point of the jib should not be too high or extend so far beyond the bulwark that retrieval of fishing gear or equipment would endanger the crew.

4.3 The braking or blocking arrangements of a crane should be tested to at least 1.5 times the designated safe working load to the satisfaction of the Competent Authority.

4.4 Lifting and hoisting appliances, as well as derricks and similar equipment including all parts of the working gear thereof, whether fixed or movable, and all plant should be of good construction, reliable material, adequate strength and free from patent defect. They should be adequately and suitably anchored, supported or suspended having regard to the purpose for which they are used and should be marked with the safe working load. They should have easy access for maintenance. Guards should be provided to prevent any undesirable movement of lifted or hoisted parts, such as codend or fishing gear, which could present danger to the crew.

4.5 Lifting and hoisting appliances, as well as derricks, should be protected from overhoisting.

4.6 The Competent Authority should ensure that lifting and hoisting appliances, as well as derricks, should be tested at least every two years and the results entered in the record of the vessel.

4.7 No such appliance of a kind referred to in 4.2 nor any part or working gear thereof, should be taken into use for the first time or after it has undergone any substantial repair unless it has been tested and the result entered in the record of the vessel.

5 Deck machinery and tackle

5.1 All elements of a fishing gear system, including warping heads, winches, warps, wires, tackle, nets, etc., should be designed, arranged and installed to provide safe and convenient operation. In so far as is possible, such components should be of a suitable strength so that, in the event of an overload strain, the failure will occur on the designated weak link in the system. All crew members should be made aware of the designated weak link in the system.

3.3 Jika peralatan penghela pukut dan tali dikawal dari rumah kemudi atau dari kedudukan yang jauh dari peralatan, perlu disediakan satu kaedah untuk menghentikan proses melabuh dan menghela peralatan semasa kecemasan. Begitu juga sebaliknya jika alat kawalan utama berada pada mesin, suis kecemasan perlu diletakkan di dalam rumah kemudi.

3.4 Susunatur alat-alat keselamatan juga hendaklah dapat memastikan suis berhenti kecemasan akan diaktifkan jika seseorang ditarik ke arah tali atau peralatan penghela pukut.

4 Peralatan mengangkat

4.1 Kren hendaklah dibina dari bahan yang kukuh. Rekabentuk kren juga hendaklah mematuhi standard nasional yang sesuai. Kren hendaklah diuji dan memenuhi kehendak Pihak Berkuasa yang Kompeten dan dicatatkan beban kerja selamat maksima (*maximum safe working load*) yang ditetapkan. Dalam kes kren dipasang dengan *jib* yang dipanjangkan, beban kerja yang selamat pada pelbagai jejari perlu dicatatkan dengan jelas dan diletakkan hampir dengan tempat kawalan operasi.

4.2 Secara umum, kren yang disesuaikan untuk mengguna peralatan penghela pukut perlu direka supaya jika berlaku kegagalan, titik tergantung *jib* tidak boleh terlalu tinggi atau melebihi birai vesel supaya proses mengangkat peralatan menangkap ikan tidak membahayakan kru vesel.

4.3 Susunatur brek atau penghalang kren hendaklah diuji sekurang-kurangnya 1.5 kali beban kerja selamat (*safe working load*) dan memenuhi kehendak Pihak Berkuasa yang Kompeten.

4.4 Peralatan untuk menaik dan mengangkat seperti derik dan kelengkapan yang seumpamanya termasuk semua bahagian peralatan bekerja itu sama ada tetap atau boleh alih dan semua loji harus dari pembinaan yang baik, bahan diyakini, kekuatan yang mencukupi dan bebas daripada kecacatan. Ia harus diikat dengan mencukupi dan sesuai, disokong atau digantung dengan mengambil kira tujuan ia digunakan dan hendaklah dicatat dengan beban kerja selamat (*safe working load*). Ia harus mudah dicapai untuk penyelenggaraan. Pelindung perlu disediakan untuk menghalang pergerakan tidak diingini pada bahagian yang diangkat atau dinaikkan seperti hujung tali (*codend*) atau peralatan menangkap ikan yang boleh membahayakan kru vesel.

4.5 Peralatan untuk menaik dan mengangkat seperti derik hendaklah dilindungi dari dinaikkan melebihi had yang ditetapkan.

4.6 Pihak Berkuasa yang Kompeten perlu memastikan bahawa peralatan untuk menaik dan mengangkat seperti derik hendaklah diuji sekurang-kurangnya setiap dua tahun dan dicatatkan dalam rekod vesel.

4.7 Perkakas seumpama daripada jenis yang disebut dalam 4.2 atau peralatan telah menjalani pembaikan yang besar tidak wajar digunakan terus kecuali ia telah diuji dan keputusan dicatatkan ke dalam rekod vesel.

5 Dek jentera dan takal

5.1 Semua unsur-unsur sistem peralatan menangkap ikan, termasuk kepala gelendong (*warping head*), win, gelendong (*warps*), wayar, takal, pukut, dan sebagainya perlu direka, disusun dan dipasang supaya beroperasi dengan selamat dan secara mudah. Komponen tersebut hendaklah mempunyai kekuatan yang sesuai supaya sekiranya terdapat tegangan yang berlebihan, kegagalan akan berlaku pada sambungan lemah yang ditetapkan dalam sistem. Semua kru vesel hendaklah diberitahu tentang sambungan lemah yang ditetapkan di dalam sistem.

- 5.2 Warp guards should be fitted where practicable between warp lead rollers.
- 5.3 Sheaves and rollers should be guarded where practicable.
- 5.4 Chains or other suitable devices should be provided for stoppering off.
- 5.5 Wires, chains and warps provided should be of adequate strength for the anticipated loads.
- 5.6 Where practicable, provision should be made to stop trawl boards swinging inboard, such as the fitting of a portable prevention bar at the gallows aperture or other equally effective means.
- 5.7 Lifting and running parts of the fishing gear should be of adequate strength for the anticipated loads.
- 5.8 Provision should be made for the stowage of bulky netting to allow for drainage and to prevent lateral movement. The stowage area should be of adequate dimensions to keep the centre of gravity of the stowed net to a minimum and to allow for the crew to work in safety when flaking down nets.
- 5.9 Moving parts of winches, line and net hauling equipment and of warp and chain leads which may present a hazard should be, as far as practicable, adequately guarded and fenced.
- 5.10 Quick release devices should, preferably, be fitted in the case of beam trawling and in purse seining that can be activated in an emergency from the wheelhouse and at the main control station if not in the wheelhouse.
- 5.11 The design and construction of winches, line and net hauling equipment should, where practicable, be such that the maximum effort necessary for operating handwheels, handles, crank handles, levers, etc., should not exceed 160 N and in the case of pedals not exceed 320 N.
- 5.12 The design parameters of the equipment should not be exceeded.

- 5.2 Pelindung gelendong hendaklah dipasang di tempat yang praktikal antara penggelek perum gelendong (*warp lead rollers*).
- 5.3 Gelendong takal (*sheaves*) dan penggelek perlu dilindungi dimana praktikal.
- 5.4 Rantai atau alat-alat lain yang sesuai perlu disediakan untuk menghenti(*stopping off*).
- 5.5 Wayar, rantai dan gelendong (*warps*) hendaklah mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk beban yang dianggarkan.
- 5.6 Di mana praktikal, alat untuk mencegah papan tunda berayun di dalam vesel, seperti pemasangan bar pencegah mudah alih dibukaan gallow atau kaedah lain yang berkesan.
- 5.7 Bahagian mengangkat dan bergerak peralatan menangkap ikan hendaklah mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk beban yang dijangkakan.
- 5.8 Ruang perlu disediakan untuk menyimpan pukot yang besar dan dilengkapi dengan saluran air buang disamping dapat mengelakkan pergerakan sisi. Kawasan penyimpanan hendaklah mempunyai keluasan secukupnya untuk mengekalkan pusat graviti pukot disimpan pada tahap minima supaya kru vesel bekerja dalam keadaan selamat apabila menyusun pukot.
- 5.9 Bahagian bergerak bagi win, tali dan peralatan penghela pukot dan gelendong (*warps*) dan rantai perum (*chain leads*) yang mungkin menyebabkan bahaya hendaklah dilindungi dan dipagar secukupnya.
- 5.10 Vesel pukot tunda dan pukot jerut hendaklah dipasang peranti pelepasan pantas yang boleh diaktifkan dalam kecemasan dari rumah kemudi dan di stesen kawalan utama.
- 5.11 Reka bentuk dan pembinaan win, tali dan peralatan penghela pukot hendaklah, jika dapat dilaksanakan mengambil kira daya maksima yang diperlukan untuk mengoperasi roda tangan, pemegang, tangkai engkol, tuil dan sebagainya tidak boleh melebihi 160 N. Dalam kes menggunakan pedal tidak boleh melebihi 320 N.
- 5.12 Rekabentuk hendaklah tidak melebihi parameter peralatan.

ANNEX XXVI

GUIDANCE ON GMDSS

General

Vessels intended to comply completely with the GMDSS system can use the information listed below related to a complete GMDSS installation as reference. Actual minimum requirements are mentioned in the recommendations.

1 The Global Maritime Distress and Safety System (GMDSS)

1.1 The basic concept of the GMDSS is that search and rescue authorities ashore, as well as vessels in the immediate vicinity of the vessel in distress, will be rapidly alerted to a distress incident so that they can assist in a co-ordinated Sea Air Rescue operation with the minimum delay.

1.2 The system also provides for urgency and safety communications and the promulgation of navigational and meteorological warnings and forecasts and other urgent safety information to vessels.

1.3 In other words, every vessel is able, irrespective of the GMDSS Sea Area in which it operates, to perform those communication functions which are essential for the safety of the vessel itself and of other vessels operating in the same area.

1.4 The equipment to be carried depends on the sea area in which vessels operate. There are four sea areas:

- .1 **A1** means an area within the radiotelephone coverage of at least one VHF coast station in which continuous alerting by Digital Selective Calling is available;
- .2 **A2** means an area within the radiotelephone coverage of at least one MF coast station in which continuous alerting by DSC is available;
- .3 **A3** means an area within the coverage of an Inmarsat geostationary satellite in which continuous alerting is available; and
- .4 **A4** means an area outside sea areas A1, A2 and A3.

2 Functional requirements

Every vessel, while at sea, complying with the GMDSS system should be capable:

- .1 of transmitting ship-to-shore alerts;
- .2 of receiving shore-to-ship distress alerts;
- .3 of transmitting and receiving ship-to-ship distress alerts;

LAMPIRAN XXVI

PANDUAN MENGENAI GMDSS

Am

Vesel yang bercadang mematuhi sistem GMDSS sepenuhnya boleh menggunakan maklumat yang disenaraikan di bawah sebagai rujukan berkaitan dengan pemasangan lengkap GMDSS sebagai rujukan. Keperluan minima sebenar dinyatakan dalam cadangan ini.

1 Sistem Kecemasan dan Keselamatan Maritim Global (GMDSS)

1.1 Konsep asas GMDSS adalah pihak berkuasa mencari dan menyelamatkan di darat serta vesel di kawasan yang berhampiran dengan vesel dalam kecemasan dengan cepat dimaklumkan mengenai kejadian kecemasan supaya mereka boleh membantu menyelaras operasi Penyelamat Udara dan Laut dengan kelewatan yang minima.

1.2 Sistem ini juga menyediakan tindakan segera dan komunikasi keselamatan dalam penyebaran amaran dan ramalan navigasi serta meteorologi disamping lain-lain maklumat keselamatan yang mustahak untuk vesel.

1.3 Dalam erti kata lain, setiap vesel tanpa mengira Kawasan Laut GMDSS di mana ia beroperasi mampu untuk melaksanakan fungsi-fungsi komunikasi yang penting untuk keselamatan vesel itu sendiri dan kapal-kapal lain yang beroperasi di kawasan yang sama.

1.4 Peralatan yang akan dibawa bergantung kepada kawasan laut di mana vesel beroperasi. Terdapat empat kawasan laut:

- .1 **A1** bermakna kawasan yang diliputi radiotelefon sekurang-kurangnya terdapat satu stesen pantai VHF yang memberikan amaran secara berterusan dengan Panggilan Digital Terpilih (Digital Selective Calling);
- .2 **A2** bermakna kawasan yang di liputan radiotelefon sekurang-kurangnya terdapat satu stesen pantai MF yang memberikan amaran secara berterusan dengan Panggilan Digital Terpilih (Digital Selective Calling) ;
- .3 **A3** bermakna kawasan yang diliputi terdapat satelit Inmarsat geostationary yang memberikan amaran berterusan dan
- .4 **A4** bermakna suatu kawasan yang di luar kawasan laut A1, A2 dan A3.

2 Keperluan Fungsi

Semasa di laut, setiap kapal yang mematuhi sistem GMDSS hendaklah mampu:

- .1 menghantar isyarat kapal-ke-pantai;
- .2 menerima amaran kecemasan pantai-ke-kapal ;
- .3 Menghantar dan menerima isyarat kecemasan kapal-ke-kapal;

- .4 of transmitting and receiving search and rescue co-ordinating communications;
- .5 of transmitting and receiving on-scene communications;
- .6 of transmitting and receiving maritime safety information; and
- .7 of transmitting and receiving ship-to-ship communications.

3 Installation, location and control of radio equipment

3.1 Every vessel should be provided with radio installations capable of complying with the functional requirements prescribed above throughout its intended voyage unless exempted by the Competent Authority.

3.2 Where it is feasible to comply with the functional requirements prescribed above by means of a fixed installation, every radio installation should:

- .1 be so located that no harmful interference of mechanical, electrical or other origin affects its proper use, and so as to ensure electromagnetic compatibility and avoidance of harmful interaction with other equipment and systems;
- .2 be so located as to ensure the greatest possible degree of safety and operational availability;
- .3 be protected against harmful effects of water, extremes of temperature and other adverse environmental conditions; and
- .4 be clearly marked with the call sign, the ship station identity and other codes as applicable for the use of the radio installation.

3.3 Control of the VHF radiotelephone channels, required for navigational safety, should be immediately available in the wheelhouse, convenient to the steering position.

3.4 Every radio transmitter and receiver fitted in accordance with the Radio Regulations of the Competent Authority should be provided with a suitable antenna or antennas. The antennas should be so constructed and sited to enable each radio installation to perform effectively its intended communication function.

3.5 Where it is not feasible to comply with the requirements prescribed by above by means of a fixed installation, every radio installation should:

- .1 be an approved portable waterproof transmitter and receiver;
- .2 be provided with a suitable antenna; and
- .3 be provided with a fully charged sealed reserve power pack at all times while the vessel is at sea.

- .4 menghantar dan menerima komunikasi mencari dan menyelamatkan yang diselaras;
- .5 menghantar dan menerima komunikasi di tempat kejadian;
- .6 menghantar dan menerima maklumat keselamatan maritim; dan
- .7 menghantar dan menerima komunikasi kapal-ke-kapal.

3 Pemasangan, lokasi dan kawalan peralatan radio

3.1 Setiap vesel hendaklah dilengkapi dengan pemasangan radio yang mampu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas sepanjang pelayaran yang dimaksudkan melainkan jika dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Yang Kompeten.

3.2 Di mana ia boleh dilaksanakan untuk mematuhi keperluan fungsi yang ditetapkan di atas dengan cara pemasangan tetap, setiap pemasangan radio hendaklah:

- .1 ditempatkan dimana tidak ada gangguan berbahaya secara mekanikal, elektrik atau lain-lain sumber yang menjejaskan penggunaan secara betul. Disamping memastikan keserasian elektromagnet dan juga mengelakkan interaksi berbahaya dengan peralatan dan sistem yang lain;
- .2 terletak sebegitu untuk memastikan kesediaan tahap keselamatan dan operasi sebaik mungkin ;
- .3 dilindungi dari kesan air, suhu yang melampau dan lain-lain kesan buruk persekitaran
- .4 ditanda dengan jelas melalui isyarat panggilan, identiti stesen kapal dan lain-lain kod yang digunapakai untuk kegunaan pemasangan radio.

3.3 Untuk keselamatan navigasi, kawalan saluran radiotelefon VHF hendaklah tersedia dalam rumah kemudi berdekatan dengan kedudukan stereng.

3.4 Setiap pemancar dan penerima radio dipasang selaras dengan Peraturan Radio oleh Pihak Berkuasa Yang Kompeten harus disediakan dengan antena atau antena-antena yang sesuai .Antena harus dibina dan terletak sebegitu untuk membolehkan setiap pemasangan radio boleh melaksanakan dengan berkesan fungsi komunikasi yang dihasratkan.

3.5 Di mana ia tidak boleh dilaksanakan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas dengan cara pemasangan tetap, setiap pemasangan radio hendaklah:

- .1 pemancar dan penerima mudah alih yang kalis air serta diluluskan ;
- .2 disediakan dengan antena yang sesuai; dan
- .3 dibekalkan pek kuasa simpanan tertutup yang dicas sepenuhnya pada setiap masa semasa vesel itu berada dilaut.

4 Radio equipment to be provided for all sea areas

Every vessel should be provided with:

- .1 a VHF radio installation capable of transmitting and receiving radiotelephony on the frequencies 156.300 MHz (channel 6), 156.650 MHz (channel 13), and 156.800 MHz (channel 16);
- .2 a satellite emergency position-indicating radio beacon (satellite EPIRB) which should be:
 - .1 capable of transmitting a distress alert through the satellite service operating in the 406 MHz band;
 - .2 installed in a readily accessible position;
 - .3 ready to be manually released and capable of being carried by one person into a survival craft;
 - .4 capable of floating free if the vessel sinks and of being automatically activated when afloat; or
 - .5 capable of being activated manually.

5 Additional radio equipment to be provided for sea areas A1 and A2

In addition to meeting the requirements of section 4, every vessel engaged on voyages beyond sea area A1, but remaining within sea area A2, should be provided with:

- .1 A VHF radio installation capable of transmitting and receiving:
 - .1 DSC on the frequency 156.525 MHz (channel 70). It should be possible to initiate the transmission of distress alerts on channel 70 from the position from which the vessel is normally navigated; and
 - .2 radiotelephony on the frequencies 156.300 MHz (channel 6), 156.650 MHz (channel 13), and 156.800 MHz (channel 16);
- .2 a radio installation capable of maintaining a continuous DSC watch on VHF channel 70, which may be separate from, or combined with, that required by 5.1.1;
- .3 an MF radio installation capable of transmitting and receiving, for distress and safety purposes, on the frequencies:
 - .1 2187.5 kHz (assigned frequency) using DSC; and
 - .2 2182 kHz using radiotelephony; and,
- .4 a radio installation capable of maintaining a continuous DSC watch on the frequency 2187.5 kHz (assigned frequency) which may be separate from, or combined with, that required by 5.3.1.

4 Peralatan radio perlu disediakan untuk semua kawasan laut

Setiap vesel hendaklah disediakan dengan:

- .1 pemasangan radio VHF yang mampu menghantar dan menerima radio telefon pada frekuensi 156.300MHz(saluran6), 156.650MHz(saluran13), dan 156.800MHz (saluran 16);
- .2 satelit Emergency Position-Indicating Radio Beacon (EPIRB) hendaklah.
 - .1 mampu menghantar satu amaran kecemasan melalui perkhidmatan satelit yang beroperasi di band 406 MHz ;
 - .2 dipasang dalam kedudukan yang mudah dicapai;
 - .3 bersedia untuk dilepaskan secara manual dan mampu dibawa oleh satu orang ke dalam kapal penyelamat;
 - .4 mampu terapung bebas jika vesel tenggelam dan diaktifkan secara automatik apabila terapung; atau
 - .5 mampu diaktifkan secara manual.

5 Peralatan radio tambahan perlu disediakan untuk kawasan lautA1 danA2

